



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 13

Rabu

10 Ogos 2022

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah
Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2022

(Halaman 35)

Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022

(Halaman 63)

Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian
Persekutuan (Pindaan) 2022

(Halaman 92)

Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2022

(Halaman 121)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan

Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 39)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim (Dilantik)
2. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Dato' Sri Dr. Hj. Mohamad Ali bin Hj. Mohamad (Dilantik)
3. “ Datuk Lim Ban Hong [Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] (Dilantik)
4. “ Datuk Mohan A/L Thangarasu (Dilantik)
5. “ Tuan Aknan A/L Ehtook (Dilantik)
6. “ Datuk Paul Igai (Dilantik)
7. “ Datuk John Ambrose (Dilantik)
8. “ Datuk Razali bin Idris (Dilantik)
9. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee (Dilantik)
10. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim (Dilantik)
11. “ Tan Sri Dato' Seri Mohd Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad (Dilantik)
12. “ Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri (Dilantik)
13. “ Tuan Balasubramaniam A/L Nachiappan (Dilantik)
14. “ Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu (Dilantik)
15. “ Tuan Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin (Dilantik)
16. Tuan Robert Lau Hui Yew (Dilantik)
17. “ Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol (Dilantik)
18. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa (Dilantik)
19. “ Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah (Dilantik)
20. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (Dilantik)
21. “ Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan (Dilantik)
22. “ Datuk Dr. Azhar bin Ahmad (Dilantik)
23. “ Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali (Dilantik)
24. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh (Dilantik)
25. “ Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi (Dilantik)
26. “ Datuk Nicole Wong Siaw Ting (Dilantik)
27. “ Dato' Haji Husain bin Awang (Terengganu)
28. “ Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh (Terengganu)
29. “ Tuan Haji Aziz bin Ariffin (Perlis)
30. “ Tuan Seruandi bin Saad (Perlis)
31. “ Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair (Negeri Sembilan)
32. “ Datuk Lim Pay Hen (Johor)
33. “ Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan (Johor)
34. “ Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad (Kelantan)

AHLI HADIR (samb/-)

- | | | |
|-----|----------------|---|
| 35. | Yang Berhormat | Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 36. | “ | Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid (Perak) |
| 37. | “ | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |
| 38. | “ | Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya (Kedah) |
| 39. | “ | Dato' Wira Othman bin Aziz (Kedah) |
| 40. | “ | Dato' Ajis bin Sitin (Pahang) |
| 41. | “ | Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang) |
| 42. | “ | Datuk Bobbey Ah Fang bin Suan (Sabah) |
| 43. | “ | Puan Noraini binti Idris (Sabah) |
| 44. | “ | Dato Dr. Nuing Jeluing (Sarawak) |
| 45. | “ | Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 46. | “ | Datuk Wira Koh Nai Kwong (Melaka) |
| 47. | “ | Puan Lim Hui Ying. (Pulau Pinang) |
| 48. | “ | Puan Fadhlina Binti Dato' Sidek (Pulau Pinang) |
| 49. | “ | Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip (Dilantik / Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 50. | “ | Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Dilantik / Wilayah Persekutuan Labuan) |
| 51. | “ | Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Dilantik / Wilayah Persekutuan Putrajaya) |

AHLI TIDAK HADIR

- | | | |
|----|----------------|---|
| 1. | Yang Berhormat | Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan] (Dilantik) |
| 2. | “ | Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin [Menteri Kanan Pendidikan] (Dilantik) |
| 3. | “ | Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Timbalan Menteri Perpaduan Negara] (Dilantik) |
| 4. | “ | Dato' Dr. Ahmad Masrizal bin Muhammad [Timbalan Menteri Pengajian Tinggi] (Dilantik) |
| 5. | “ | Dato' Dr. Mah Hang Soon [Timbalan Menteri Pendidikan I] (Dilantik) |
| 6. | “ | Puan Susan Chemera Anding (Dilantik) |

TIDAK HADIR (DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)

1. Yang Berhormat Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] (Dilantik)
2. “ Dato’ Sri Ti Lian Ker [Timbalan Menteri Belia dan Sukan] (Dilantik)
3. “ Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian (Dilantik)

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Dato’ Eddin Syazlee Bin Shith [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)] (Kuala Pilah)
2. “ Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)] (Masjid Tanah)
3. “ Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] (Pengkalan Chepa)
4. “ Dato’ Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Timbalan Menteri Kewangan I] (Paya Besar)
5. “ Datuk Arthur Joseph Kurup [Timbalan Menteri Kerja Raya] (Pensiangan)
6. “ Datuk Haji Awang bin Hashim [Timbalan Menteri Sumber Manusia] (Pendang)
7. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan] (Jasin)
8. “ Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh [Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II] (Pasir Puteh)
9. “ Dato’ Dr. Mansor bin Haji Othman [Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air] (Nibong Tebal)
10. “ Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Timbalan Menteri Dalam Negeri I] (Kuala Krau)
11. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia] (Padang Besar)
12. “ Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] (Maran)
13. “ Dato’ Dr. Haji. Noor Azmi bin Ghazali [Timbalan Menteri Kesihatan I] (Bagan Serai)
14. “ Datuk Ago anak Dagang [Timbalan Menteri Kesihatan II] (Kanowit)
15. “ Dato’ Haji Kamarudin bin Jaffar [Timbalan Menteri Luar Negeri] (Bandar Tun Razak)
16. “ Datuk Seri Jalaluddin bin Alias [Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan] (Jelebu)
17. “ Datuk Mohamad Alamin [Timbalan Menteri Pendidikan II] (Kimanis)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Nor Yahati binti Awang

Setiausaha Dewan Negara
Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Halijah binti Mat Sin
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
Yoogeswari a/p Muniandy
Muhamad Fazal bin Mahat
Nor Aizafasya binti Zainal
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Nik Muhammad Ismail bin Karim	Muhammad Firdaus bin Ahmad
Azmir bin Mohd Salleh	Izzul Syazwan bin Abdul Halim
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa	Maryam binti Azinuddin
Nor Kamsiah binti Asmad	Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili
Aifarina binti Azaman	Nurul Syakirah binti Ibrahim
Noorfazilah binti Talib	Suhaila binti Sariffuddin
Farah Asyraf binti Khairul Anuar	Siti Fatimah Nurain binti Mohamad
Julia binti Mohd. Johari	Nor Afina binti Mohamed Rashid
Syahila binti Ab Mohd Khalid	Muhamad Shafiq bin Ahamad
Ismalinda binti Ismail	Muhammad Akmal bin Md Yusoff
Hazliana binti Yahaya	Nur Azmina binti Jamaluddin
Amir Arshad bin Ab Samad	Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani
Hizamihatim Maggisa bin Juara	Anisah Sahirah binti Hamzah

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA
Rabu, 10 Ogos 2022
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

**PEMBERIAN DOS PENGGALAK COVID-19
DAN SARINGAN KESIHATAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya hendak memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia telah memulakan pemberian dos penggalak COVID-19 di seluruh negara bermula 13 Oktober 2021 bertujuan memastikan imuniti yang diperolehi selepas menerima dos lengkap dapat dikekalkan untuk tempoh yang optimum.

Justeru, bagi menggalakkan Ahli-ahli Yang Berhormat dan warga Parlimen mengambil dos penggalak ini, sesi pemberian dos penggalak akan diadakan pada ketetapan berikut. Pada hari ini dan esok iaitu Rabu, 10 Ogos 2022 dan Khamis, 11 Ogos 2022 dari jam 9 pagi hingga jam 4 petang bertempat di Dewan Bankuet, Blok Utama Parlimen Malaysia. Diharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memanfaatkan kempen pemberian dos penggalak ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya turut ingin membuat pemakluman mengenai pemeriksaan kesihatan bagi Ahli-ahli Dewan Negara. Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI) 2022 kini sedang berlangsung sehingga Disember 2022. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS).

Selaras dengan majlis pelancaran NHSI, pihak KKM ingin mengambil kesempatan untuk melaksanakan aktiviti saringan kesihatan untuk Ahli-ahli Dewan Negara di Parlimen Malaysia semasa sesi sidang Dewan Negara berlangsung. Sehubungan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah membuat temu janji secara terus dengan Ketua Klinik Parlimen Malaysia, Datuk Dr. Murugesu Raju. Empat jenis pemeriksaan dan ujian saringan yang akan dijalankan adalah:

- (i) Indeks Jisim Tubuh (BMI);
- (ii) tekanan darah;

- (iii) paras gula dalam darah; dan
- (iv) ujian darah rutin.

Saya juga berharap agar Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memanfaatkan inisiatif ini dan diucapkan terima kasih. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Anak murid baling batu,
Soalan saya nombor satu.*

1. Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan, apa kekangan paling nyata yang menjadi punca kepada kekurangan guru di sekolah luar bandar, dan apa inisiatif proaktif jangka masa pendek dan panjang kerajaan dalam menangani masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan II [Datuk Mohamad bin Alamin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Semoga batu yang dibaling itu tidak mengena sesiapa.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan atas soalan yang telah dikemukakan pada pagi ini, dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap pengisian guru di sekolah KPM seluruh negara termasuk di luar bandar bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, berdasarkan data KPM sehingga 31 Julai 2022, jumlah kekurangan guru di luar bandar adalah seramai 4,732 orang atau 4.1 peratus daripada jumlah keseluruhan guru. Antara faktor yang menyumbang kepada kekurangan guru di sekolah termasuk sekolah di luar bandar iaitu kekurangan bekalan guru. Bagi menangani perkara ini, KPM telah melaksanakan beberapa pendekatan seperti berikut:

- (i) menubuhkan jawatankuasa pengambilan dan penempatan guru KPM di mana jawatankuasa ini berperanan mengenal pasti perubahan yang berlaku dalam dasar, kurikulum, program dan enrolmen yang memberi implikasi kepada keperluan guru seterusnya, memastikan keseimbangan dalam pengambilan serta penempatan guru sekolah KPM;

- (ii) melaksanakan urusan pengambilan guru secara *one-off* pada tahun 2021, sehingga 31 Julai 2022 seramai 16,381 orang guru telah ditempatkan di sekolah KPM. Daripada jumlah itu seramai 5,944 orang guru telah ditempatkan di sekolah luar bandar;
- (iii) melaksanakan urusan penempatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 tahun 2022 selepas menerima calon PPP yang telah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan yang dianggarkan berjumlah 15,761 guru;
- (iv) melaksanakan pertukaran guru sebanyak empat kali setahun bagi memudahkan pergerakan guru untuk mengisi kekurangan guru di luar bandar; dan
- (v) menggunakan kluster mata pelajaran bagi meningkatkan proses penempatan dan pertukaran guru.

KPM komited untuk terus memastikan keperluan guru di seluruh negara dipenuhi bagi memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan. Sekian, terima kasih.

■1010

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan tentang pengambilan guru secara *one-off* yang dilaksanakan oleh kementerian baru-baru ini. Sejauh mana ia membantu dalam menangani masalah kekurangan guru? Apakah tahap keperluan sebenar berkaitan dengan kekosongan guru di seluruh negara? Terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Benar, dalam program pengambilan guru secara *one-off*, kita telah mengambil lebih kurang 600,381 orang guru. Akan tetapi dalam masa yang sama juga, kita kena ambil kira guru-guru yang bersara setiap tahun.

Akan tetapi ingin saya nyatakan bahawa apabila ada program pengambilan guru secara *one-off* ini sebenarnya telah banyak membantu untuk menyelesaikan isu kekurangan guru di seluruh negara. Contoh, di negeri Johor sahaja Yang Berhormat, kekurangan guru di luar bandar lebih kurang 683 orang sahaja pada waktu ini yang mana, pengisian guru di luar bandar di negeri Johor sahaja pada waktu ini adalah seramai 9,865 orang.

Jadi maknanya, perbezaan kekurangan itu hanya ada dalam 683 orang mengikut data yang ada pada kita pada kali ini. *Insyallah* kementerian akan terus berusaha untuk mengisi mana-mana kekurangan kita.

Sebagaimana saya nyatakan dalam strategi yang ke-tiga tadi, di mana melalui penempatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41. Kita telah membuat satu projeksi

ataupun unjuran guru-guru yang bakal keluar pada tahun mendatang ini melalui guru-guru yang berada di IPG umpamanya. Bersama-sama dengan guru-guru yang mengambil ijhtisas Ijazah Pendidikan di universiti awam. Jumlah keseluruhan itu 15,761 orang guru. Ini akan membantu untuk mengisi guru-guru yang masih kurang lagi pada masa-masa tahun yang datang ini. *Insyah-Allah*. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Noraini binti Idris : Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Noraini binti Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berapakah jumlah kekurangan guru luar bandar di Sabah? Apakah strategi kementerian untuk menyelesaikan isu ini? Terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Untuk Sabah sahaja Tuan Yang di-Pertua, kekurangan guru di luar bandar sahaja pada waktu ini adalah seramai 867 orang.

Akan tetapi guru yang berada di luar bandar pada ketika ini Yang Berhormat, untuk makluman ialah seramai 31,763 orang. Ramai yang berpandangan bahawa luar bandar ini mempunyai guru yang sangat tinggi. Akan tetapi ingin saya nyatakan di sini pada pagi ini, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, kekurangan guru yang lebih signifikan, lebih ramai itu ialah di kawasan bandar berbanding dengan luar bandar. Jumlah guru di bandar untuk makluman kepada Yang Berhormat Senator. Jumlah guru di kawasan bandar seramai 307 ribu orang. Akan tetapi kekurangannya sebanyak 10 ribu. Luar bandar, jumlah guru pada ketika ini 110 ribu. Kekurangannya hanya 4,700.

Maknanya, kekurangan di bandar itu lebih tinggi sebenarnya. Akan tetapi untuk Sabah Yang Berhormat Senator, *insyah-Allah* melalui beberapa strategi yang saya sebutkan tadi antaranya unjuran guru yang bakal keluar daripada IPG, universiti awam, yang bakal keluar ini lebih 15 ribu lebih itu kita akan agih-agihkan. Termasuk juga di negeri Sabah nanti. Termasuk juga KPM juga akan melaksana pertukaran guru dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Jika ada kekurangan yang sangat mendesak, kita akan buat pertukaran itu mengikut proses yang sedia ada. *Insyah-Allah*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Arman Azha Abu Hanifah

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Dari Subang ke Paya Besar;
Berjalan-jalan sampai ke gua.
Saya berdiri ingin bertanya;
Soalan saya nombor dua.*

2. Dato' Arman Azha Abu Hanifah minta Menteri Kewangan menyatakan, setakat ini, jumlah penerima manfaat Skim Jaminan Kredit Perumahan yang diumumkan kerajaan dalam Bajet 2022. Apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan kerajaan untuk meningkatkan peserta dalam program ini?

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Arman Azha atas persoalan yang dibangkitkan kepada Kementerian Kewangan. Tuan Yang di-Pertua, semasa pembentangan Bajet 2008 pada 7 September 2007, kerajaan telah mengumumkan skim jaminan kepada institusi kewangan untuk membolehkan orang awam yang berkemampuan tetapi tidak mempunyai bukti atau dokumen pendapatan secara rasmi penyata gaji atau memperoleh pendapatan secara tidak tetap untuk mendapat akses pembiayaan perumahan sehingga 100 peratus daripada institusi kewangan terpilih.

Ini berbeza dengan pinjaman perumahan yang biasa yang ditawarkan oleh bank yang pada amnya memerlukan peminjam berpendapatan tetap serta mempunyai bukti pendapatan secara rasmi.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam hal ini pada tahun 2007, sebuah syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu syarikat jaminan kredit perumahan (SJKP) telah ditubuhkan dengan mandat untuk menyediakan skim jaminan kredit perumahan bagi mengatasi masalah golongan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang pelaksanaan skim sejak beroperasi pada tahun 2008 sehingga 31 Mei 2022, sebanyak 13,038 permohonan jaminan berjumlah RM1.5 bilion telah diluluskan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan jumlah penyertaan daripada golongan sasaran, Bajet 2022 telah menyaksikan kerajaan telah meluluskan skim ini melalui penyediaan jaminan sehingga RM2 bilion yang dijangka akan memanfaatkan seramai 5 ribu hingga 6 ribu isi rumah sasaran, termasuk golongan muda, pekerja GIG dan usahawan mikro bagi membolehkan mereka memiliki kediaman sendiri.

Selain itu, skim ini juga ditambah baik di mana had jaminan pembiayaan telah dinaikkan daripada 300 ribu kepada 400 ribu yang turut merangkumi yuran guaman dan yuran penyediaan hartanah. Bagi meningkatkan kesedaran kepada golongan sasaran berhubung kewujudan skim ini, beberapa insentif telah diambil untuk promosi program ini seperti berikut:

- (i) promosi bersama di antara SJKP dan KPKT di bawah Program i-Biaya;
- (ii) penglibatan SJKP di bawah Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia yang meliputi negeri, termasuk Sabah dan Sarawak;

- (iii) promosi skim melalui media masa dan elektronik serta papan iklan dari semasa ke semasa; dan
- (iv) kerjasama erat pihak-pihak berkepentingan seperti institusi-institusi kewangan dan pihak pemaju bagi tujuan promosi bersama dan kelulusan permohonan pembiayaan di bawah skim jaminan kredit perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan sentiasa komited untuk memperkenalkan inisiatif bagi membantu semua golongan, terutamanya golongan B40 untuk memiliki rumah mereka sendiri pada masa hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Arman Azha Abu Hanifah: Soalan tambahan. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana memberi dan mewujudkan jaminan sebanyak 2 bilion seperti jawapan yang Yang Berhormat berikan tadi.

Soalan saya, apakah pendedahan risiko kerajaan ke atas jaminan ini bagi memastikan kedudukan fizikal kerajaan tidak terjejas? Berapakah jumlah permohonan skim ini yang telah ditolak? Apakah sebab utama penolakan ini? Terima kasih.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas persoalan yang sangat signifikan. Ada dua perkara yang membangkit. Pertamanya, bagaimana risiko kepada kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak SJKP diperkenalkan dan beroperasi pada tahun 2008, jaminan seperti mana yang saya sebut di jawapan asal tadi RM1.5 bilion. Risiko tuntutan bagi skim SJKP ini adalah rendah kerana kita ada kolateral, aset tambahan yang disandarkan di bawah skim ini iaitu rumah mereka sendiri. Sekiranya mereka tidak mampu membayar, institusi kewangan akan membuat *due diligence* untuk membuat lelongan rumah. Jumlah lelongan rumah itu sekiranya melebihi jumlah pinjaman, jadi kerajaan tidak perlu membayar apa-apa peruntukan kewangan tambahan. Akan tetapi sekiranya ada *arrears* atau ada tambahan yang perlu kita tambah, itu sahaja yang perlu kita tambah.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat hari ini hanya RM1.32 juta *exposure* kerajaan. Kira-kira 1 peratus daripada jumlah jaminan ini. Jadi, kita anggap perkara ini tidak memberi masalah dan risiko kepada kerajaan.

Berbalik perkara kedua Tuan Yang di-Pertua, adalah berapa banyak permohonan yang ditolak. Daripada sejak diwujudkan sehingga hari ini seperti mana saya sebut dalam jawapan asal tadi, 13,038. Sebenarnya jumlah permohonan ialah 14,308 jumlah permohonan. Ada tiga sebab utama Yang Berhormat. Sebab yang paling besar ialah pertindihan permohonan. Lebih kurang 70 peratus kerana mereka banyak mohon melalui pelbagai bank dan mereka buat permohonan yang serentak, itu kita tolak.

Keduanya, kemampuan membayar. Ia mesti 65 peratus daripada jumlah pendapatan kerana syaratnya Tuan Yang di-Pertua, dia mesti ada pendapatan sekurang-kurangnya RM1,000.

Ketiga, ada juga golongan yang tidak bekerja berada di kategori T20 juga memohon. Jadi, kita beranggapan T20 ini Tuan Yang di-Pertua, mereka boleh uruskan dengan institusi bank. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1020

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada perancangan dan pendapatan kuantitatif yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri jelas juga peranan kementerian dalam memastikan permohonan skim ini mendapat pinjaman yang dimaksudkan melalui institusi perbankan tanpa syarat-syarat tambahan institusi yang seperti sekatan, dengan izin, *financial health screening* daripada pelbagai pihak CCRIS, CTOS yang membebaskan si pemohon itu. Terima kasih.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator bertanyakan berkaitan adakah kita akan mempermudah. Dahulu sebelum kita bentang Bajet 2022, tempoh untuk permohonan 14 hari. Sekarang kita mempermudah tujuh hari, itu yang pertama. Dahulu tidak banyak institusi kewangan terlibat, sekarang ini sudah hampir 15 buah institusi kewangan terlibat.

Keduanya, berkaitan kelayakan tadi atau kriteria. Dahulu kita perlukan semakan CCRIS itu panjang. Ini kurang daripada dua bulan sahaja Yang Berhormat kerana kita sudah ada kolateral rumah mereka sendiri dan kita mempermudah. Kita tidak membuat semakan prestasi kewangan mereka sepertimana Yang Berhormat sebutkan tadi, penarafan *rating* mereka itu semua. Kita ambil kurang daripada dua bulan. Maknanya dua bulan atau sebulan, bukan enam bulan sepertimana yang dahulu. *Insyallah* Yang Berhormat, kita akan cuba bantu...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Maksudnya mesti melalui CCRIS dan CTOS lagi lah?

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah: Mesti. Cuma sepertimana yang saya sebutkan tadi, maknanya proses itu bukan kita ambil kira enam bulan. Kita sekarang ini hanya kurang daripada dua bulan. Maknanya dua bulan atau sebulan. Saya rasa itu *manageable* kerana yang paling pentingnya ialah mesti ada dua kaedah menang-menang antara peminjam dan pembeli. Apa yang paling penting, hasrat kita adalah semua rakyat di Malaysia ini mesti mempunyai kediaman yang mereka idam-idamkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Husain bin Awang: Soalan tambahan. Minta laluan.

3. Dato Dr. Nuing Jeluing minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, langkah-langkah yang diambil untuk menentukan barangan makanan asas mencukupi keperluan rakyat. Adakah rancangan jangka panjang untuk menentukan barangan makanan asas ini mencukupi dan tidak bergantung kepada import dari luar negeri.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0, dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah merangka pelbagai polisi dan inisiatif untuk meningkatkan produktiviti industri agromakanan dan memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi. Beberapa langkah segera telah diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan barangan asas mencukupi adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan *stockpile* beras kepada 290 ribu metrik tan menjelang tahun 2023 dan membangunkan stok penimbang ayam yang melibatkan 4,500 tan metrik oleh Lembaga Pertubuhan Peladang bagi menstabilkan bekalan dan harga ayam di pasaran. Kerajaan turut membangunkan stok penimbal ikan melibatkan 1,000 tan metrik oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia untuk menjamin kesinambungan bekalan ikan semasa musim tengkujuh dan perayaan; dan
- (ii) untuk memberikan subsidi bagi mengurangkan beban penternak ayam dan juga telur yang terkesan akibat kenaikan kos input khususnya makanan ternakan seperti jagung, bijian dan juga soya. Bagi tujuan tersebut, kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM1.1 bilion supaya harga ayam dan telur terus kekal stabil di pasaran.

Di samping itu, tindakan jangka panjang yang diambil bagi mengurangkan kebergantungan kepada import adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan Program SMART Sawah Berskala Besar yang menyasarkan peningkatan purata hasil padi per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada tujuh tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan dan juga sebagainya;
- (ii) menubuhkan Lembaga Ruminan Negara untuk meningkatkan kemapanan dan pertumbuhan industri ternakan serta hasilan ruminan seperti daging dan tenusu yang dijangka akan beroperasi secara berfasa bermula pada tahun ini;

- (iii) menyokong pemodenan dan pertanian pintar melalui kemudahan pembiayaan di bawah Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan;
- (iv) untuk menggalakkan penyertaan golongan belia dalam bidang pertanian dan juga agromakanan dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk RMKe-12; dan
- (v) kita mewujudkan insurans tanaman iaitu sistem takaful agromakanan untuk padi yang akan dilancarkan pada Suku Ketiga tahun 2022 dengan memanfaatkan seramai 189,500 orang pesawah.

MAFI yakin semua tindakan yang saya sebutkan di atas sudah mampu untuk mengurangkan kebergantungan import negara terhadap bekalan makanan bagi menjamin sekuriti makanan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato Dr. Nuing Jeluing: Soalan tambahan. Apakah kedudukan dan trend import komoditi agromakanan sejak tahun 2020 sehingga sekarang jika dibandingkan dengan eksport? Nyatakan sebab yang mempengaruhi trend ini. Apakah barang-barang keperluan makanan yang mempunyai nisbah kebergantungan import atau IDR yang tinggi? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Soalan yang cukup bertepatan sekali pada masa dan ketika ini. Pertamanya, tentang trend kita. Sebelum itu, ingin saya sebutkan bahawa jumlah import untuk sektor agromakanan negara adalah begitu membimbangkan sekali. Kalau tahun 2020, kita merekodkan sebanyak RM55.4 bilion, terus meningkat pada tahun 2021 sebanyak RM63.6 bilion.

Untuk tahun 2022 ini, untuk pertengahan pertama dari Januari hingga Jun, ia telah merekodkan angka sebanyak RM36.6 bilion. Maksudnya kalau sampai cukup tahun ini, kita akan menjangkau sebanyak RM75 bilion. Daripada RM55 bilion naik RM63 bilion, sekarang naik RM75 bilion. Kesan ia sebenarnya trend ini adalah kerana kenaikan kos pengeluaran makanan seluruh dunia pada ketika ini.

Keduanya kerana ketidakstabilan geopolitik, kerana peperangan antara Rusia dan juga Ukraine dan juga kesan yang paling penting, kesan iklim iaitu *extreme weather condition*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Selepas itu juga tentang pengukuhan nilai Dolar yang telah menyebabkan kenaikan kos ini dan juga untuk kita memenuhi apa jua keperluan untuk sektor makanan selepas kita menghadapi COVID-19.

Selepas itu, kita tengok balik nilai import kita pada Yang Berhormat cakap apa barang-barangnya yang kita import telah menyebabkan banyak kita punya bayaran yang kita kena buat untuk import. Pertamanya macam beras. Selepas itu daging. Itu kita punya SSL paling rendah, 22 *percent*. Selepas itu sayur. Selepas itu kita punya buah-buahan tropika. Selepas

itu gula, tidak termasuk lagi makanan ternakan seperti- dan juga input pertanian seperti racun dan lain-lain.

Jadi, dalam masa yang sama juga, kita jangan lupa bahawa kita juga meningkatkan eksport kita. Daripada barang yang kita import tadi kita tambah nilai, selepas itu kita *reexport*. Kalau kita tengok daripada angka tahun 2020, kita telah berjaya mengeksport sebanyak RM33.7 bilion. Selepas tahun 2021, telah meningkat sebanyak RM38.6 bilion. Untuk tahun ini sehingga 30 Jun, kita telah mencatatkan angka sebanyak RM20.1 bilion. Maknanya kita akan *insya-Allah*, meningkatkan kalau sampai cukup tahun ini RM41 bilion. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apa perancangan kerajaan bagi memastikan peluang pekerjaan yang ada dikawal selia serta dibuka kepada anak muda di semua peringkat.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Haji Awang bin Hashim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati dan saya raikan. Berbangkit kepada soalan yang keempat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah merancang pelbagai inisiatif dan mempergiatkan pelbagai usaha bagi memastikan peluang pekerjaan yang ada dikawal selia secara terbuka kepada semua warganegara termasuk anak muda. Antara perancangan atau program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut.

■ **1030**

Program JaminKerja – Insentif Penggajian, yang akan memanfaatkan pencari kerja dari seluruh negara. Program ini merupakan insentif kewangan yang diberikan kepada majikan yang membuat pengambilan baharu mulai 1 Januari 2022 dalam kalangan perantis, graduan, golongan mudah terjejas termasuk OKU, bekas tentera, bekas banduan, warga emas serta penganggur am. Sehingga 29 Julai 2022, sebanyak 120,237 orang pencari kerja telah berjaya mendapat pekerjaan.

Sebagai kesinambungan kejayaan program perantisan ini, pada tahun 2021 sahaja, JaminKerja – Insentif Penggajian akan diteruskan dengan pemberian insentif RM900 sebulan untuk tempoh enam bulan kepada majikan yang menggaji golongan perantis lepasan sekolah dan graduan berumur di antara 18 hingga 30 tahun dalam jawatan eksekutif. Golongan perantis ini perlu ditawarkan kontrak enam bulan dengan bayaran gaji pemula minimum berjumlah RM1,500. Berdasarkan statistik, jumlah pekerja yang telah mendapat manfaat daripada program ini iaitu program Perantisan JaminKerja – Insentif Penggajian setakat 29 Julai 2022, adalah seramai 5,932 orang.

Kerajaan juga melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah menubuhkan pusat penempatan- *placement centre*, dengan izin, yang berperanan sebagai platform untuk memadankan pekerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia. Sehingga 31 Julai 2022, sebanyak 43,903 peluang pekerjaan tersedia melalui platform ini di mana lebih 6,000 orang pekerja telah berjaya mendapat pekerjaan dalam pelbagai sektor perkhidmatan, perkilangan, borong dan runcit dan lain-lain lagi sektor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 60 peratus ataupun 3,600 adalah daripada golongan belia dan sebahagian besar mereka memperoleh gaji sebanyak lebih kurang RM2,000 dan ke atas.

Sedikit lagi. Kerajaan juga telah melancarkan inisiatif PENJANA HRDF dengan memperkenalkan lima skim yang terdiri dari penempatan dan latihan, pembangunan B40 dan pembangunan SME, Revolusi Perindustrian 4.0 dan Gerak Insan Gemilang. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali: Okey, *alhamdulillah*. Mungkin melalui inisiatif yang disebutkan tadi, laporan menunjukkan bahawa terdapat penurunan kadar pengangguran di kalangan belia pada suku tahun pertama pada tahun ini. Dengan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan, dilihat terdapat *mismatch*, dengan izin, antara peluang pekerjaan yang ada di luar sana bersama dengan kelayakan yang ada pada belia-belia yang di luar.

Jadi soalan saya, apakah langkah dan inisiatif yang dilakukan oleh pihak kementerian bagi memastikan *mismatch* ini dan juga inisiatif yang diuar-uarkan ini boleh digabungkan ataupun belia tersebut boleh mendapat manfaat kepada peluang yang dinyatakan sebentar tadi? Terima kasih.

Datuk Haji Awang bin Hashim: Dalam bahasa Malaysianya disebut padanan kerja.

Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah*. Kementerian Sumber Manusia, apa yang dibangkitkan melalui agensinya, kita menggunakan- ini nama khas iaitu Talent Corporations Malaysia Berhad, giat memberikan penekanan kepada peningkatan kebolehpasaran graduan dengan mengaplikasikan penggunaan senarai pekerjaan yang kritikal (COL).

Jadi disebut di situ COL adalah bertujuan untuk mengenal pasti kemahiran-kemahiran dan pekerjaan-pekerjaan yang sukar dipenuhi merangkumi keperluan tenaga kerja mahir iaitu padanan daripada segi latar belakang kelulusan dan juga latar belakang pekerjaan yang diminta yang disebut tadi dalam bahasa Inggerisnya oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ridhwan iaitu *mismatch* iaitu padanan yang bersesuaian dengan kebolehan dan juga kelulusan mereka.

Jadi yang ini kita menggunakan TalentCorp. yang ada di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu satu buah agensi untuk mengenal pasti senarai pekerjaan kritikal yang telah pun

diterbitkan sejak tahun 2015 dengan kerjasama Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILIMIA) dan juga kita ada rangkaian dengan Bank Dunia.

Jadi dalam *Critical Occupations List* (COL) ini, dengan izin, ataupun Senarai Pekerjaan Kritikal ini mengenal pasti pekerjaan-pekerjaan yang sukar diisi, merangkumi keperluan pekerjaan berkemahiran tinggi ataupun mahir dan separa mahir, termasuk kelulusan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berada di bawah Kementerian Sumber Manusia juga untuk kita menyesuaikan padanan daripada segi kemahiran dan kebolehan bekerja dan juga permohonan permintaan daripada mereka untuk mendapatkan pekerjaan ini. Itu yang dipanggil padanan kerja. Sekian, terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tuan Yang di-Pertua, mohon tambahan.

Dato' Haji Husain bin Awang: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat pada waktu ini kebanyakan peluang pekerjaan wujud di negeri-negeri pesat membangun seperti Selangor, Pulau Pinang dan sebagainya.

Soalan saya, apakah pelan komprehensif daripada kementerian supaya peluang pekerjaan wujud di setiap negeri mengikut kadar populasi negeri supaya tidak berlaku migrasi beramai-ramai dari negeri-negeri yang kurang membangun itu? Terima kasih.

Datuk Haji Awang bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada ayahanda Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang. Kebetulan nama pun lebih kurang saya ya, bapanya.

Jadi *alhamdulillah*. Ini sebenarnya aktiviti daripada MITI bagi mencatur perkembangan pelaburan bagi mengisi peluang pekerjaan supaya agihan ini agak diselaraskan kepada yang mana menjadi tradisi sebelum ini Johor, Selangor, Pulau Pinang yang menjadi negeri pelaburan. Akan tetapi sekarang kita tengok sudah berlaku sedikit perkembangan daripada pelaburan ini yang dibuat oleh MITI yang mana sekarang ini terus kepada negeri Kedah yang melibatkan pelaburan yang sangat besar setakat ini sehingga RM80 bilion.

Jadi di sini tentulah ada peluang-peluang pekerjaan yang akan diagihkan supaya tidak berlaku migrasi dari negeri itu ke negeri yang lain kerana ada sumber untuk mereka mendapatkan pekerjaan. Begitu juga dengan Kelantan, sudah mula pelaburan masuk untuk kita beri peluang pekerjaan untuk mengelakkan migrasi dari satu buah negeri maka, berlaku perimbangan dalam *economy cycle* ataupun putaran ekonomi kepada perolehan negara dalam seluruh negara Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Puan Noraini binti Idris.

Puan Noraini binti Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Soalan saya nombor lima. Terima kasih.

5. **Puan Noraini binti Idris** minta Menteri Kanan Kerja Raya menyatakan, dapatan daripada #FTRoadpedia Zon Sabah yang dijalankan pada Mei lalu dan apakah strategi berfokus yang telah dirangka bagi menyegerakan secara berstruktur proses penaiktarafan serta pembaikpulihan jalan raya di seluruh negeri tersebut khususnya projek yang berdepan dengan masalah dana.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Arthur Joseph Kurup]: Selamat pagi dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Senator, program FTRoadpedia merupakan program tahunan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya bagi meninjau dan memantau secara sendiri kualiti penyenggaraan jalan persekutuan serta projek pembinaan infrastruktur di sepanjang laluan. Sehingga kini, sebanyak 12 siri jelajah telah berjaya dilaksanakan bermula dari tahun 2016 yang melibatkan zon utara, tengah, timur, selatan serta Sabah dan Sarawak.

Program #FTRoadpedia Zon Sabah yang telah berlangsung pada 26 hingga 29 Mei yang lalu, memberi fokus kepada laluan FT.22 Kota Kinabalu ke Sandakan, susulan daripada aduan orang ramai. Sehubungan dengan itu, kementerian telah mewujudkan pasukan petugas khas- *task force*, dengan izin, yang bertujuan untuk mengenal pasti dan mencari jalan penyelesaian jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang untuk mengatasi kesulitan pengguna di sepanjang laluan tersebut. Hala tuju pasukan petugas khas ini adalah memfokuskan aspek yang berkait dengan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya serta meningkatkan lagi kerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

Sebagai langkah jangka pendek, kementerian telah meluluskan peruntukan sebanyak RM10.5 juta bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan segera. Kerja-kerja tersebut telah bermula pada awal bulan Julai 2022 dan lokasi yang kritikal akan dibaiki terlebih dahulu. Kerja-kerja ini dijangka akan siap dalam bulan Ogos ini juga.

Manakala kaedah penyelesaian secara jangka masa panjang, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo merupakan usaha yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur yang selamat dan selesa di negeri Sabah.

■1040

Antara inisiatif lain termasuklah memastikan jalan Persekutuan berada dalam keadaan baik dan diselenggarakan mengikut tatacara dan piawai yang telah ditetapkan. Pada tahun 2022, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM60 juta bagi program penyenggaraan berkala *pavement* dan berkala bukan *pavement*. Manakala bagi kerja-kerja penyenggaraan rutin, sebanyak RM50.8 juta telah diperuntukkan kepada JKR Sabah untuk memastikan jalan Persekutuan di negeri Sabah sentiasa diselenggarakan dengan baik.

Disebabkan oleh jumlah peruntukan yang terhad, maka pelaksanaan program penyenggaraan ini adalah tertakluk kepada senarai keutamaan yang dicadangkan oleh JKR Sabah.

Selain itu, bagi menyegerakan projek menaik taraf jalan di Sabah, kementerian ini sentiasa meneliti permohonan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah mengikut keutamaan dan akan diangkat untuk pertimbangan agensi pusat dalam setiap *rolling plan* Rancangan Malaysia tertakluk kepada agihan siling peruntukan bagi projek baharu di bawah kementerian ini. Sekian dan terima kasih.

Puan Noraini binti Idris: Soalan tambahan. Soalan tambahan saya, adakah kementerian akan membina jalan Kalabakan-Serudong, Sabah yang menghubungkan dengan jalan ke Simanggaris, Kalimantan, Indonesia bagi meningkatkan ekonomi sempadan Malaysia selaras dengan pemindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan? Terima kasih.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sebenarnya cadangan projek ini merupakan projek berkeutamaan tinggi bagi Sabah yang juga telah dibentangkan dalam Mesyuarat Penyelarasan Perancangan Projek Pembangunan Sempadan Malaysia dan Indonesia yang telah dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) pada bulan Jun tahun ini.

Selari dengan mesyuarat tersebut, kementerian ini telah mengangkat cadangan untuk kerja awalan dan reka bentuk bagi projek pembinaan ini untuk dimasukkan dalam *Rolling Plan* 3, Rancangan Malaysia Ke-12 untuk dipertimbangkan oleh agensi pusat.

Tuan Yang di-Pertua: “*Rolling pelan*” itu apa istilah yang baik, Yang Berhormat?

Datuk Arthur Joseph Kurup: Pelan bergulung... [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Kalau pelan bergulung habislah projek ini... [*Ketawa*]

Datuk Arthur Joseph Kurup: Itu nama khas, Tuan Yang di-Pertua... [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Pelan putaran.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Pelan putaran. Diambil makluman, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Sebab biasanya orang Sabah ini ada loghat-loghat kita tersendiri.. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila... [*Ketawa*]

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kerja awalan dan reka bentuk bagi projek ini perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum projek boleh dilaksanakan bagi mengenal pasti jajaran yang terbaik berdasarkan skop dan kos yang optimum bagi menguntungkan kerajaan dan rakyat di samping memastikan kesan terhadap sosial dalam alam sekitar dapat diminimumkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek ini juga termasuk dalam jajaran *ASEAN Highway Network* dengan nombor laluan AH150 yang merupakan laluan yang utama untuk menghubungkan negara-negara ASEAN di Kepulauan Borneo iaitu Malaysia, Sabah, Sarawak, Brunei, Indonesia iaitu termasuk Rantau Kalimantan.

Selain mewujudkan jaringan perhubungan jalan raya yang selamat dan selesa ke Kalimantan, Indonesia melalui Sabah, projek ini apabila siap kelak berpotensi untuk membawa limpahan pembangunan bagi Sabah melalui peningkatan aktiviti ekonomi dan perdagangan di sepanjang jajaran jalan termasuk pembukaan kawasan pembangunan dan penempatan yang baharu. Sekian dan terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, satu.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Razali bin Idris: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di Sabah, ia ada *Roadpedia*. So, ada signifikan dengan *Roadcare* di negeri Terengganu. Jadi, saya difahamkan *Roadcare* memonopoli projek potong rumput, bersih kawasan di jalan utama seluruh negeri Terengganu- Jalan Persekutuan.

Rakyat Terengganu, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini protes kerana tidak bersih dan mereka tidak faham. Mereka kata, kerajaan negeri yang tidak bersih. So, kerajaan negeri sekarang ini menghadapi masalah. Masalah sebegini.

Jadi, soalan saya, apakah pihak kementerian ataupun kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan monopoli *Roadcare* dan kita serahkan projek ini kepada JKR tempatan untuk dibahagi-bahagikan kepada kontraktor G1? Saya mohon penjelasan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Di Terengganu.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tujuan secara dasar kenapa kementerian memilih untuk memberi kontrak ini kepada syarikat-syarikat konsesi adalah, yang pertama, untuk memudahkan kerja penyenggaraan seperti berkala *pavement* dan bukan *pavement*, pembaikan lampu dan sebagainya kepada syarikat supaya arahan kerja boleh diturunkan secara segera khususnya untuk kerja-kerja pembaikan yang kritikal dan juga mendesak.

Akan tetapi, pada masa yang sama, itu tidak semestinya syarikat itu memonopoli semua kerja sebab kita telah membahagikan zon-zon seperti Zon Selatan, Utara, Timur dan sebagainya kepada syarikat-syarikat yang lain. Bagi kerja-kerja di bawah JKR daerah, biasanya mereka akan utamakan kerja untuk jalan-jalan negeri yang akan dibaiki dan diselenggarakan melalui peruntukkan MARRIS.

Jadi, untuk syarikat konsesi ini, ia hanya berkuasa untuk menyelenggarakan jalan-jalan Persekutuan sahaja. Itu pun terdapat juga garis panduan di mana mereka mesti memberi kerja-kerja kepada kontraktor-kontraktor kecil. Ada garis panduan dan juga beberapa program yang

telah diumumkan oleh Kementerian dan juga Kementerian Kewangan di mana ada beberapa peratus kerja-kerja kecil yang perlu diberi kepada kontraktor kecil.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, nak hapus atau tidak mahu hapus? Itu saja soalan saya. Tidak payah panjang. Sebab, *Roadcare* sekarang ini sudah menyusahkan Kerajaan Negeri Terengganu. Saya nak beritahu terang-terang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kenapakah tidak ambil nota kemudian berhubung? Sila.

Datuk Arthur Joseph Kurup: Seperti mana saya katakan tadi, pertama, saya tidak setuju bahawa konsesi ini dimonopoli oleh satu buah syarikat sebab ia telah dipecahkan mengikut zon seperti yang saya katakan tadi. Ini ada kebaikannya untuk memastikan kerja dan peruntukan dapat diturunkan secara cepat melalui arahan kerja. Kita perlu menggunakan kaedah konsesi seperti ini.

Akan tetapi, sekiranya Yang Berhormat Senator mempunyai cadangan yang lain, kita boleh pertimbangkan apabila kontrak konsesi itu tamat pada masa akan datang. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

6. Dato' Haji Ahmad bin Yahaya minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, pendirian kementerian mengenai cadangan mengawal kandungan program yang disiarkan di platform penstriman seperti *Netflix* bagi mengelakkan budaya yang tidak sihat terus menular dalam masyarakat.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, penstriman kandungan di mana-mana platform merupakan pilihan pengguna termasuklah langganan kepada perkhidmatan tersebut. Sehubungan dengan itu, tumpuan terarah kepada usaha melaksanakan program advokasi bagi menggalakkan pengguna melakukan kawalan sendiri dalam memastikan wujudnya kematangan dan pemilihan rancangan atau program yang mahu ditonton dalam platform OTT.

Pengguna mestilah membuat kawalan sendiri berdasarkan klasifikasi-klasifikasi kesesuaian, 13 tahun dan ke atas, 16 tahun dan ke atas, 18 tahun dan ke atas dan sinopsis maklumat berkenaan kandungan yang disediakan. Peruntukan perundangan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*] tidak meliputi skop tapisan kandungan- *censorship* yang jelas dinyatakan dalam seksyen 3(3), Akta 588.

Tambahan pula, perkhidmatan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *over-the-top* jadi, saya nak Melayukan- Bahasa Malaysia, kan saya susah sikit. *Over-the-top* ini 'meleпасi atas'. Jadi maknanya melepasi atas... [*Ketawa*] OTT.

Tuan Yang di-Pertua: Sekurang-kurangnya dia cuba.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: [*Ketawa*] Jadi, *over-the-top* ini maknanya *Netflix* dan sebagainya. Tidak seperti perkhidmatan penyiaran awam dan swasta. Ia ada lagi. Yang terkenal *Netflix*-lah tapi ada lagi. Ada *Viu*, *Amazon* termasuk *ASTRO*. Kalau platform itu *hat* dalam negara tidak kira swastakah, kerajaankah, maka kita boleh kawal. Maknanya di bawah akta kita.

Akan tetapi kalau OTT ini, maknanya platform luar. Platform luar ini termasuklah *Netflix*, *Amazon*, *Viu*, *Hulu*. Lagi kita tengok, kita kata- walaupun *ASTRO*. *ASTRO* pun ada juga- *Astro View*, *Astro Plus*, *Astro Disney*. Bermakna, kita tidak boleh kawal. Jadi, inilah dalam negara. Termasuklah kerja-kerja pelesenan dan tapisan di bawah perundangan yang sedia ada. Jadi, pelesenan itu tidak terlibat.

■1050

Walau bagaimanapun, kita akan kompelin, MCMC akan kompelin kalau ada aduan, contohnya *Netflix*, kita akan hantar kepada *Netflix*. Akan tetapi bagi pihak *Netflix*, platform luar negara ini, dia- contohnya klasifikasi, maknanya yang menjejaskan ataupun akhlak mereka itu kita tidak tahu. Bagi mereka setengah itu buka baju tidak ada masalah. Jadi di luar negara ini buka baju tiada masalah. Bagi kita ada masalah, kan? Jadi maknanya susah kita hendak solusi, kalau kita *complain*-pun klasifikasi mereka. Di Malaysia pun begitu juga, tiada yang boleh kita kontrol, contohnya dalam platform *TikTok*. Ada juga ikon-ikon kita yang suka dedahkan aurat ini kan. Dia suka dedah.

Jadi kita tegur tetapi kalau lebih sikit, sikit sahaja lagi maka kita akan ambil tindakan. Dia tinggal sikit lagi hendak buka. Ada ikon yang tertentu kan. Jadi maknanya sukar kan, jadi tuan-tuan pun tahu lah, ada yang jual ubat dan sebagainya, suka dedahkan aurat dan sebagainya. Ini kita tegurkan.

Walau bagaimanapun, kawalan ibu bapa dan penjaga digalakkan untuk melaksanakan. Jadi kita harap ibu bapalah, jangan meletakkan pin akses bagi setiap profil penonton di rumah untuk memastikan anak-anak di bawah umur tidak dapat mengakses semua kandungan yang tidak sesuai.

Jadi maknanya kalau boleh ibu bapa, kalau kata *Netflix* ini dia ada benda yang kita tidak setuju, kita jangan langganlah. Kita jangan langgan supaya anak-anak kita ini tidak terdedah kepada rancangan-rancangan yang mendedahkan seluruh badan mereka atau adegan-adegan yang kita rasa daripada segi akhlaknya tidak baik untuk negara. Terima kasih.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: Soalan tambahan.

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Penyoal utama dahulu .

Dato' Haji Ahmad bin Yahaya: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak ambil kesempatan untuk ucap tahniah

kepada kementerian atas ketegasan menolak tayangan filem contohnya macam *Lightyear* baru-baru ini kerana ada unsur LGBT. Cuma apa yang kita perhati sekarang ini usaha untuk normalisasi LGBT ini berlaku secara bersungguh-sungguh dan dahsyatlah di peringkat global.

Soalan saya, adakah kementerian melakukan sesi libat urus bagi meneliti ruang-ruang *perundangan bagi menyekat filem yang mempunyai unsur yang tidak sesuai dengan agama, budaya di negara kita? Terima kasih.*

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Terima kasih Yang Berhormat. Baru-baru ini ada sebuah filem yang kita *copyright* tidak lepas iaitu filem *Thor* yang baru. Maknanya dia ada sebut tentang LGBT tetapi walau bagaimanapun Yang Berhormat, kita lihat banyak sekarang ini filem yang ada unsur-unsur LGBT yang terlepas *copyright*.

Jadi kalau ada, maknanya kita kompelin tetapi cara mereka membuat filem untuk mereka mempromosi LGBT ini cara macam tidak nampak. Contohnya filem dulu dari dulu yang saya teringat masa saya muda lagi, saya tengok filem *Alexander The Great*. Bagi kita Iskandar Zulkarnain ini seorang yang apa dalam Al-Quran disebut tentang Iskandar Zulkarnain tetapi dalam filem tersebut ditunjuk secara tidak nampak bahawa Iskandar Zulkarnain ini dengan sahabat dia, pembantu dia itu mereka keluar sebuah tempat muka letih saja. Muka seolah-olah letih kan. Seolah-olah selepas buat sesuatu lah. Maka mereka *promote* LGBT.

Sekarang ini pun banyak filem di TV pun LGBT. Jadi maknanya kalau terlepas *copyright*, kita minta masyarakat tolonglah, tolong kita ini. Jadi sebab itu kita kawal, kita ambil tindakan. Akan tetapi bukan senang hendak ambil tindakan. Contohnya, macam saya kata tadilah ada *TikTok*, ikon dalam TikTok ini yang *promote* LGBT.

Sekarang ini kita ambil tindakan. Dia sudah lari ke luar negara. Itu promosi nombor satu tetapi tidak boleh tangkap lagi. Jadi maknanya kita lihat bahawa usaha kerajaan dengan Jabatan Agama bersungguh-sungguh dalam kita mengekang LGBT terutamanya dalam negara kita ini yang telah berkembang dengan...

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff: Soalan tambahan.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Yang di-Yang di-Pertua, terima kasih. Saya melihat nada jawapan dari Yang Berhormat Menteri macam kecewa sudah ini, macam *out of control*, dengan izin. Macam kita tidak dapat kawal. Sebelah Yang Berhormat pun ada Yang Berhormat Timbalan Menteri KDN. Kena bincang sebab kalau kita kata macam tidak boleh kawal, hendak serah kepada masyarakat, saya rasa menjelang 10-20 tahun ke depan lagi berat ini.

Jadi, kita hendak keyakinan daripada kementerian, kami akan cari jalan hendak kawal dan juga pastikan *block*, jangan bagi *enter*. Macam mana hendak kita buat, terserahlah kepada alam maya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Itu pandangan beliau. Sila.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Terima kasih Yang Berhormat. Nada kecewa itu Yang Berhormat, saya kecewa, saya kecewa Yang Berhormat sebab apa saya melihat di luar negara, yang *promote* LGBT ini badan hebat-hebat, sasa, tahu tidak? Laki-laki sama laki-laki. Jadi saya kecewa, saya hairan. Kenapakah jadi begini kan? Saya hairan kenapa badan itu sama sasa dan sebagainya bersama-sama melakukan perkara itu. Saya bukan kecewa, hairan. Tahu tidak? Hairan. Benda ini tidak sepatutnya berlaku tetapi ada berlaku.

Yang Berhormat, sebenarnya dalam negara kita, kita tegas. Memang kita tiada masalah tetapi benda-benda ini platform luar negara. Jadi, platform luar negara ini dalam dunia Internet ini tidak dapat kawal. Saya minta maaf, kita tidak dapat kawal. Contohnya, kalau kata kita buka sebuah platform, kita hendak tengok LGBT, terus keluar, kan? Kita sekat dan kita potong macam mana pun dia masih boleh masuk.

Dia macam ini, dua buah benda. Satu, benda yang kita lihat dia punya IP yang kita tidak boleh kontrol daripada segi kementerian ini MCMC, dua buah benda. Satu yang porno. Kita padam dia buat platform lain. Kita padam dia buat, ditukar-tukar. Satu lagi Yang Berhormat, tengok judi itu. Kalau kita tengok, kadang-kadang kita hendak tengok sebuah platform, penyanyi lah. Contoh, kita hendak tengok satu lagu. Sebelum lagu itu keluar, sudah keluar judi.

Ini memang kita beritahu kepada MCMC kita padam tetapi padam ditukar satu lain. Ditukar, macam mana dia pusing. Jadi, kita kena dalam dunia Internet ini, dalam dunia *connectivity* semua negara dapat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan Yang Berhormat. Ringkaskan Jawapan itu. Itu macam *lamentation* sahaja.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Okey, okey. Saya hendak *explain* Tuan Yang di-Pertua bahawa platform luar negara ini memang sudah hendak kawal. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Faham.

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff: Boleh saya menyambung soalan?

Tuan Yang di-Pertua: Hendak sambung. Atas apa yang hendak disambung? Kita dapat dua sahaja.

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff: Saya hendak sambung sahabat saya tadi. Saya cuma hendak bertanya daripada pihak kerajaan. Adakah kerajaan sudah mempunyai aplikasi ataupun teknologi yang mampu menghalang secara automatik? Oleh sebab saya difahamkan ada negara-negara luar yang telah ada aplikasi yang boleh *block* terus kandungan-kandungan yang tidak sesuai ataupun kandungan-kandungan mempunyai pornografi. Itu sahaja terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada implikasi Yang Berhormat. Macam di China...

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Tuan Yang di-Pertua, itu yang saya terangkan. Dia ini kita padam satu, dia buat sebuah platform lain. Dia macam apa- dia cepat. Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Bila dipadam satu, buat yang lain.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Dia buat cepat. Jadi maknanya susah Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya terangkan tadi ini, yang luar negara ini. Oleh sebab dia ini boleh akses sampai ke luar negara. Jadi kita padam itu, dia boleh buat lain. Dia bertukar-tukar. Ini yang kita sukar, saya minta maaf. Itu yang saya terangkan. Jadi kita kena faham benda ini. Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat Datuk Paul Igai.

7. **Datuk Paul Igai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perihal kes '*Colombia Flat*', satu serbuan bersepadu melibatkan 100 orang Anggota Polis dan Tentera di mana 42 orang individu telah diberkas. Berapa lagi kes kegiatan jenayah seperti ini dikesan berlaku dan apakah tindakan lebih awal untuk menyekat kegiatan jenayah seperti itu akan berlaku.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan ucapan Terima kasih dan tahniah kepada semua anggota dan pegawai polis yang sentiasa memastikan negara kita terus selamat dan aman.

Tuan Yang di-Pertua, *Colombia Flat* yang dimaksudkan sebenarnya merujuk kepada kawasan perumahan rakyat ataupun PPR Paya Nahu. Kawasan *flat* ini merupakan program kerajaan untuk penempatan semula penduduk setinggian yang tinggal di tanah rizab kerajaan negeri Kedah yang terletak di Kampung Selut dan Kampung Pulau Hawaii, Sungai Petani Kedah.

Berdasarkan pemantauan PDRM, kawasan *flat* ini telah dijadikan sarang dadah, aktiviti haram dan tempat berkumpul penjenayah. Sehubungan dengan itu, PDRM sentiasa melaksanakan operasi pencegahan secara berjadual untuk membanteras masalah sosial dan ketenteraman di lokasi berkenaan.

Satu operasi bersepadu yang dinamakan Ops Cantas Khas Muda telah diadakan di kawasan ini bermula pada dua petang, 17 Julai 2022 sehingga enam petang pada 14 Julai 2022 dengan kekuatan seramai 131 orang Anggota Polis. Operasi yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan menjamin ketenteraman awam serta rasa selamat masyarakat di kawasan Paya Nahu ini turut dibantu oleh Batalion 1 dan Batalion 2 Pasukan Gerakan Am (PGA) serta Pasukan Gerakan Udara (PGU) Bukit Aman.

Operasi ini telah membuat pemeriksaan di lapan buah Blok Flat Paya Nahu yang merangkumi lebih kurang 542 pintu rumah yang disyaki menjalankan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang Malaysia.

■1100

Operasi ini memberi fokus kepada perkara-perkara berikut:

- (i) premis-premis dan kawasan terbuka yang dikenal pasti wujud aktiviti perjudian haram dan bengkel-bengkel haram;
- (ii) mengesan dan menangkap suspek-suspek kes jenayah, pecah rumah, curi kenderaan dan penjualan barang-barang seludup;
- (iii) membuat serbuan terhadap tempat berkumpul (*port*) masalah sosial;
- (iv) menangkap dan menahan orang yang dikehendaki dan elemen gengsterisme;
- (v) membuat serbuan terhadap sarang-sarang penagih dadah dan ketum;
- (vi) memeriksa individu dan kenderaan yang melakukan kesalahan trafik; dan
- (vii) menangkap dan menahan warga asing yang tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah.

Hasil operasi ini, PDRM Kedah telah berjaya melaksanakan tangkapan seramai 42 orang atas pelbagai kesalahan undang-undang seperti di bawah Akta Dadah Berbahaya, Akta Kesalahan Kecil, Akta Imigresen dan kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Rampasan dibuat ke atas pelbagai jenis barang larangan seperti dadah dan rokok seludup. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Paul Igai: Soalan tambahan. Dalam pandangan kementerian, apakah langkah atau strategi holistik untuk mengatasi situasi *hotspots* seperti ini atau kawasan panas dengan jenayah sebelum ia menjadi panas? Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang kelaziman dan juga jadual tugas harian, setiap ibu pejabat polis daerah telah mengarahkan supaya rondaan kenderaan serba guna (MPV) ini dilakukan setiap jam.

Juga, rondaan Unit Rondaan Bermotosikal (URB). PDRM juga mengadakan operasi yang melibatkan kerjasama dengan jabatan-jabatan yang lain di dalam PDRM dan juga agensi kerajaan yang lain seperti Kastam, Imigresen serta persatuan-persatuan penduduk dan juga badan bukan kerajaan (NGO) serta pemimpin-pemimpin setempat. Kita menyeru supaya pemimpin setempat dan juga persatuan-persatuan penduduk memberikan kerjasama dan maklumat kepada kita supaya perkara-perkara yang melibatkan kegiatan jenayah ini dapat kita banteras.

Juga kita mengadakan aktiviti penyelarasan kesukarelawan melalui kepolisian komuniti, aktiviti pencegahan jenayah bersama sektor swasta, aktiviti lawatan pegawai

perhubungan sekolah yang kita didik daripada bangku sekolah lagi Tuan Yang di-Pertua, supaya pelajar dan anak murid kita tidak melakukan sebarang kegiatan jenayah. Usaha yang lain, libat urus dengan pegawai-pegawai dan juga agensi-agensi yang berkenaan. Banyak perkara lagi yang kita lakukan untuk memastikan negara kita terus selamat, aman dan ketenteraman awam dapat kita jamin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik. Satu lagi, tidak ada? Baik.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

8. Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, kebelakangan ini kesesakan lalu lintas terutamanya di ibu kota amat tidak memuaskan. Mohon Menteri jelaskan pendekatan kualitatif dan kuantitatif yang diambil oleh kementerian, hasil pendekatan tersebut dan jaminan kementerian kepada pengguna jalan raya.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Jalaluddin bin Alias]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanyakan soalan pada pagi ini. Untuk makluman Dewan yang mulia Tuan Yang di-Pertua, suka saya mulakan jawapan saya dengan jumlah ataupun peratusan pertambahan kenderaan yang masuk ke bandar Kuala Lumpur yang menjadi penyumbang terbesar kepada kesesakan yang berlaku sekarang. Pergerakan kenderaan telah mencatatkan kenaikan sebanyak 45 peratus, Tuan Yang di-Pertua.

Pada bulan Disember 2021, yakni 38.44 juta buah kenderaan yang masuk berbanding dengan 26.5 juta buah kenderaan pada Disember 2019. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pembukaan sektor selepas kita melalui proses pandemik dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga sedang melaksanakan beberapa inisiatif bagi meredakan kesesakan lalu lintas dengan mengambil tindakan-tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi mengatasi punca kesesakan yang telah dikenal pasti.

Selain daripada yang saya sebut tentang peningkatan jumlah kenderaan tadi, antara penyebab kepada kesesakan ini ialah kerana kurangnya penggunaan pengangkutan awam, jumlah penutupan lalu lintas, projek pembinaan dan penyelenggaraan, kemalangan, kemasukan kenderaan dan juga jentera berat ketika waktu yang tidak dibenarkan, termasuk penjaja yang tidak dibenarkan- *illegal hawkers* letak kereta dan termasuk laluan-laluan di plaza tol.

Langkah jangka pendek, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, pihak DBKL juga sudah dan akan meletakkan papan tanda larangan kenderaan berat masuk ke Kuala Lumpur. Pagi, pada waktu 6.30 pagi sehingga 9.30 pagi, petang pada pukul 4.30 petang sehingga 7.30 petang. Kedua, DBKL juga telah mengalirkan maklumat ini melalui sistem pesanan ringkas di paparan telefon tangan- *handphone* masing-masing.

Jangka sederhana Tuan Yang di-Pertua, kita ada lapan iaitu:

- (i) melarang kenderaan untuk meletak di bahu jalan;
- (ii) dalam proses untuk kita menghapuskan kesemua tempat letak kereta di jalan-jalan utama oleh pihak DBKL;
- (iii) untuk melarang penjaja berniaga di bahu jalan semasa waktu puncak. Kalau ada peniaga menjalankan pada waktu puncak, kita akan melakukan penguatkuasaan;
- (iv) mengemaskinikan papan-papan tanda;
- (v) mencadangkan lorong akses plaza tol ini untuk ditukar supaya laluan itu menjadi pelbagai guna- *multipurpose*. Sekarang ini RFID kita guna satu lorong saja, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kereta itu ia akan mengular dan menukar haluan pada saat akhir. Ini penyebab kepada kesesakan yang telah kita kenal pasti; dan
- (vi) Menambah lagi laluan kontra- *tidal flow* bagi mengurangkan kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit masa untuk masa langkah panjang pula, Tuan Yang di-Pertua. Lima perkara Tuan Yang di-Pertua, langkah panjang yakni:

- (i) menambahkan penambahbaikan untuk *first mile* dan *last mile* bagi semua pengangkutan awam;
- (ii) integrasi antara konsesi lebuhraya dan penyuraian trafik yang lebih berkesan;
- (iii) penambahbaikan penggunaan bas pengangkutan awam, GoKL dan Rapid Bus ini, Tuan Yang di-Pertua;
- (iv) penambahan infrastruktur sokongan seperti *underpass*, laluan pejalan kaki dan sebagainya; dan
- (v) untuk menguatkuasakan semula infrastruktur laluan lorong bas di Bandaraya Kuala Lumpur.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Sila.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri penerangan yang tadi, pendekatan yang diadakan untuk mengurangkan kesesakan laluan di ibu kota. Akan tetapi / nampak bahawa DBKL atau kementerian lebih fokus atau tertumpu memperbanyakkan keluasan jalan raya untuk mengurangkan kesesakan. Akan tetapi laluan pejalan kaki memanglah dikurangkan. Oleh itu, / hendak tanya secara teori, *you* besarkan jalan

raya secara teori adalah apa? Menarik lebih banyak kenderaan. Saya hendak mohon pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan yang kedua, secara puratanya, mengikut kajian tahun 2017, warga kerja di Kuala Lumpur menghabiskan 53 minit sehari di jalan raya. Oleh itu, / hendak mohon pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang kita faham, fokus perlu diberikan secara serata dalam, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *shared space* iaitu dalam membasmi kesesakan lalu lintas. Perhatian perlu juga diberi dalam rekaan infrastruktur jalan raya dan pendekatan dalam menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan alternatif. Mohon pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Yang Berhormat Senator bertanya- *shared space*, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Jalaluddin bin Alias: Tuan Yang di-Pertua, dua...

Tuan Yang di-Pertua: Katanya, *shared space* itu apa? Bersaham ruang.

Datuk Seri Jalaluddin bin Alias: Perkongsian ruang.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Seri Jalaluddin bin Alias: Saham ruang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Bersaham ruang.

Datuk Seri Jalaluddin bin Alias: Saya- Tuan Yang di-Pertua ini ya lah. Kita sama kampung, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang rindu juga.

Tuan Yang di-Pertua: Itu lah.

Datuk Seri Jalaluddin bin Alias: Tuan Yang di-Pertua, dua soalan. Soalan pertama, kenapakah kita mesti besarkan ruang laluan dan ruang pejalan kaki kita kecilkan dan menggalakkan kemasukan kenderaan di ibu kota? Tuan Yang di-Pertua, trafik ataupun jalan raya kita cukup untuk menampung jumlah kenderaan.

Cumanya sekarang Yang Berhormat, waktu puncak ini, kemasukan kenderaan dari luar Kuala Lumpur melebihi daripada jumlah yang sewajarnya. Itu yang penyumbang kepada kesesakan jalan raya. Untuk pejalan kaki, ada soalan Yang Berhormat, dalam soalan itu kalau tidak silap saya, pada esok, ruang pejalan kaki memang kita lengkap sudah Yang Berhormat. Kita sudah cukup untuk ruang pejalan kaki.

■1110

Akan tetapi budaya masyarakat kita Tuan Yang di-Pertua, berjalan ke pejabat ini sangat kurang. Berjalan kaki untuk menjalankan urusan harian sangat kurang kecuali mereka berjalan kaki untuk *shopping*, untuk pergi ke majlis-majlis hiburan dan sebagainya. Itu sahaja. Itu yang perlu kita tukar Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, yakni tentang dalam soal penggunaan kenderaan awam ataupun pengangkutan awam untuk mengurangkan trafik ini.

Tuan Yang di-Pertua, antara sebab pertama ialah pengangkutan awam kita saya sudah sebut tadi- *first mile and the last mile* kita perlu tambah baik.

Keduanya pengangkutan awam ini Tuan Yang di-Pertua kerana 45.2 peratus digunakan oleh warga asing berbanding dengan warga kita. Ini kerana warga masyarakat kota ini Tuan Yang di-Pertua menggunakan pengangkutan awam lebih lama berbanding dengan guna pengangkutan sendiri. Kerana itu *tendency* ataupun peratusan untuk mereka menggunakan kenderaan sendiri itu lebih daripada menggunakan pengangkutan awam. Ini adalah antara perkara yang kita lihat.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua suka saya menutup jawapan ini ialah kesesakan ini masih lagi di bawah kawalan kecuali pada waktu-waktu puncak tetapi pada waktu lain saya lihat Bandaraya Kuala Lumpur masih lagi dalam keadaan yang boleh diterima oleh warga dan masyarakat kota. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Soalan tambah daripada saya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Apakah faktor yang dikenal pasti menjadi punca mengapa warga kota kurang menggunakan pengangkutan awam? Berapakah jumlah warga asing yang menggunakan perkhidmatan Bas GoKL dari waktu sebelum pandemik sehingga kini? Apakah pihak kerajaan ada merancang untuk mengenakan cas kepada warga asing yang menggunakan perkhidmatan Bas GoKL ini pada masa hadapan?

Datuk Seri Jalaluddin bin Alias: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tentang kenapa masyarakat warga kota kurang menggunakan pengangkutan awam. Antaranya yang masa saya sebut tadi *first mile*- antara kediaman pergi ke tempat bermulanya pengangkutan awam dan dari tempat hentian akhir itu ke pejabat. Ini yang kita perlu naik taraf. Ini sudah termasuk dalam program jangka panjang pihak DBKL untuk menaik taraf *first and the last mile* dalam pengangkutan awam.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua ialah kerana yang saya sebut tadi, masa yang diambil oleh warga kota dengan menggunakan pengangkutan awam ini lebih lama berbanding dengan menggunakan pengangkutan sendiri. Ini perbandingan yang dibuat.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, warga asing iaitu 45.2 peratus digunakan oleh warga asing secara percuma Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita kutip- *collect* RM1 sahaja pada setiap penggunaan oleh warga asing ini, kita boleh *collect* RM9.2 juta pada setiap bulan. Jadi, kerana itu saya tidak menolak kemungkinan untuk pihak DBKL mengenakan bayaran kepada setiap warga asing berbanding dengan rakyat kita. Rakyat kita percuma Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya menggalakkan kempen untuk penggunaan pengangkutan awam ini. Sekarang DBKL memberi My50 ataupun RM50 kad percuma penggunaan pengangkutan awam ini kepada 750 orang kakitangan DBKL. Saya harap supaya kempen ini boleh dipanjangkan kepada agensi dan jabatan yang lain bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam ini berlipat kali ganda Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kembali. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

9. Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta Menteri Luar Negeri menyatakan, pendirian serta prinsip sebenar Wisma Putra terhadap agenda keamanan sejagat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang melibatkan pergolakan Rusia-Ukraine memandangkan Malaysia merupakan antara 58 buah negara yang berkecuali daripada undian terhadap penggantungan keahlian Rusia dalam Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Kamarudin Jaffar]: Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas pertanyaan yang dikemukakan. Selama hampir 65 tahun menganggotai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia kekal komited memperjuangkan agenda keamanan sejagat, selaras dengan prinsip-prinsip yang termaktub dalam Piagam PBB. Malaysia percaya bahawa semua pihak perlu berpegang kepada prinsip yang termaktub dalam Piagam PBB dan undang-undang antarabangsa sebagai panduan untuk mewujudkan hubungan baik antara negara demi memastikan hidup secara bersama dalam budaya damai.

Oleh yang demikian, Malaysia sentiasa mengisytiharkan pendiriannya bahawa prinsip asas integriti wilayah serta kedaulatan sesebuah negara seharusnya tidak dicabuli oleh mana-mana negara dan sebarang pertikaian perlulah diselesaikan secara aman damai demi mengekalkan keamanan dan keselamatan sejagat. Malaysia bersama 57 buah negara anggota PBB yang lain telah mengundi untuk berkecuali ke atas resolusi untuk menggantung keahlian Rusia dalam Majlis Hak Asasi Manusia (MHAM) pada 7 April 2022.

Pendirian Malaysia ini telah jelas dinyatakan melalui kenyataan akhbar Kementerian Luar Negeri bertarikh 8 April 2022. Malaysia sentiasa prihatin dengan perkembangan terkini yang berlaku di kawasan konflik ini, terutamanya situasi kemanusiaan yang amat membimbangkan.

Walau bagaimanapun, Malaysia juga kluatir sekiranya sebarang keputusan dibuat tanpa mengambil kira proses-proses yang sewajarnya terlebih dahulu, ia akan dijadikan sebagai agenda politik sesetengah pihak yang akan mengeruhkan lagi keadaan dan tidak

membantu dalam mencari jalan penyelesaian damai yang berkesan. Sebagai ahli MHAM, Malaysia berpegang kepada pendirian prinsipnya yang tidak menyokong pempolitan isu-isu di majlis tersebut.

Selain itu, Malaysia percaya bahawa tindakan menggantung keahlian Rusia dalam MHAM adalah tidak konstruktif kerana perkara itu tidak akan memperbaiki keadaan di Ukraine dan hanya akan mengasingkan Rusia dengan lebih jauh. Usaha untuk mengasingkan Rusia atau menyingkirkan Rusia dari organisasi antarabangsa ini adalah bertentangan dengan prinsip multilateralisme yang menekankan kerjasama dan penglibatan secara inklusif oleh semua pihak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu jawapan yang cukup lengkap tetapi ada tambahan sedikit. Apakah signifikan kunjungan singkat Nancy Pelosi ke negara ini tempoh hari dan bagaimanakah kunjungan tersebut mampu memperbaiki imej Malaysia dalam konteks diplomasi antarabangsa memandangkan kedatangan Tuan Yang di-Pertua atau *Speaker* Dewan Perwakilan Amerika Syarikat tersebut ke Taiwan telah mengundang rasa tidak senang pelbagai pihak termasuk China yang disifatkan sebagai '*brother*' oleh mantan Menteri Luar Negeri? Terima kasih.

Dato' Haji Kamarudin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini lawatan rasmi Speaker Dewan Kongres Amerika Syarikat ke negara kita dan melawat Parlimen kita 10 hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan Perwakilan.

Dato' Haji Kamarudin Jaffar: Ini adalah dalam konteks hubungan dua hala antara negara kita dengan Amerika Syarikat dan ini ialah suatu amalan yang dilakukan oleh semua negara dan kita amat menghormati kunjungan-kunjungan dua hala ini yang melibatkan kadangkala kita melawat Amerika Syarikat dan yang baharu ini Amerika Syarikat melawat kita.

Dalam hubungan lawatan Nancy Pelosi selepas itu ke Taiwan, itu sudah tentu akan diberi perhatian dan telah pun diberi perhatian oleh seluruh dunia khususnya negara China sebagaimana Yang Berhormat Senator sebutkan tadi dan dijawab oleh Amerika Syarikat.

Kita akan terus memantau keadaan ini dan kita akan senantiasa mengambil pendirian yang cermat dan menyeluruh supaya ia tidak mewujudkan suatu kekeruhan yang meningkat dalam rantau kita ini, yang mana kita senantiasa akan memperjuangkan secara sebuah negara ataupun secara multilateral- sebagaimana yang berlaku di sidang Menteri Luar ASEAN di Phnom Penh seminggu yang lalu, di mana kita menekankan supaya apa-apa pertelingkahan dalam rantau ini mesti kita hadapi sebagai satu kumpulan iaitu melalui ASEAN. Oleh itu, kita akan terus memegang kepada kaedah ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Yang Berhormat Senator Tuan Akmaz Ehtook.

10. Tuan Aknan a/l Ehtook minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana dasar dan inisiatif Pelan Antirasuah Nasional berjaya menyedarkan orang ramai tentang kesan rasuah kepada kemajuan negara dan adakah kes-kes tangkapan/pendakwaan yang telah dan sedang dilakukan boleh dijadikan petunjuk bahawa negara sedang menuju ke arah yang betul dalam membanteras rasuah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) merupakan rujukan utama kerajaan dalam menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam kita sama-sama membanteras memerangi rasuah. NACP ini merangkumi isu tadbir urus, integriti dan juga anti rasuah dalam satu buah kerangka yang bersepadu yang mendukung harapan tinggi rakyat untuk jadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas rasuah.

Melalui pelaksanaan sebanyak 115 inisiatif dan juga enam strategi di bawah NACP, kerajaan berusaha agar dapat sama-sama memperkemaskan agenda pambanteras rasuah bagi sektor perkhidmatan awam, politik, entiti korporat, agensi penguatkuasaan serta pihak berkepentingan yang secara tidak langsung dapat diharapkan memberi kesedaran kepada masyarakat akan kesan rasuah kepada negara.

■ **1120**

Pelaksanaan NACP secara amnya melibatkan kepada pindaan kepada dasar dan juga undang-undang iaitu penambahbaikan kepada perundangan sedia ada, mewujudkan perundangan baharu serta penambahbaikan kepada peraturan serta pekeliling yang berkaitan.

Pelaksanaan NACP ini menjadi ukuran kepada tahap keseriusan semua pihak dalam memastikan elemen *governance*, integriti dan juga anti-rasuah itu dijadikan sebagai agenda utama negara.

Impak hasil pelaksanaan inisiatif ini akan membawa kepada perubahan besar dalam perjalanan kesemua enam bidang utama yang terkandung di bawah NACP ini dan hanya boleh dilihat dalam jangka masa panjang. Keseriusan pihak kerajaan dalam memerangi jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan, akhirnya dapat membuahkan hasil apabila banyak tangkapan rasuah dibuat melalui pelbagai operasi penguatkuasaan.

Namun begitu, tangkapan semata-mata tidak boleh dijadikan sebagai indikator atau untuk mengukur keadaan rasuah di negara ini dan tindakan proaktif kerajaan bukan sahaja melibatkan penguatkuasaan, malah turut dilaksanakan daripada aspek pencegahan, pendidikan serta dasar-dasar kerajaan. Tindakan kerajaan dalam usaha membanteras rasuah di negara ini sentiasa berterusan dan sistem pentadbiran Malaysia, di bawah prinsip pengasingan kuasa, menuntut komitmen daripada semua pihak terutamanya di peringkat

eksekutif, legislatif dan juga kehakiman. Tindakan yang dilaksanakan tidak dibuat oleh satu pihak semata-mata tetapi masih ada lagi mekanisme semak dan imbang yang dilakukan.

Justeru, negara kita masih lagi berada dalam landasan yang benar dalam usaha untuk memerangi jenayah rasuah, salah guna dan juga penyelewengan. Terima kasih.

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Kita sudah ada Pelan Anti Rasuah Nasional tetapi kita punya indeks serta persepsi rasuah kita semakin merosot. Jadi kita hendak tanya apakah halangan dalam usaha kita untuk memperbaiki indeks tersebut. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini sebenarnya soalan yang selalu ditanyakan kepada pihak kami berkenaan dengan persepsi awam tentang betapa buruknya tahap rasuah di negara kita ini.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, CPI yang digunakan iaitu barometer antarabangsa yang diterbitkan dalam, dengan izin, *Transparency International* (TI) yang mengukur tahap persepsi rasuah dalam badan awam termasuk pegawai dan juga anggota pentadbiran bagi negara-negara di seluruh dunia.

Walau bagaimanapun, pengukuran yang digunakan CPI dilaksanakan berdasarkan persepsi melalui kajian-kajian oleh pihak institusi-institusi antarabangsa dan indeks ini sebenarnya memberikan gambaran kepada kerajaan supaya usaha penambahbaikan tadbir urus, integriti dan juga anti rasuah dapat terus dilaksanakan merentasi pelbagai sektor awam, swasta termasuk politik bagi memberikan kesan daya saing yang baik kepada ekonomi negara.

Antara perkara yang mempengaruhi skor dan juga kedudukan negara dalam CPI ini merupakan soalan berbeza yang digunakan antara negara-negara responden ataupun kumpulan sasar serta jumlah penglibatan negara juga berbeza setiap tahun. Contoh, kajian CPI pada tahun 2021 tidak melibatkan negara Brunei. Jadi di situ sudah berbeza.

Kerajaan melalui Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) telah pun mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan supaya laporan CPI ini lebih adil dan juga dapat memberikan gambaran yang sebenar kepada umum khususnya dan kesediaan Malaysia untuk dinilai dalam CPI pada tahun 2021 menunjukkan bahawa Kerajaan Malaysia ini ketelusan dan juga komitmen Malaysia dalam menambah baik tadbir urus kita.

Sehubungan itu, sebagai mana yang telah saya nyatakan tadi, kerajaan kekal komited untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah pun digariskan di bawah pelan NACP sebagaimana yang telah pun dimulakan sejak tahun 2019. Walau bagaimanapun, saya hendak tekankan sekali lagi, ini hanyalah bersifat jangka panjang. Jangka pendek tidak nampak lagi Yang Berhormat. Ia akan nampak pada jangka masa yang panjang. Terima kasih.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlanjur Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tentang CPI ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Apakah pendirian kerajaan tentang isu LCS yang sedang hangat diperkatakan dan bagaimana isu ini memberikan kesan kepada petunjuk persepsi rasuah negara? Saya ulang LCS. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: LCS.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih, Yang Berhormat, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kes ini masih lagi dalam siasatan dan saya tidak boleh hendak menjawab...

Datuk Razali bin Idris: Tidak jadi jawapan macam itu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya.

Datuk Razali bin Idris: Dalam siasatan tidak jadi. Jawapan ini sesiapa pun boleh jawab. Soalannya sekarang petualang itu mesti kena cari. So, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minta jawab betul-betul.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Timbalan Menteri jawab dulu. Sila jawab dulu. Tenang-tenang jawab.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Saya dengan tenang menjawab. Saya faham kekusaran Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berkenaan dengan kes ini. Akan tetapi, seperti mana yang saya nyatakan tadi, kes ini masih lagi dalam siasatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: LCS dalam siasatan. Tadi ada yang hendak tanya sebab masalah rasuah ini saya benarkan sikit lebih.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pembentangan laporan semula separuh penggal Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023 pada April 2022 hanya mencatatkan 33 peratus inisiatif yang berjaya dicapai.

Apakah faktor utama ataupun kekangan yang ditempuh oleh pihak kerajaan dalam memastikan kejayaan Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023 yang masuk berbaki beberapa bulan sahaja sebelum masuk ke tahun 2023 ini? Serta, apakah perancangan pihak kerajaan bagi memastikan NACP mampu direalisasikan menjelang akhir tahun 2023? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba, Yang Berhormat.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin: Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan Yang Berhormat dalam usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan di bawah NACP ini.

Sebagai mana saya nyatakan tadi, NACP ini telah bermula pada tahun 2019 dan laporan kemajuan NACP tahun 2019 telah pun diedarkan di Parlimen pada November 2020

dan Laporan Semakan Semula Separuh Penggal NACP 2019-2023 telah pun dikeluarkan pada Mei 2021.

Secara amnya, terdapat 13 inisiatif asal yang ditangguhkan pelaksanaannya melalui penerbitan Laporan Semakan Semula Separuh Penggal NACP berkenaan. Inisiatif ini ditangguhkan tidak bermaksud dihentikan tetapi telah diarahkan supaya kajian dibuat secara lebih mendalam sebelum satu penambahbaikan dibuat ke atas inisiatif-inisiatif tersebut bagi merealisasikan pelaksanaan. Ini sebab kebanyakannya memerlukan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan dan juga pengenalan beberapa perundangan yang baharu.

Jadi sehingga Disember 2021, lapan inisiatif telah pun siap dilaksanakan menjadikan sebagai mana Yang Berhormat kata tadi, 33 peratus. *Insya-Allah*, terdapat lebih kurang 14 inisiatif lagi dijangka diselesaikan pada Suku Ketiga tahun 2022 ini yang menjadikan keseluruhannya 51 inisiatif daripada 82 inisiatif menjadikan 44 peratus.

Jadi saya rasa itu sahaja jawapan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Sebagai nota kepada Dewan. Seharusnya Dewan Negara merakamkan sesuatu dalam bentuk perbahasan berkaitan dengan kapal lesap ini. Akan dicarilah jalan yang terbaik supaya Dewan Negara tidak nampak seolah-olah kita tidak mengambil sesuatu inisiatif, *insya-Allah*.

Saya teruskan kepada Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

11. Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta Menteri Kewangan menyatakan, senarai insentif cukai/kewangan yang sedang dan telah diberikan (antara tahun 2018-2023) kepada pihak pusat jagaan dan/atau majikan bagi memastikan perkhidmatan penjagaan anak dapat disampaikan kepada pekerja (jika ada). Apa rancangan kementerian terhadap insentif ini.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Hajah Zurainah atas persoalan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah menyediakan beberapa insentif cukai yang berkaitan dengan pusat penjagaan anak taska kepada pengusaha taska, majikan serta individu.

Sebagai pengusaha taska, layak menuntut insentif cukai seperti berikut;

- (i) pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun yang diperoleh daripada perkhidmatan penyediaan taska bagi tempoh lima tahun taksiran berturut-turut berkuat kuasa mulai Tahun Taksiran 2013, PU(A)3/2013; dan
- (ii) Elaun Bangunan Industri sebanyak 10 peratus setahun untuk tempoh 10 tahun tafsiran ke atas bangunan industri yang dijadikan sebagai

taska berkuat kuasa mulai tahun tafsiran 2013, dan tahun-tahun berikutnya, PU(A)2/2013.

Tuan Yang di-Pertua, manakala bagi majikan insentif cukai adalah seperti berikut: Pertama potongan cukai pendapatan ke atas perbelanjaan penambahbaikan taska yang dilakukan oleh majikan atau pemilik taska di bawah seksyen 34(6)(i), Akta Cukai Pendapatan 1967.

■1130

Kedua, potongan cukai tambahan ke atas perbelanjaan penyelenggaraan taska oleh majikan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013 [P.U.(A)15/2013].

Ketiga, elaun penjagaan anak yang dibayar oleh majikan kepada pekerjaanya yang merupakan perbelanjaan yang dibenarkan di bawah subseksyen 33(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 dalam pengiraan pendapatan penyelarasan daripada perniagaan majikan.

Keempat, potongan cukai tambahan ke atas elaun penjagaan anak yang dibayar oleh majikan kepada pekerjaanya berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013 [P.U.(A)15/2013].

Kelima, elaun bangunan industri sebanyak 10 peratus untuk tempoh 10 tahun taksiran kepada majikan yang membina atau membeli bangunan dan menjalankan operasi taska di bangunan tersebut untuk anak-anak pekerjaanya di bawah subperenggan 42A(2) Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, bagi individu pula layak menikmati pelepasan cukai pendapatan individu bagi bayaran yuran taska terhad kepada RM3,000. Pelepasan cukai ini masih berkuat kuasa sehingga tahun taksiran 2023.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, Ahli Yang Berhormat, insentif sedia ada masih dikekalkan oleh Kementerian Kewangan bagi meringankan beban kewangan di pihak pengusaha pusat jagaan majikan dan juga mengambil kira kebajikan pekerja yang mempunyai anak selaras dengan aspirasi Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, apakah inisiatif bantuan kewangan kepada rakyat dalam memastikan perkhidmatan penjagaan anak-anak dapat diperkasakan? Itu yang pertama.

Kedua, apakah respons individu dan majikan serta pengusaha taska dalam insentif cukai ini?

Ketiga, adakah insentif cukai kepada kepada syarikat-syarikat yang memberi ruang-sebab, katalah ambil contoh di Berjaya Times Square, saya ambil contoh, sewanya amat mahal. Jadi, kalau kita ambil satu ruang untuk dibuatkan taska bagi anak-anak pekerja, apakah insentif yang diberikan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat supaya soalan tambahan hanya satu. Ini supaya ia sesuai dengan peraturan kita dan tidak menokok kepada beban untuk dijawab oleh pihak yang berkenaan yang belum bersedia dengan beberapa alasan atau huraianya.

Silakan. Ada tiga soalan tadi itu. Jadi, Yang Berhormat bolehlah pilih hendak jawab satu ataupun rangkulan sekali sahaja.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah: Okey. Saya jawab ketiga-tiga sekali, Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak spesifik satu per satu. Saya ambil sikit-sikit.

Yang Berhormat, apa yang saya sebut tadi dalam jawapan asal adalah berkaitan inisiatif cukai. Bantuan kewangan banyak, Yang Berhormat. RM180, isi rumah B40, kita bagi subsidi yuran asuhan kanak-kanak, iaitu dari tahun 2020 sehingga 2021, kita bagi RM30 juta untuk taska di hospital, sekolah dan bangunan kerajaan. Kita bagi di bawah PENJANA sebanyak RM35 juta. Banyak, Yang Berhormat, bantuan kerajaan melalui kewangan.

Keduanya, Yang Berhormat sentuh tadi prestasi individu. Setakat hari ini, Yang Berhormat, kalau kita lihat tahun 2018 hingga 2021, pihak yang memohon atau yang menuntut untuk pelepasan cukai pendapatan individu adalah di antara 350 ribu tuntutan hingga 400 ribu tuntutan dan kalau kita lihat tahun 2021, lebih kurang 380 ribu tuntutan yang bernilai hampir RM930 juta.

Cuma, Yang Berhormat, insentif yang lain agak kurang. MOF telah mengarahkan LHDN supaya membuat penyelidikan berkaitan pencukaaian.

Yang Berhormat sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk majikan adakan taska di tempat mereka. Ada. Ada simulasinya. Saya kira simulasi nanti saya boleh bagi kepada Yang Berhormat Senator untuk Yang Berhormat Senator lebih faham kerana apa yang paling pentingnya kerajaan akan cuba bantu warga Keluarga Malaysia sebaik mungkin.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih.

12. Datuk John Ambrose minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan:

- (a) sejauh mana kementerian telah melaksanakan kajian kemungkinan perubahan iklim drastik dengan bencana alam yang lebih kerap pada masa akan datang; dan
- (b) bagaimana tahap kesiapsiagaan sistem amaran bencana di Malaysia.

Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Mansor bin Othman]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima

kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose atas soalan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Penilaian Keenam Kumpulan Kerja Pertama IPCC 9 Ogos 2021, terdapat peningkatan suhu sebanyak 1.1 darjah Celsius telah pun direkodkan sejak era pra-industri dan dijangka akan mengalami peningkatan kepada 1.5 darjah Celsius dalam tempoh 20 tahun akan datang. Sekiranya tiada tindakan mitigasi dijalankan, suhu purata global dijangka akan terus meningkat melebihi 2.0 darjah Celsius dalam tempoh antara tahun 2040 hingga ke tahun 2060.

Justeru itu, kerajaan sedang melaksanakan beberapa tindakan mitigasi seperti Pelan Hala Tuju Pelaksanaan, dengan izin, *National Determined Contribution* dan Strategi Jangka Masa Panjang Pembangunan Rendah Karbon di bawah RMKe-12.

Dalam hal ini juga, Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) mendapati peningkatan suhu ini menyebabkan berlakunya pertambahan jumlah intensiti dan pola hujan secara global di mana Malaysia juga turut terkesan. Kajian yang dijalankan oleh NAHRIM mendapati terdapatnya pola hujan aliran sungai dan aliran puncak yang hampir sama dengan beberapa siri kejadian banjir besar yang telah melanda di negara kita seperti banjir monsun tahun 2014 dan 2020 di Pantai Timur serta di bahagian utara tanah air.

Selain itu, NAHRIM juga telah membangunkan Sistem Pemodelan Hidroiklim yang berupaya meramal keadaan dan perubahan iklim seperti hujan, suhu permulaan, *evaporation*, dengan izin, dan kandungan kelembapan sehingga ke tahun 2010.

Untuk soalan (b), Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat juga, Jabatan Meteorologi Malaysia telah membangunkan sistem amaran awal bencana berkaitan cuaca dan tsunami yang bertujuan untuk mengeluarkan amaran awal cuaca dan tsunami dengan lebih efektif dan cepat kepada orang awam serta agensi-agensi pengurusan bencana harta. Operasi pemantauan yang dilaksanakan oleh MetMalaysia merupakan 24 jam sehari dan boleh dihubungi di talian *hotline* 1-300-22-1638.

MetMalaysia juga turut mewujudkan sistem hebahan maklumat melalui sistem pesanan ringkas- *message alert* bagi menyalurkan amaran cuaca dan makluman gempa bumi serta amaran tsunami sejak tahun 2005. Penerima-penerima mesej MetMalaysia merupakan mereka yang terlibat dalam pengurusan bencana di peringkat pusat, negeri dan daerah termasuk Agensi Pengurusan Bencana Negara dan pihak berkuasa tempatan. Maklumat-maklumat bencana ini juga disalurkan ke semua media elektronik cetak dan media sosial rasmi MetMalaysia untuk hebahan kepada orang awam.

MetMalaysia juga telah mengguna pakai teknologi NWP sendiri yang mampu menganalisis data dalam dan luar negara seiring dengan sistem yang digunakan oleh negara-

negara maju seperti *United Kingdom*, Amerika Syarikat, China dan Jepun. Sistem ini mampu meramalkan cuaca lebih awal sehingga tujuh hari ke hadapan.

Sikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. MetMalaysia juga telah membangunkan aplikasi *mobile myCuaca* dan *RakanMET* yang dapat memberikan maklumat cuaca dan gempa bumi serta medium perkongsian melalui cuaca setempat di kalangan orang awam untuk diakses pada bila-bila masa oleh orang awam. Sekian, terima kasih.

Datuk John Ambrose: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah usaha yang sedang dilakukan untuk memastikan cabaran *climate change* ini dipertanggungjawabkan kepada semua pihak dan bukan kerajaan semata-mata? Pada akhirnya, ini adalah isu yang melibatkan semua. Kalau hendak harapkan kerajaan buat semua, kita berkemungkinan akan gagal bertindak se pantas yang diperlukan untuk tangani isu ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapannya pun sudah bagi sikit sudah. Sila. Akhir sekali.

Dato' Mansor bin Othman: [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi dalam jawapan saya tadi ada disebutkan sikit, Tuan Yang di-Pertua, terutama penggunaan aplikasi sistem yang dibina oleh KASA melalui NAHRIM. Di sini, saya mengambil kesempatan supaya Yang Berhormat pun dapat menggunakan sistem seperti *myCuaca* itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mansor bin Othman: Langkah-langkah yang diambil seperti yang saya sebutkan tadi, mungkin boleh saya berikan jawapan itu secara bertulis kepada Yang Berhormat ya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sesi soal jawab berakhir. Terima kasih kepada semua pihak yang berkaitan.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

■1140

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (PINDAAN) 2022

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.40 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang akan saya bentangkan merupakan Rang Undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2022 yang digubal bagi menjadikan daerah Segamat, Johor sebagai sebahagian dari Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Sebagaimana semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008 [Akta 668].

Seksyen 4, Akta 688 tersebut menyatakan, wilayah ekonomi Pantai Timur terdiri dari negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor. Seksyen 6, Akta 688 tersebut menyatakan objektif penubuhan ECERDC adalah:

- (i) untuk merangsang, menggalakkan dan mempercepatkan pertumbuhan wilayah ekonomi Pantai Timur dengan cara yang saksama dan mampan;
- (ii) untuk merangsang, menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur supaya menjadi satu buah wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan untuk melabur, bekerja dan tempat tinggal; dan
- (iii) untuk memastikan bahawa pembangunan sosial dan pembangunan mampan diberi keutamaan dalam mengeratkan pertumbuhan ekonomi di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Dari tahun penubuhannya, 2008 sehingga kini, ECERDC telah melaksanakan dasar, strategi, projek dan program seperti yang telah diluluskan oleh Majlis ECERDC serta diselaraskan dengan semua negeri Pantai Timur melalui Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan bagi negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor yang secara keseluruhannya telah memberi impak yang positif kepada rakyat di negeri-negeri ini seperti yang telah dibentangkan kepada Mesyuarat Majlis ECERDC pada 31 Oktober 2016.

Cadangan menjadikan daerah Segamat sebagai sebahagian dari Wilayah Ekonomi Pantai Timur telah dibincangkan dan diputuskan seperti berikut:

Mesyuarat Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur Bil. 1 tahun 2018 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju untuk menjadikan daerah Segamat, Johor sebagai sebahagian dari Wilayah Ekonomi Pantai Timur memandangkan daerah Segamat, Johor merupakan salah satu dari daerah yang masih ketinggalan di negeri tersebut dan juga mempunyai kaitan rapat dengan daerah Rompin di Pahang dan daerah Mersing di Johor.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor Bil. 1669 tahun 2018 yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah bersetuju untuk menjadikan daerah Segamat sebagai sebahagian Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan (ICC ECER) Johor Bil. 2 tahun 2018 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor juga telah

bersetuju untuk menjadikan daerah Segamat, Johor sebagai sebahagian dari Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Peruntukan-peruntukan yang dicadangkan untuk dipinda dan dimasukkan dalam hal ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan dan kuasa Perdana Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 4, Akta 688 untuk memasukkan daerah Segamat di dalam negeri Johor sebagai sebahagian dari kawasan yang masuk di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2022 digubal bertujuan antaranya, membolehkan ECERDC memberi perhatian khusus kepada pembangunan sosioekonomi daerah Segamat yang pada masa ini agak ketinggalan daripada segi pembangunan dan aktiviti ekonomi serta pelaburan swasta. Antara cadangan sektor ekonomi untuk daerah Segamat adalah seperti berikut.

Pertama, sebagai hab perniagaan tani dengan pelbagai inisiatif seperti *Programme Agro Mix Farm*, dengan izin, *Nucleus Orchard* yang telah diperkenalkan pada tahun 2017. Model perniagaan syarikat induk bagi projek perniagaan tani telah berjaya dilaksanakan di dalam kawasan lain di ECER, akan diperkenalkan di Segamat di mana, ia akan meningkatkan kecekapan sektor pertanian tempatan melalui penggunaan teknologi moden, perladangan kontrak dan pelantikan perladangan satelit serta usul pemasaran yang berkesan.

Pelancongan di Segamat akan berteraskan konsep *rainforest to reef* dengan memanfaatkan Selai yang terletak di Segamat sebagai pintu masuk ke Taman Negara Endau-Rompin (TNER). Pekan Bekok akan menjadi gerbang bagi pintu masuk ini dan usaha akan dilakukan untuk menarik pelaburan swasta bagi membangunkan tempat penginapan khusus untuk para pelancong di situ, di Selai. Agro pelancongan berpotensi besar dibangunkan di Segamat disebabkan kedudukannya yang berhampiran TNER.

Program modal insan seperti *Empower ECER* dan *Entrepreneur ECER* akan dilaksanakan di Segamat bagi membangunkan tenaga kerja tempatan serta meningkatkan taraf hidup kumpulan B40, dengan izin.

Dengan adanya Lebuhraya Tun Razak, Kuantan-Segamat, ia telah menambah baik kesalinghubungan kawasan Segamat dengan wilayah ECER dan sekali gus membolehkan kesinambungan pembangunan aktiviti ekonomi serta pelaburan swasta yang akan memberi manfaat kepada kira-kira 500 ribu orang penduduk Daerah Segamat menerusi peningkatan peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan yang akan diwujudkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, rang undang-undang ini digubal berdasarkan keperluan seperti berikut. Pertama, suatu langkah strategik untuk membolehkan ECERDC

memberi perhatian khusus kepada pembangunan sosioekonomi daerah Segamat yang pada masa ini agak ketinggalan daripada segi pembangunan dan aktiviti ekonomi serta pelaburan swasta. Ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan Persekutuan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang saksama, inklusif dan mampan di seluruh negara.

Kedua, selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri Johor untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi di daerah Segamat supaya seiring dengan pembangunan serta aktiviti sosioekonomi yang sedang dilaksanakan di daerah Mersing. Segamat bakal diketengahkan sebagai Lembah Bio-Agro, dengan izin, *Bio-Agro Valley* dengan memanfaatkan sektor bioteknologi dan perniagaan tani bagi meningkatkan aktiviti perniagaan.

Ketiga, disokong oleh akta bahawa daerah Segamat merupakan salah satu buah daerah yang ketinggalan di negeri Johor, yang memerlukan perhatian khusus untuk meningkatkan tahap ekonomi di daerah tersebut.

Keempat, kedudukan daerah Segamat yang terletak bersebelahan dengan daerah Rompin di Pahang dan daerah Mersing di Johor itu di bawah ECERDC akan menerima manfaat daripada segi pembangunan yang sedang dilaksanakan di daerah Mersing dan Rompin di mana, daerah-daerah ini dapat saling meningkatkan ekonomi *soft skills* daripada segi pembangunan dalam sektor pertanian.

■1150

Daripada segi sektor pelancongan, kedudukan Taman Negara Endau-Rompin yang meliputi ketiga-tiga daerah tersebut dapat meningkatkan tarikan dan pembangunan di ketiga-tiga daerah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, proses pembubaran Rang Undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2022 ini telah melibatkan pihak-pihak yang berkepentingan seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan Pejabat Penasihat Undang-undang Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan ia memenuhi ekspektasi yang ditetapkan.

Rang undang-undang ini diperlukan untuk menjadikan daerah Segamat, Johor sebagai sebahagian dari Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Majlis Pembangunan Wilayah

Ekonomi Pantai Timur 2008 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang hendak berbahas. Saya membenarkan tempoh masa tujuh minit seorang untuk berbahas.

Sebelum kita mulakan perbahasan, saya ada satu Usul pada Menteri. Silakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)
[Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan, dan diputuskan DR.2/2022, Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2022 seperti yang tertera di No. 4 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, Khamis, 11 Ogos 2022.”

Timbalan Yang di-Pertua: Minta sokongan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

11.53 pg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setahun sebelum tercetus pandemik COVID-19 terdapat beberapa buah daerah di negeri Johor yang sudah pun berdepan dengan masalah kemiskinan mutlak. Salah sebuah daerah yang

mengalami masalah tersebut ialah Mersing yang merupakan salah satu sebuah daerah yang berada dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Berdasarkan Laporan Kaji Selidik Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 bagi negeri Johor khususnya Mersing merupakan daerah yang mencatatkan kadar insiden kemiskinan mutlak paling tinggi iaitu sebanyak 12.1 peratus. Anehnya ketika pentadbiran pimpinan Yang Berhormat Pekan, daerah Mersing telah pun dijanjikan dengan bentuk pelaburan berimpak tinggi yang kononnya boleh memberi manfaat kepada ekonomi rakyat setempat.

Sebanyak lima projek yang berada dalam kategori projek siap yang merangkumi projek penaiktarafan Jalan Kahang ke Taman Negara Endau-Rompin, Medan Ikan Bakar Endau Mersing, *Mersing Harbour Centre*, Kepulauan Mersing, Pulau Sibul, Pulau Aur, Pulau Tinggi dan *Tanjung Penyabong Waterfront*. Jadi persoalannya di sini mengapa daerah Mersing masih mencatatkan kadar insiden kemiskinan tegar paling tinggi pada tahun 2019 sedangkan daerah tersebut telah didirikan dengan lima projek pembangunan yang berada dalam landskap ekonomi Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Berkait perancangan bagi pembinaan lapangan terbang antarabangsa serta pelan pembangunan yang direncanakan menerusi agenda WEPT di daerah Mersing, saya ada lima soalan kepada Timbalan Menteri.

Pertama, apakah dapatan yang diperoleh daripada kajian yang dijalankan menerusi Pelan Pembangunan Mersing bagi pembinaan lapangan terbang antarabangsa di daerah tersebut? Adakah ia positif untuk diteruskan di bawah agenda ECER?

Kedua, apa jumlah pekerjaan aktif di daerah Mersing yang masih berjaya dicipta setakat Jun 2022, hasil daripada program perkembangan modal insan ECER atau *empower ECER*? Daripada jumlah pekerjaan tersebut berapakah purata pendapatan bulanan yang diperoleh oleh rakyat Mersing yang mendapat manfaat ekonomi daripada peluang pekerjaan tersebut?

Ketiga, nyatakan projek-projek pembangunan ECER yang dibangunkan di Mersing yang menerima pelaburan awam swasta yang memberangsangkan dan sektor ekonomi? Apakah yang berjaya menyumbang kepada penguncupan kadar pengangguran di daerah tersebut?

Keempat, berapakah nilai perolehan ekonomi yang berjaya dihasilkan oleh golongan usahawan sektor pelancongan di daerah tersebut sebelum dan selepas pelaksanaan perintah PKP? Projek manakah yang telah menyumbang kepada perolehan tersebut?

Kelima, apakah kekangan atau cabaran yang telah melambatkan proses pembinaan bagi enam projek yang berada dalam status *in progress*? Apakah strategi kerajaan bagi

memastikan projek-projek tersebut dapat disiapkan sepenuhnya bagi mencapai agenda pembasmian kemiskinan di daerah Mersing?

Tuan Yang di-Pertua, selain dikenali sebagai sebuah daerah yang berjaya menghasilkan ramai graduan UiTM yang bermutu tinggi, Segamat juga dikenali sebagai kawasan yang kerap dilanda musibah banjir. Pada awal tahun ini, Segamat merupakan daerah di negeri Johor yang paling awal dilanda bencana banjir di mana kira-kira sebanyak 21 buah kawasan yang terjejas. Bukan sahaja memegang status terawal, Segamat juga merupakan daerah di Johor paling teruk terkesan. Di Segamat sahaja lebih 60 buah pusat pemindahan sementara dibuka bagi menempatkan mangsa-mangsa banjir.

Berdasarkan Laporan Bencana Banjir 2022 yang disiarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sebanyak 8,577 buah premis perniagaan yang bertapak di daerah Segamat. Daripada jumlah itu, sebanyak 6,872 merupakan sektor perkhidmatan dan sektor tersebut merupakan penyumbang terbesar kepada pertumbuhan sosioekonomi rakyat Segamat.

Bencana banjir yang melanda awal tahun ini merupakan pengajaran bermakna buat para pengusaha sektor-sektor perniagaan di daerah Segamat. Bencana banjir yang saban tahun melanda daerah Segamat pastinya telah menimbulkan keraguan umum terhadap kredibiliti bumi Segamat yang diisytiharkan sebagai Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang baharu.

Pengisytiharan Segamat sebagai daerah kedua di negeri Johor untuk dibangunkan sebagai Wilayah Ekonomi Pantai Timur, bukanlah satu perkara yang baru disebut atau diusulkan oleh Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2018 sebulan sebelum tumbanganya Kerajaan Barisan Nasional, Segamat telah diisytiharkan oleh beliau sebagai wilayah baharu ECER.

Daripada peristiwa tersebut, kerajaan telah mengambil masa kira-kira selama empat tahun untuk meminda Akta Majlis Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur 2008. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *why they did take so long to make such a brief law amendment*. Kelewatan pindaan bagi memasukkan Segamat sebagai daerah baharu Wilayah Ekonomi Pantai Timur menunjukkan betapa tidak kompetennya Kerajaan Persekutuan dalam mengendalikan perihal perundangan sebegini.

■1200

Hal tersebut telah mengundang 1,001 persoalan tentang kredibiliti dan komitmen sebenar kerajaan pimpinan Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Pagoh dan kini, Yang Amat Berhormat Bera dalam memutuskan satu-satu keputusan penting yang melibatkan pembangunan ekonomi rakyat kawasan.

Bagi pandangan saya, kerajaan menerusi Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan serta Jawatankuasa Audit bersama-sama pengurusan tertinggi ECER

hendaklah menjalankan kajian yang terperinci sebelum memutuskan kemasukan Segamat sebagai Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang baharu.

Dengan izin, saya minta lagi satu setengah, minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Jika kita boleh jadikan logik, Ahli Parlimen Padang Rengas yang menyatakan bencana banjir yang melanda negara kita bagus untuk *voluntourism*. Situasi banjir tahun 2022 yang menjadi titik hitam dalam sejarah kehidupan rakyat Segamat perlu dikaji dengan lebih mendalam oleh pihak ECER. Jangan jadikan agenda Wilayah Ekonomi Pantai Timur sebagai agenda tangkap muat kerajaan Keluarga Malaysia.

Biarpun Segamat mempunyai potensi ekonomi yang tersendiri, namun perihal pembangunan semula serta penambahbaikan infrastruktur jalan raya, sistem perparitan, pengairan sungai dan tebatan banjir sewajarnya dijadikan prioriti teratas terlebih dahulu. Kerajaan Persekutuan seharusnya memikirkan soal ekosistem pembangunan fizikal di Segamat sebelum memutuskan keputusan bagi menjadikan daerah tersebut sebagai sebahagian wilayah ECER.

Tidak salah untuk kerajaan negeri menjadikan Segamat sebagai hab agromakanan bagi negeri tersebut. Akan tetapi, apa ertinya agenda tersebut sekiranya produk buah-buahan yang dihasilkan di Segamat tidak dapat mencapai kelestarian disebabkan kerosakan yang berpunca daripada kekerapan bencana banjir. Aspek kemampuan dan kelestarian harus dijadikan sebagai asas utama bagi merencanakan agenda ekonomi yang berasaskan produk tani seperti buah-buahan.

Saya jadikan pasukan JDT sebagai analogi. JDT tidak mampu menjadi sebuah kelab bola sepak yang digeruni di Malaysia dan Asia Tenggara sekiranya kelab tersebut tidak prihatin dan fokus kepada elemen asas dalam pembangunan kelab tersebut iaitu infrastruktur latihan. Begitu juga dengan ECER. Mana mungkin Segamat dapat menjadi penyumbang ekonomi dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur pada masa hadapan sekiranya masalah banjir masih belum ditangani secara efisien dan berstruktur oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Tidak ada pelabur yang sanggup menyuntik dana pelaburan di Daerah Segamat sekiranya permasalahan berkaitan banjir dan infrastruktur asas yang wajar diberikan tumpuan utama yang diberikan solusi yang munasabah. Bak kata pepatah seorang penulis terkemuka, Douglas Adams dengan izin, "*The single raindrop never feels responsible for the flood*".

Tuan Yang di-Pertua, secara dasarnya, saya menyokong rang undang-undang ini dengan syarat bahawa kajian serta penambahbaikan yang menyeluruh dapat dibuat sebelum memutuskan Daerah Segamat sebagai wilayah baharu ECER. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

12.04 tgh.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang dan ruang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2022. RRU ini diluluskan di Dewan Rakyat bagi menjadikan Daerah Segamat, Johor sebagai sebahagian dari Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Rang undang-undang ini bertujuan untuk memohon Jemaah Menteri menimbang dan bersetuju dengan pindaan kepada seksyen 4 Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008. Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008 [Akta 688] dipinda dalam seksyen 4 dengan menggantikan perkataan, "*Daerah Mersing*" kepada perkataan "*Daerah-daerah Mersing dan Segamat*".

Saya yakin dan percaya cadangan yang telah pun dikemukakan pada tahun 2018 dan diumumkan oleh Perdana Menteri ketika itu, telah disambut baik oleh penduduk di Daerah Segamat. Walaupun Daerah Segamat lebih tepat berada di kawasan tengah, namun perkara ini telah pun dikemukakan sebelum ini dan ia telah pun diluluskan di Dewan Rakyat.

Kenapakah Segamat dipilih berada di dalam ECER? Mengikut laporan maklumat yang telah saya baca, Segamat bakal diketengahkan sebagai lembah bioagro melalui ECER dengan memanfaatkan sektor bioteknologi dan perniagaan tani bagi meningkatkan aktiviti perniagaan.

Pertanian merupakan penyumbang utama terhadap ekonomi Segamat berbanding dengan sektor yang lain seperti pengeluaran, perkilangan atau perniagaan yang mana pertanian menyumbang sejumlah 61.8 peratus daripada jumlah pekerjaan di sana. Ini secara langsung menunjukkan Daerah Segamat sesuai dijadikan sebagai hab tani yang baik. Sudah tentulah dengan memasukkan Daerah Segamat ke dalam ECER akan merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi di sini melalui aktiviti pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajukan beberapa soalan dalam perbahasan RUU ini. Pertama, adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Barat pada masa akan datang?

Saya bertanya perkara ini kerana mengikut demografi, Segamat terletak lebih hampir ke Daerah Muar, di sebelah Barat Semenanjung.

Kedua, kenapakah Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur ini tidak dilebarkan terus ke Daerah Kota Tinggi yang terletak di sebelah timur dan bersebelahan

dengan Daerah Mersing ataupun Daerah Kluang yang juga terletak bersebelahan Daerah Mersing?

Ketiga, apakah rancangan khusus kerajaan untuk membangunkan Daerah Segamat dalam ECER ini nanti?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan RUU ini dengan persoalan-persoalan yang memerlukan jawapan balas daripada Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

12.08 tgh.

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas peluang yang diberikan. Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur telah dilancarkan pada tahun 2007 yang melibatkan negeri Pahang, Terengganu, Kelantan dan juga Mersing di Johor.

Jadi, memasukkan Segamat dalam wilayah ECER ini akan menambahkan keluasan liputan dan juga boleh meningkatkan sosioekonomi di negeri Johor, terutamanya di kawasan Segamat.

Saya hanya ada beberapa persoalan. Pertama, semasa Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia tempoh hari di negeri Kelantan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa projek berimpak tinggi di negeri Kelantan. Contohnya, program berimpak tinggi di Tok Bali, Daerah Pasir Putih yang melibatkan pembangunan Taman Industri Tok Bali, Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali, infrastruktur luaran bagi Pelabuhan Tok Bali. Seterusnya kompleks digital pelbagai guna dan juga pakej *Central Spine Road*.

Seperti yang kita tahu, ECER- di awal pelancaran dahulu telah meletakkan bahawa teras pembangunan bagi wilayah ekonomi ini iaitu pelancongan.

■1210

Jadi saya dalam pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari itu tidak disebut status pembinaan Lebuh raya Pantai Timur. Bagi negeri Kelantan, pembinaan infrastruktur adalah amat penting kalau kita hendak bercakap berkenaan dengan pelancongan. Contohnya di Bachok, kawasan saya sendiri di mana banyak tempat menarik dan industri-industri kecil yang dibuat oleh suri rumah-suri rumah yang boleh dibangunkan oleh ECER. Akan tetapi kita tidak nampaklah kesannya setakat ini sejak ia ditubuhkan sejak 2007 yang lalu.

Saya bagi satu contoh di Bachok, kita ada pantai-pantai yang menarik contohnya pantai yang diberi jolokan Pulau Nami ataupun Pantai Senok di mana di situ sangat menarik, cantik setanding Pulau Nami di Korea tetapi tiada infrastruktur, tiada pembangunan untuk kemudahan-kemudahan pelancong. Jadi, kenapa seolah-olah negeri Kelantan tertinggal di sektor ini sedangkan kalau kita lihat pembangunan pelancongan di negeri-negeri lain contohnya di negeri yang terlibat dalam ECER sendiri, di negeri Terengganu kita telah lihat pembangunan yang begitu hebat dan memberi pulangan pendapatan kepada rakyat. Itu antara soalan saya.

Seterusnya saya juga ingin bertanya setelah hampir 13 tahun ataupun lebih 13 tahun ECER ini berperanan untuk pembangunan ekonomi di Kelantan. Saya ingin bertanya ataupun mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah program-program yang telah dijalankan untuk pembangunan ekonomi rakyat setempat terutamanya wanita-wanita. Berapa ramai yang telah mendapat manfaat? Sejauh mana ia telah meningkatkan taraf ekonomi rakyat Kelantan? Bagaimanakah ia telah membantu dalam mengurangkan statistik miskin tegar di Kelantan?

Saya juga ingin memohon penjelasan apakah langkah-langkah yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan ataupun oleh pihak ECERDC sendiri untuk menarik pelabur-pelabur untuk datang dan melabur di Kelantan.

Saya juga ingin bertanya ataupun ingin mencadangkan kepada pihak ECERDC supaya memberi fokus. Kalau kita lihat sektor pembangunan pelancongan di negeri Kelantan, saya rasa kita perlu memberi fokus kepada membangunkan juga produk-produk orang kampung supaya produk-produk ini yang begitu baik tetapi tidak diketengahkan menjadi produk-produk yang premium sebab ini akan membantu ramai ya.

Contoh kalau di Bachok saya bagi satu contohlah produk biasa-biasa yang boleh dipremiumkan contohnya produk gula kelapa ataupun gula nira ataupun di Kelantan kita panggil *nise*. Itu merupakan produk orang kampung yang *pure*-tulen dan organik, yang kalau kita lihat di pasaran gula ini sangat mahal tetapi di Kelantan ia menjadi murah. Kenapa kerajaan tidak mengambil kesempatan ini untuk membangunkan semua suri rumah-suri rumah ataupun pemain industri yang sedia ada di situ untuk membangunkan sektor ekonomi ini untuk memajukan ekonomi setempat itu dan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat di situ. Itu adalah di antara satu contoh.

Banyak lagi kalau dilihat di Kelantan, pembangunan peringkat awal yang telah dirancang di peringkat awal, kalau boleh saya bertanya. Apa status pembangunan yang telah disebut dahulu di peringkat awal pelancaran ECER ini contohnya pembangunan di Pengkalan Kubor untuk menjadikan pusat pelancongan sempadan dan juga pusat perdagangan peringkat Asia Tenggara dari segi tiga pertumbuhan Malaysia, Indonesia dan juga Thailand dan juga

Kota Bharu City Centre. Sejauh mana status pembinaan jambatan sendiri contohnya di Palekbang ke sebelah seberang sana?

Jadi ini antara persoalan-persoalan yang bermain di fikiran rakyat-rakyat Kelantanlah supaya menjadi perhatian pihak kementerian untuk memberi jawapan-jawapan demi meningkatkan taraf ekonomi rakyat Kelantan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

12.15 tgh.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk membahaskan juga Rang Undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2022.

Pertama sekali kalau kita lihat bahawa ekonomi koridor ini telah dilancarkan pada 2010 ketika dibentangkan dalam bajet. Saya juga di kesempatan ini ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada ayahanda kita Mantan Perdana Menteri Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi atas idea dan kesungguhan beliau untuk melancarkan lima buah Wilayah Koridor sebelum beliau melepaskan jawatan Perdana Menteri.

Sudah semestinya kita ingin tahu hasrat sebenarnya Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi untuk menubuhkan lima buah koridor ini adalah untuk membantu masyarakat luar bandar membangunkan kawasan-kawasan kampung dan ingin memastikan bahawa faedah, nikmat daripada pembangunan ekonomi di wilayah-wilayah kawasan luar bandar ini mesti dinikmati oleh masyarakat setempat dan juga orang-orang di luar bandar. Hasrat inilah yang sebenarnya kerajaan yang ingin meneruskan pembangunan wilayah ini tidak ataupun jangan melupakan dasar dan inti pati sebenar nawaitu Yang Amat Berbahagia Mantan Perdana Menteri kita Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Saya juga ingin menyambut baik satu saranan kerajaan di dalam pindaan kali ini iaitu ingin memasukkan Segamat di dalam pelan ECER yang mana kita amat menyokong akan cadangan pelaksanaan tersebut. Dengan adanya pindaan ini, saya yakin kerajaan pastinya mempunyai perancangan yang baik dan mampu memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat setempat khususnya dalam bidang pertanian dan juga pelancongan. Sekali gus membantu membaiki taraf hidup dan ekonomi masyarakat setempat setidak-tidaknya banyak untuk boleh kita menangani isu kemiskinan dan isu masyarakat di bawah B40.

Pencapaian ECER pada tahun 2021 juga secara tidak langsung telah memberikan gambaran positif kerajaan terhadap potensi ECER yang diyakini dapat mewujudkan lebih 11,000 pekerjaan dan lebih 680 peluang keusahawanan untuk rakyat setempat. Oleh itu, saya percaya lebih banyak peluang pekerjaan bakal diwujudkan, Segamat dan juga projek-projek mega di kawasan tersebut.

Sebagai maklumat tambahan Segamat merupakan sebuah bandar yang berkeluasan 2,825.4 kilometer persegi yang mempunyai populasi penduduk lebih daripada 300 ribu. Masih ramai penduduk di situ yang kekal bermastautin di daerah ini tidak berhijrah ke tempat lain dan masih ramai juga yang menjalankan aktiviti ekonomi setempat seperti bertani, melakukan kerja-kerja di ladang sawit, kerja-kerja kampung dan juga melakukan kerja-kerja kerana disebabkan kekurangan pekerjaan setempat dan mereka melakukan pelbagai jenis kerja untuk kelangsungan hidup.

Apa yang diharapkan dengan pindaan ini untuk memasukkan daerah Segamat ke dalam pelaksanaan ECER, ini sudah tentu lebih banyak memberi peluang dan juga membangunkan taraf hidup masyarakat tersebut. Di Negeri Johor, juga merupakan antara negeri yang utama yang menyumbang kepada KDNK dalam purata tahunan sebanyak 3.1 peratus melebihi peratus nasional sebanyak 2.7 peratus setahun dalam tempoh tahun 2016 hingga tahun 2020.

Manakala daripada aspek pembangunan industri mikro, kecil dan sederhana, lebih 11 peratus daripada keseluruhan PMKS di negeri ini adalah dari Johor. Setiap daerah di Johor mempunyai keunikan tersendiri. Bagi daerah Segamat, saya cukup yakin industri seperti pertanian dan ekopelancongan antara yang boleh menjadi tarikan utama yang perlu dan harus dibangunkan oleh pihak kerajaan.

■1220

Justeru itu, saya yakin dengan wujudnya pindaan ini, ia mampu menjadi daya penarik untuk menggalakkan lagi pembangunan industri mikro kecil dan sederhana di kawasan-kawasan yang terlibat. Penduduk setempat juga mampu menjana pendapatan yang lebih banyak sekali gus mengembangkan lagi potensi tempatan dan menyumbang kepada peningkatan ekonomi yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama, kita juga perlu ingat. Pada masa yang lalu, kita menghadapi pandemik COVID-19. Sudah tentu kita tahu ramai para pelabur yang telah meninggalkan negara kita. Sebab itulah setelah berakhirnya pandemik ini, kita berharap kerajaan mestilah berusaha keras untuk meyakinkan pelabur dan memastikan mereka datang dan melabur semula di kawasan tempat kita.

Ini juga perkara-perkara yang perlu kita bangunkan khususnya di kawasan Segamat. Apa juga rancangan dan dasar yang komprehensif yang kita telah rancang, yang Kerajaan

Pusat telah rancang, ia mesti memerlukan kerjasama daripada kerajaan negeri. Oleh sebab itu, saya mengharapkan urusan kerajaan negeri ini perlu diambil berat, perlu dipastikan mereka juga bersetuju dengan cadangan Kerajaan Pusat bagi membangunkan negeri tersebut.

Sebagai penggulangan, saya mahu menyatakan beberapa persoalan kepada pihak kerajaan. Apakah perkembangan mengenai Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang tertangguh sebelum ini dan bilakah jangkaan projek ini dapat disiapkan serta manfaat yang bakal dikecap oleh masyarakat setempat?

Kedua, saya ingin kerajaan menyatakan jumlah pelaburan luar yang turut serta dalam projek-projek ECRL ini.

Ketiga, apakah bentuk promosi dan galakan yang dirancang untuk dilaksanakan bagi menggalakkan lagi kerjasama daripada syarikat tempatan terutamanya melibatkan penawaran kerja dan juga galakan dalam industri PMKS?

Terakhir, apakah bentuk ketidakseimbangan yang dihadapi oleh ECRL pada masa ini dalam pelaksanaan ECERDC dan langkah-langkah yang diambil bagi menanganinya?

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah itu, saya menyokong supaya Rang Undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2022 diterima dan diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

12.23 tgh.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia kepada Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Ahli Senator Dewan Negara semua.

Sebelum saya meneruskan perbahasan saya tentang pindaan kepada *East Coast Economic Region* (ECER) yang dimulakan pada tahun 2008 semasa zaman Pak Lah menjadi Perdana Menteri, sebelum itu saya hendak merujuk kepada Firman Allah SWT yang berbunyi... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Yakni negeri yang baik, yang cukup kelengkapannya, *insya-Allah*, akan mendapat magfirah daripada Allah. Keampunan dan rahmat daripada Allah SWT.

Sebelum itu, saya ingin memberikan dua pantun ekoran daripada pindaan kepada rang undang-undang ini yang diperkenalkan pada tahun 2008.

*Dari Mersing sampai Kelantan,
Daerah baharu ECER ialah Segamat,
Rancangan baik kerajaan dialu-alukan,
Pembangunan Kelantan diharap sangat.*

*Zaman Pak Lah ECER dimulakan,
Tahun PRU-12 hendak dilaksanakan,
Negeri Kelantan negeri ditinggalkan,
Mulai sekarang perhatian hendaklah diutamakan... [Tepuk]*

Alhamdulillah, sekarang kerajaan pada tahun 2022 memasukkan sebuah daerah baharu dari Johor yakni Daerah Segamat. Kita sedia maklum, umumnya pembangunan di kawasan Pantai Timur, kecuali Johor Bahru, tertinggal berbanding dengan pembangunan di Pantai Barat. Sudah tentu Segamat yang berada di kawasan pedalaman dan juga kawasan Pantai Timur juga dalam kawasan yang dikategorikan patut diberikan perhatian seperti mana Mersing.

Cuma, saya hendak memohon kepada kerajaan pada hari ini, dalam suasana kita bersama- kalau dahulu, banyak perkara yang tidak patut berlaku, berlaku. Umpamanya, kalau kita kata, dengan izin, *East-Coast Economic Region* ini niatnya baik kerana ia hendak memajukan kawasan-kawasan negeri di Pantai Timur supaya diangkat dan hampir setaraf, kalau hendak menyamatarafkan itu buat masa sekarang, kita tidak ada punca-puncanya. Tidak ada, dengan izin, *catalyst* nya.

Akan tetapi, dengan adanya ECER ini, dengan izin, *insya-Allah*, ECER ini sedikit sebanyak memberikan kekuatan, memberikan ruang kepada negeri-negeri ini diangkat untuk dibangunkan seperti mana di negeri-negeri Pantai Barat. Ini kerana pada masa yang sama seperti mana yang dimaklumkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin tadi, bahawa pembangunan-pembangunan yang lain juga pun ada.

Umpamanya, *Northern Corridor Economic Region* (NCER) pun ada. Pada waktu itu hasrat baik kerajaan kerana tidak hendak membebankan kewangan hanya semata-mata pada Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan Putrajaya, maka telah digabungkan, telah ditetapkan beberapa buah syarikat, dengan izin, *government-linked companies* (GLCs) untuk menjadi pemacu kepada pembangunan-pembangunan ini.

Untuk ECER ini, antara pemacu utama, selain daripada kerajaan Putrajaya dan Kerajaan Pusat, iaitu PETRONAS itu sendiri. PETRONAS itu dijadikan kakanda besar. Ayahandanya masih Putrajaya tetapi PETRONAS telah dijadikan kakanda besar untuk memajukan terutama bagi pembangunan wilayah-wilayah timur ECER ini.

Akan tetapi, akhir-akhir ini, banyak syarikat korporat gergasi GLC ini sudah mula menarik diri. Sudah mula tarik diri. Sama ada Sime Darby-nya yang sepatutnya bersama-sama

NCER tarik diri kerana keupayaan mereka tidak mencapai untuk sampai tahap membantu pembangunan negeri-negeri tersebut. Yang masih tinggal lagi hanya PETRONAS. Yang hanya masih tinggal hanya PETRONAS yang masih memberikan sumbangan tetapi tidak kepada tahap yang diharap-harapkan.

Oleh sebab itu, kita tengok, misal kata, pada waktu ECER dilancarkan- tetapi negeri Kelantan, suatu perkara yang pelik berlaku di mana Lebuhraya Pantai Timur, *alhamdulillah*, dari Kuala Lumpur ke Bentong. *Alhamdulillah*, Bentong sampai ke Kuantan. *Alhamdulillah*, Kuantan sampai ke Kuala Terengganu. Dari sudut kerja-kerja ukuran awalan dan kerja-kerja konsultasinya sudah sampai ke sempadan Kelantan dan Terengganu.

Akan tetapi, macam mana Putrajaya fikir, saya pun tidak faham pada waktu itu. Saya tidak faham kenapa sebijak-bijak orang Melayu, sebaik-baik hati budi Orang Melayu ini, tiba-tiba dari sempadan Kelantan ke Terengganu tidak sampai ke Kota Bharu. Itu pemikiran Melayu pada waktu itu. Akan tetapi, *alhamdulillah*, sekarang kita bersama, sudah kita lihat, *alhamdulillah*, *Central Spine Road* sudah mula dijalankan.

Oleh sebab itu, Kelantan ini, banyak benda yang pelik-pelik berlaku dulu. Umpamanya kita tengok- sebab itu saya sekarang, saya kerap ke Segamat kerana sebagai seorang juruukur, tidak ada profesion yang paling banyak berjalan dalam negara kecuali juruukur. Dia mengukur di semua tempat, boleh dikatakan. Oleh sebab itu, saya tahu Segamat secara umumnya memang terkebelakang berbanding Johor Bahru, berbanding dengan Kluang, berbanding dengan Skudai dan sebagainya. Secara umumnya.

Akan tetapi, kita terima. *Alhamdulillah*, langkah baik kerajaan nampak itu bahawa Segamat janganlah dijauhkan arus pembangunan berbanding dengan Johor Baru. Johor Bahru, *alhamdulillah*, ia mendapat limpahan dari Singapura. Singapura sebuah negara yang kecil tetapi limpahan ia banyak dapat ke Johor Bahru. Oleh sebab itu pembangunan Johor Bahru hebat.

■1230

Cuma saya nak beritahu sekarang, sekaranglah kita kena berfikir kerana- *Allahu Akbar*, tinggal 24 saat.

Sekarang kita kena berfikir, umpamanya Thailand, dia memandang jauh. Kalau dahulu kita diuar-uarkan bahawa Thailand akan membuat terusan dari Pantai Barat ke Pantai Timur supaya kapal-kapal boleh menggunakan terusan tersebut, di Segenting Kra. Jadi dia tidak akan ke Klang, ke Singapura, ke Kuantan. Dia menjimatkan beberapa hari pada waktu itu. Akan tetapi akhirnya Kerajaan Thailand sekarang sudah bersetuju menggantikan terusan tersebut sebagaimana Terusan Suez itu dengan jambatan darat.

Sekiranya ini berlaku, maka ancaman akan berlaku kepada negara kita dan Singapura secara keseluruhannya. Maka, sudah tentulah saya memikirkan bahawa lokasi terbaik sebagai

pelabuhan untuk menyelamatkan negara kita. Sekarang kita berfikir untuk 10 tahun akan datang, adalah di Kelantan, paling dekat. Kawasan pembangunan di Asian ini sama ada Bangkok di sebelah timur, sama ada Phnom Penh di pantai timur, Ho Chi Minh dan segala bandar besar sama ada Hong Kong, Taiwan dan sebagainya semua di sebelah sana. Maknanya, lokasi yang paling hampir kepada tempat-tempat tersebut adalah dari Kelantan.

Sebab itu saya fikir, *alhamdulillah* terima kasih kerajaan dalam program ECER telah memasukkan Kota Baharu-Putrajaya-Kelantan sebagai terminal terakhir untuk ECRL. Terima kasih. Itu bukan untuk Kelantan sahaja, orang di selatan Thai pun akan datang menggunakan terminal terakhir ECRL sampai ke Kuala Lumpur.

Pada masa yang sama, seluruh negara kita mendapat manfaat. Sebab itu saya minta sekarang supaya kerajaan benar-benar memfokuskan kerana kalau kita kira bajet-bajet yang diberi pun, memang negeri-negeri Pantai Timur secara umumnya kurang dari negeri Pantai Barat, secara umumnya.

Oleh sebab itu sekarang inilah kita mesti bermula daripada sekarang untuk melihat 10 tahun ke depan, 20 tahun akan datang kerana *insya-Allah* sekiranya kawasan-kawasan ECER ini membangun terutamanya Kelantan yang memang berhampiran dengan negara-negara yang saya sebut sekarang, *insya-Allah* banyak menyelamatkan negara kita dari sudut ekonomi, rancakkan ekonomi dan sebagainya.

Satu lagi saya nak tanya, kadang-kadang ECER ini ada benda juga dia buat, dia fokus kepada pertanian tetapi dia fokus kepada pertanian, gagal pun banyak, Tuan Yang di-Pertua. Dia fokus kepada pertanian, dia dengan izinlah Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mencadangkan dalam Dewan Rakyat dahulu, orang pertanian ini dia tak boleh pakai baju macam saya, macam Yang Berhormat kita. *Coat, tie*, kena haramkan dipakai.

Dia kena pakai baju ala-ala celoreng dan waktu dia itu tidak boleh pukul 8 hingga pukul 4- mana boleh pertanian pukul 8 hingga pukul 4? Kita kena tiru sedikit sebanyak Thailand kalau tak sepenuhnya. Maknanya dia orang pertanian ini, waktu kerja dia kena anjal walaupun tidak 24 jam.

Umpamanya kerja dia pukul tujuh sehingga pukul tujuh malam, dua *shift* misal kata. Sebabnya orang pertanian ini dia balik pukul empat, nak pergi pejabat pun dah tak ada orang, nak buat rujukan.

Jadi dia kena pakai baju celoreng-celoreng macam askar, macam polis, macam jabatan penjara. Didedahkan, maknanya pakaian itu sudah mencerminkan *feeling* dia, dengan izin. Pertanian ini dia kena ada *feeling*, dengan izin. Kalau buat pertanian setakat pegawai makan gaji, tak ada *feeling*, pokok itu tak naik. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, jangan ketawa saya cakap. Orang ini, dia yang nak maju dalam bidang pertanian ini, dia bercakap

dengan pertanian itu. Dia cakap dengan pokok. Orang yang gila bunga, dia cakap dengan bunga. Bunga itu naik dan bunga itu memberi jawapan. Ini bukan cerita lucu, ini cerita betul.

Tanyalah orang yang maju dalam pertanian. Pokok duriannya, pokok rambutannya, dia akan bercakap. Kalau boleh hari-hari sebelum ditunggu, dia turun, dia beri salam, dia tengok keindahan, dia puji pokok itu. Pokok itu akan respons, pokok itu respons. Ini *feeling* tetapi kalau saya tengok ECER ini ada kegagalan. Di Gua Musang, akhir sekali dia memaksa KESEDAR ambil balik Projek Agropolitan di Gua Musang. Padahal dia mulakan, tanah pun negeri berikan. Satu bajet yang besar telah dikeluarkan akhir sekali dia tidak mampu *handle*, Tuan Yang di-Pertua. Padahal ini semua pegawai kanan PETRONAS.

Saya pun ketawalah tetapi dia mungkin berjaya di dalam bidang minyak tetapi gagal di pertanian. Jadi pertanian ini satu yang sukar, kita tahu tetapi tahap pertama kerajaan, dia mesti tukar format pertanian itu. Kerja, pukul tujuh hingga pukul tujuh malam, waktu anjal. Pakai pakaian memang bersedia, pakaian biar sekata, selari. Biar orang petani kata, macam kita. Macam kita. Ini pakai *coat*, pakai *tie*, bilakah nak pergi tengok tanah aku? Dengan selutnya, dengan pokok belukarnya. Tak pergi, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab itu kita kena ada anjakan minda supaya *insya-Allah* pertanian ini, sama ada pertanian, perikanan, haiwan kah, biar dia lain sikit dia punya itu. Saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Kita nak beri teman-teman yang lain pula dah.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

12.35 tgh.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita berbahas tentang Wilayah Pembangunan Pantai Timur. Jadi, bila tajuk ini keluar, ia tidak lari dan kita tak boleh nak elak daripada beberapa perkara yang mesti iaitu infrastruktur. Infrastruktur di sana, kalau sebut Pantai Timur, kita sebutlah LPT yang tadi rakan kita sebut saya tak pasti kenapa juga, saya pun cari jawapan kenapa LPT itu sampai sekarang terhenti di situ.

Sampai di tol di Terengganu itu di sebelah dekat Besut itu ada tol tetapi lepas tol itu ada jalan lagi tetapi hilang begitu sahaja. Dalam peta ada tetapi saya pun tertanya-tanya. Ada satu soalan saya hari ini, kali ini untuk bertanya, apa terjadi dengan LPT itu kerana mungkin kontraktor kah, siapa-siapa kah tersentak jumpa hantu kah tak tahulah, terus tak jadi nak buat. Kan?

Biasanya kalau kita buat sesuatu, terjumpa apa-apa yang menakutkan masa buat rumah, kadang-kadang kita pindah rumah. Kan? Jadi harap dapat dilihat kerana kita

melihat infrastruktur seperti jalan, jalan kereta api adalah *catalyst* ataupun dalam bahasa Melayunya penggerak kepada kemajuan setempat. Tanpa infrastruktur tersebut, sukar untuk kita adakan aktiviti ekonomi ataupun pertanian dan sebagainya.

Jadi, tentang jalan kereta api ke Pantai Timur juga, kita berterima kasihlah, sekarang ini ada kereta api sampai ke tempat saya di Tumpat itu, masih ada lagi. Akan tetapi malangnya ECRL ini tidak sampai ke penghujung. Saya harap ada tindakan yang boleh diambil untuk memastikan mereka, penduduk yang di selepas stesen terakhir itu mendapat faedah daripada infrastruktur tersebut.

Pantai Timur, banyak lagi benda yang perlu dilaksanakan. Saya nampak satunya ialah aktiviti ekonomi yang perlu ada satu suntikan yang besar kerana kalau kita mengharapkan mereka bangun sendiri menggunakan tanah-tanah terbiar untuk tanam itu, tanam ini, saya rasa tidak akan sampai ke mana. Kita perlu ada pelaburan yang besar, yang sesuai tetapi dia mesti bersesuaian dengan setempat. Kita ibarat macam ini, kadang-kadang kita hendak membangunkan satu buah tempat, kita suruh petani itu dulu tanam. Contohnya tanam pisang tetapi apabila kita bagi duit, bagi apa semua, dia kata bila tanam pisang, nak jual dekat siapa? Dia pun tak tanam.

Kemudian satu senario lagi, kita suruh pelabur buat kilang, kilang buat kerepek katakan di satu buah tempat. Akan tetapi ditanya, kalau buat kilang kerepek, nak ambil pisang daripada mana? Jadi, kita perlu kendalikan dua masalah ini. Jadi, salah satu solusi yang kita boleh fikirkan iaitu untuk memberi tanah kepada pengilang tersebut untuk menanam pisang sendiri dan dia akan membina kilang untuk memproses bahan mentah yang dihasilkan.

Jadi apabila dah ada kilang, dah ada bahan dikeluarkan, orang di sekitar itu akan tertarik untuk turut serta. Jadi, untuk meyakinkan orang kampung untuk tanam pisang contohnya, lebih mudah kerana kilang sudah ada. Kerana sebelum ini kalau kita suruh tanam pisang, dia bertanya, "*Nak jual ke mana?*"

Contoh macam saya pernah lalui dahulu, kalau di Sarawak kita suruh dia tanam nanas MD2 yang sebesar-besar ini di celah-celah pokok sagu, dia kata lepas tanam nak bawa hasil keluar pun tak boleh sebab tanah itu tanah gambut. Jalan pun susah nak bawa nanas berat-berat, tak boleh keluar. So, itulah contoh-contoh yang perlu kita ambil perhatian dalam kita cuba membangunkan sesuatu tempat. Jadi, saya harap kerajaan dapat- sambil kita tambahkan daerah yang baharu dalam ECER ini, ambillah perhatian terhadap tempat-tempat lama yang kita cuba bangunkan tetapi sampai sekarang dari tahun 2008, tak jadi-jadi.

■1240

So, eloklah kita buka balik kitab-kitab lama kita, kaji balik mengapa tidak menjadi. Oleh sebab kalau kita tidak buat macam itu, mungkin tahun depan kita tambah lagi daerah lain, mungkin sampai ke Melaka, sampai Negeri Sembilan dan patah balik. Satu *round* pun tidak

menjadi. Jadi, saya harap gunakanlah peluang ini untuk memastikan bahawa hasrat asal ECER ini dapat dicapai dan kita sediakan juga minda dan keupayaan penduduk setempat supaya mereka dapat menerima pembangunan tersebut.

Kita bukan sahaja harapkan syarikat-syarikat melabur dan menyediakan pekerjaan kepada penduduk setempat dengan bekerja di kilang dan sebagainya. Kita harus menyediakan penduduk setempat untuk menjadi usahawan, bukan setakat pekerja tetapi usahawan. Tentunya bukan semua jadi usahawan tetapi ada usahawan-usahawan tempatan yang boleh menjana ekonomi setempat, menyediakan pekerjaan kepada penduduk setempat. Dengan cara itu, lebih lestari cara kita untuk membangunkan satu-satu tempat.

Saya lihat di penghujung landasan kereta api di daerah Tumpat, Kelantan itu banyak tanah terbiar. Kalau kita naik kapal terbang nampak hijau tetapi rupa-rupanya tanah terbiar, rumput-rumput sahaja, bukan tanaman. Jadi, kalau kita boleh pastikan atau cuba sedaya-upaya untuk membangunkan tanah-tanah tersebut, bendang-bendang yang terbiar itu menjadi satu yang boleh mendatangkan hasil kepada penduduk setempat, pastinya inilah satu yang boleh membantu menjayakan projek-projek atau program-program yang kita susun dalam ECER ini.

Menyebut tentang jalan-jalan di penghujung, saya hendak bagi satu contoh. Kalau kita ke sebelah Thailand, jalan ke sempadan itu semuanya empat buah lorong. Saya tidak pasti kenapa ia macam itu tetapi mungkin tujuannya untuk menerima pelancong dari luar, di samping untuk membangunkan kawasan setempat. Jadi, saya harapkan jangan kita- kalau di sebelah Pantai Timur, di Terengganu atau Kelantan itu, buatlah jalan kerana itulah salah satu pengupayaan dalam kita membangunkan kawasan setempat dan orang ramai pun dapat menikmati kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Jadi dengan itu, saya menyokong RUU ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

12.42 tgh.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian berbahas berkenaan dengan Rang Undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2022 ini. Saya mempunyai beberapa persoalan yang ingin saya bangkitkan pada sidang Dewan Negara pada hari ini.

Pertama, difahamkan bahawa Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau lebih dikenali sebagai *East Coast Economic Region* ini berobjektif untuk memacu pembangunan dan juga sosioekonomi di empat buah negeri iaitu Terengganu, Kelantan, Pahang dan sebahagian dari Johor. Selaku Ahli Dewan Negara yang mewakili negeri Terengganu, saya berminat untuk menumpukan perhatian kepada Projek ECER di negeri Terengganu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan berkenaan dengan Projek LPT3 yang saya dapat tahu berada dalam pemantauan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Seperti yang sedia maklum, projek pembinaan ini telah diluluskan pada tahun 2019 dan ia merangkumi mempunyai jarak 150 kilometer bermula dari Gemuruh, Terengganu sehingga ke Tumpat, Kelantan.

Soalan saya, saya mendapat tahu kerja awalan kajian projek ini dijangka selesai pada April 2022. Apa status projek ini pada waktu ini, sehingga sekarang ini?

Kedua, bilakah tarikh dijangka untuk proses pembinaan lebuhraya dimulakan? Ketiga, bilakah pembinaan tersebut dijangka akan selesai? Saya bimbang sebagaimana kebimbangan yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook tadi. Dia hairan, tiba-tiba sampai setakat Terengganu, putus hubungan, ada nampak laluan tetapi laluan itu sehingga sekarang ini sudah jadi usang.

Apakah sejarah akan berulang ataupun akan berlaku sekali lagi? Pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT2) bermula dari Kuantan sehingga ke Gemuruh, Terengganu. Sebahagian daripadanya adalah dibiayai oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Setakat yang saya faham, Kerajaan Pusat telah pun berhutang dengan Kerajaan Negeri Terengganu kalau tidak silap saya sebanyak RM1.8 bilion dengan janji bahawa LPT ini akan digunakan tanpa tol. Akan tetapi tiba-tiba tol dikenakan dan hutang setakat ini saya dimaklumkan belum lagi diselesaikan, dilangsaikan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti sedia maklum bahawa ECER ini mempunyai pelan strategik yang komprehensif dalam sektor pendidikan untuk negeri Terengganu khususnya. Pembinaan kilang tenusu dan kelapa pada masa hadapan akan merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi di Terengganu serta menjamin kelangsungan sekuriti makanan, khususnya.

Soalan saya, adakah ECER merancang untuk membuka lebih banyak kursus yang berkait dengan industri vokasional iaitu perkilangan dan sebagainya supaya peningkatan dalam melahirkan buruh mahir di negeri Terengganu. Saya membangkitkan soalan ini kerana pada masa hadapan sudah tentunya projek tenusu dan kelapa akan memerlukan pekerja sedemikian untuk membantu dalam perkhidmatan dan operasi.

Seiring dengan konsep Keluarga Malaysia, sehingga kini saya juga ingin mengetahui jumlah peratus belia yang telah mendapat kelebihan daripada Program Pembangunan Modal Insan 2.0 ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat maklumat bahawa salah satu tujuan ECER adalah untuk mewujudkan impak pembangunan di Terengganu ini dengan merapatkan jurang pendapatan golongan B40. Saya ingin tahu, apakah inisiatif yang telah dilakukan oleh ECER kepada komuniti Orang Asli di negeri Terengganu dalam Program Pembangunan Modal Insan ini?

Kedua, saya melihat juga bahawa ECER berusaha merancakkan usahawan baru di Terengganu. Soalan saya, adakah ECER melakukan kerjasama dengan institusi perbankan untuk memudahkan proses pinjaman bagi usahawan yang mendapat manfaat daripada Program Pembangunan Modal Insan ini?

Ketiga, memandangkan negeri Terengganu ini telah menyaksikan peningkatan kelahiran graduan dalam bidang ICT, adakah ECER berhasrat untuk mewujudkan Mini Cyberjaya atau Lembah Silikon di Terengganu pada masa akan datang bagi memberi lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat negeri ini?

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2022. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang atas perbahasan tadi.

Seterusnya saya menjemput pembahas yang terakhir, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Silakan.

■1250

12.50 tgh.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana masih lagi memberi ruang untuk saya. Terima kasih banyak-banyak.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* saya juga dari Terengganu. Negeri Terengganu merupakan sebahagian dari Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) selain dari Kelantan, Pahang dan Daerah Mersing, Johor.

Bertepatan dengan tujuan pindaan RUU ini, untuk memasukkan Daerah Segamat, Johor ke Wilayah Ekonomi Pantai Timur, saya yakin bahawa kerajaan mempunyai perancangan yang tepat, khususnya untuk memajukan ekonomi Pantai Timur sekali gus mengecilkan jurang ekonomi yang wujud di antara negeri-negeri di Pantai Timur dengan negeri-negeri yang maju, khususnya di Pantai Barat.

Oleh itu, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada kerajaan yang telah melaksanakan projek-projek di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur di negeri Terengganu yang tentunya diharapkan memberikan manfaat yang amat besar kepada seluruh rakyat Terengganu, *insya-Allah*.

*Dari Kuala Lumpur pergi ke Bera;
Singgah sebentar di rumah Pak Awi.
Bersatu padu rakyat sejahtera;
Sama-sama berganding makmurkan pertiwi.*

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk ECER 2.0 menyasarkan sehingga tahun 2025 nilai pelaburan asing di Terengganu, dianggarkan RM70 bilion dengan jumlah 120 ribu peluang pekerjaan dan mewujudkan 60 ribu orang usahawan baharu melalui enam inisiatif strategik. Walau bagaimanapun terkini, jumlah pelaburan swasta yang masuk sejak tahun 2018 sehingga kini dianggarkan RM26 bilion dengan jumlah peluang pekerjaan sebanyak 36 ribu dan usahawan baharu kira-kira 15 ribu orang.

Data-data pencapaian ini memberi petunjuk bahawa dari tahun 2018 hingga tahun 2022, sasaran yang dicapai daripada *target* utama masih belum mencapai 50 peratus. Oleh itu, apakah perancangan kerajaan untuk menambah inisiatif strategik yang telah dilaksanakan supaya sasaran Pelan Induk ECER menjelang tahun 2025 mampu dicapai sekurang-kurangnya melebihi 50 peratus?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya mohon penjelasan kementerian mengenai pembangunan industri silika yang tadi disebut juga oleh Yang Berhormat Dato' Haji Husain ya iaitu industri silika di Terengganu dan sejauh mana industri tersebut berpotensi menyumbang kepada pendapatan kerajaan negeri.

Saya juga difahamkan bahawa kajian mengenai kesesuaian pembangunan industri silika di Terengganu ini telah lama dijalankan. Oleh itu, mohon penjelasan kementerian mengenai pembangunan industri ini dan adakah ia dapat dibangunkan untuk masa panjang sebagai sumber mineral yang boleh menyumbang pendapatan kepada kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir saya ingin menyentuh mengenai pelaksanaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) yang telah diluluskan dengan kos-kos kerja awalan berjumlah RM35 juta. Saya difahamkan bahawa kerja awalan projek ini dijangka dapat disiapkan menjelang April tahun ini. Saya maklum bahawa pelaksanaan LPT3 ini bukanlah secara langsung berada di bawah seliaan ECERDC.

Namun, saya ingin bertanya, sejauh mana libat urus ECERDC dengan kementerian berkaitan agar *alignment*, dengan izin, pembinaan LPT3 kelak mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi masyarakat setempat.

Sekian, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Maka, itu tamatlah perbahasan kita.

Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

12.55 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan soalan yang pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair sebentar tadi iaitu berkenaan tahap kemiskinan yang paling tinggi di Daerah Mersing walaupun dapat lima projek yang sedang dibangunkan di kawasan tersebut.

Apa yang menjadi masalah kepada isu kemiskinan ini disebabkan rata-rata ataupun majoriti kebanyakan penduduk di Mersing lebih terjurus untuk menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan pertanian dan aktiviti nelayan. Jadi, disebabkan juga keadaan ini memerlukan sedikit masa yang panjang untuk membimbing bagi meningkatkan pendapatan mereka daripada projek-projek yang sedang dijalankan di kawasan Mersing tersebut.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair juga ada membangkitkan persoalan kenapa kerajaan mengambil masa yang begitu panjang untuk membuat pindaan bagi memasukkan daerah Segamat ini sebagai sebahagian dari daerah yang ditadbir oleh ECER ataupun ECERDC. Ini disebabkan berlakunya pertukaran kerajaan pada tahun 2018 yang telah merencatkan perancangan awal bagi memasukkan Segamat sebagai sebahagian dari daerah ECER. Jadi, disebabkan itu, proses untuk meminda Akta ECER ini dibuat pada tahun ini, sekarang, bagi meneruskan hasrat kerajaan sebelum ini.

Bagi menjawab soalan kedua yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan, iaitu adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan Majlis Ekonomi Pantai Barat pada masa akan datang. Ini satu isu yang bukan di bawah tanggungjawab ECER. Jadi, saya tidak mendapat untuk memberikan jawapan yang khusus kerana ini bukan juga di bawah urus tadbir EPU.

Jadi, soalan selanjutnya kenapa tidak dilebarkan terus ke Daerah Kota Tinggi atau Daerah Kluang yang bersebelahan dengan Daerah Mersing. Juga jawapan yang sama bukan di bawah tanggungjawab EPU ataupun Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

Berkaitan dengan perancangan yang khusus untuk membangunkan Daerah Segamat dalam ECER ini, cadangan-cadangan pembangunan yang dibawa untuk Daerah Segamat antara lain adalah berpandukan kepada Pelan Induk 2.0 (2018-2025) adalah cadangan sektor tumpuan pembangunan Daerah Segamat yang akan diberi keutamaan iaitu:

- (i) hab perniagaan tani;

- (ii) hab logistik Segamat Inland Port;
- (iii) penyelidikan industri pembuatan;
- (iv) hab pelancongan;
- (v) Taman Negara Endau Rompin- pelancongan;
- (vi) peningkatan infrastruktur sistem pengangkutan darat dan kesalinghubungan; dan
- (vii) program pembangunan modal insan.

Untuk meningkatkan ruang keusahawanan terutamanya dalam sektor pertanian yang disasarkan dapat memberikan impak yang positif kepada pendapatan purata serta taraf hidup rakyat di daerah Segamat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, saya ingat mungkin jawapan panjang lagi. Jadi kita sudah masa rehat. Kita sambung selepas ini.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh ya.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditempokkan sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

■1440

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah diteruskan bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyambung huraian dan jawapannya. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon meneruskan dengan soalan yang ketiga yang telah ditanya oleh Yang Berhormat Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff tadi.

Ia berkenaan peluang-peluang dan juga insentif yang diberikan kepada ibu tunggal dan juga penduduk setempat untuk memberi keutamaan kepada proses pemulihan ekonomi penduduk setempat, terutamanya ibu tunggal.

Pihak ECERDC telah bekerjasama rapat dengan *investment promotion agency* dan juga Persekutuan termasuklah IPA negeri untuk menarik pelaburan ke negeri Kelantan. Manakala perkara-perkara yang berkaitan ibu tunggal, Program Pembangunan Modal Insan ECERDC yang terlibat pula adalah untuk *empowerment* atau *empower* ECER, latihan

kemahiran dan keusahawanan dan juga *entrepreneur* ECER serta penjana pendapatan melalui Program Penjana dan ECERDC, dengan izin, *upskilling* dan kebolehpasaran tenaga kerja. Ini termasuklah Pakej Insentif Khas Kelantan yang telah diluluskan oleh ECERDC pada 15 November 2021 dan ECERDC juga telah mempromosikan insentif ini secara lebih menyeluruh melalui sesi *webinar* dan perbincangan sesama *investment promotion agency*. Ini berkaitan pelaburan di negeri Kelantan.

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada soalan keempat yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan iaitu apakah perkembangan yang berkaitan dengan ECRL.

Untuk makluman Yang Berhormat, ECRL ini bukan diletakkan di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang ini lebih diuruskan ataupun diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan. Di situ saya tidak mempunyai sebarang pengetahuan yang khusus untuk menjawab berkenaan soalan ECRL.

Bentuk-bentuk promosi dan galakan- soalan lanjut, promosi dan galakan yang dirancang untuk dilaksanakan untuk menggalakkan kerjasama dengan kerajaan tempatan. Ini termasuklah sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun ini iaitu sebanyak RM14 bilion pelaburan komited dan 10 ribu peluang pekerjaan.

Setakat Julai 2022, jumlah pelaburan komited dan peluang pekerjaan yang telah dicapai pada tahun ini adalah pada anggaran RM13 bilion dan peluang pekerjaan 7,000 masing-masing. ECERDC telah menjalankan juga promosi pelaburan secara agresif melalui misi pelaburan ke Korea dan Jerman, contohnya, serta pelaksanaan sebarang siri taklimat dan *webinar* bersama para pelabur yang berpotensi.

Selain itu, kerjasama rapat melalui sesi libat urus dengan *strategic partner* seperti kerajaan negeri, MIDA, kedutaan, PETRONAS dan dewan-dewan perniagaan juga telah turut dijalankan. Pakej Insentif ECER dan Pakej Insentif Khas Kelantan telah menjadi salah satu faktor dalam menjadikan Wilayah ECER sebagai salah sebuah destinasi pelaburan asing dan juga tempatan. Jadi...

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Tuan Yang di-Pertua, boleh mohon pencilahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Silakan.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Yes. Sila.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjelaskan tadi tentang peluang pekerjaan 10 ribu disediakan untuk kawasan ECER, khususnya di Johor.

Boleh saya tahu, adakah perkara itu telah dicapai ataupun hanya perancangan? Kedua, adakah pelabur dari Singapura berminat untuk melabur khususnya di kawasan Segamat dan Mersing? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan itu. Saya hendak maklumkan bahawa 10 ribu peluang pekerjaan ini adalah sasaran yang ditetapkan oleh ECER iaitu peluang yang terwujud hasil daripada pelaburan yang telah dibuat oleh pelabur-pelabur luar dan juga tempatan, hasil daripada semua promosi dan juga libat urus yang dibuat oleh ECERDC dengan pihak-pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, sasaran ini tidak dicapai sepenuhnya sebab daripada 10 ribu itu cuma 7,000 dipercayai yang diisi melalui peluang-peluang pekerjaan tersebut.

Walaupun bagaimanapun, saya tidak mempunyai data yang khusus berkenaan yang mana yang melibatkan sama ada rakyat Johor ataupun Kelantan. Kalau Yang Berhormat Senator perlukan mungkin saya akan cuba dapatkan secara *detail* dan berikan jawapan secara bertulis. Apa pun, ini merupakan data yang diperolehi yang dapat memberikan jawapan secara umum iaitu daripada 10 ribu yang ditawarkan itu, 70 ribu mendapat respons daripada mereka yang berminat. Ini yang saya difahamkan. Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya teruskan dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya. silakan.

■1440

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Soalan yang kelima tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang kelima ya.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Ya, yang kelima juga soalan yang dibangkitkan berkaitan dengan LPT tadi, kalau tidak silap saya. LPT juga, sekali lagi saya tegaskan, bukan diletakkan di bawah tanggungjawab Unit EPU Jabatan Perdana Menteri. Ini diletakkan terus di bawah KKR. Bolehlah Yang Berhormat rujuk pada KKR untuk mendapatkan jawapan yang khusus.

Saya juga merujuk kepada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook yang juga bertanyakan soalan nombor enam yang bertanyakan juga status berkenaan LPT. Sekali lagi, saya mohon merujuk pada KKR. Oleh sebab Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri tidak mempunyai maklumat yang khusus berkenaan soalan yang telah dibangkitkan.

Ketujuh pun, saya ingat sama ya soalan yang berkaitan dengan LPT juga. Ketujuh juga rujuk kepada KKR.

Seterusnya saya hendak rujuk kepada soalan yang terakhir, yang kelapan, daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh iaitu peranan perancangan kerajaan untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 25 peratus seperti kajian pelan induk sehingga tahun 2025. Soalan berkaitan *Silica Valley*. Ini *Silica Valley* bukan di bawah ECERDC tetapi di bawah kerajaan negeri.

Ditanyakan soalan LPT3. Ini pun di bawah KKR ataupun JKR. Walau bagaimanapun, berkenaan sasaran untuk mencapai 25 peratus kajian pelan induk tadi, sama seperti jawapan yang diberikan sebelum ini, bahawa ECERDC telah menjalankan promosi pelaburan secara agresif melalui misi pelaburan ke Korea dan Jerman contohnya, serta pelaksanaan siri taklimat dan *webinar* bersama para pelabur yang berpotensi.

Selain itu, kerjasama rapat melalui sesi libat urus dengan *strategic partner* juga telah dilakukan seperti kerajaan negeri, MIDA, kedutaan, PETRONAS dan dewan-dewan perniagaan juga telah turut dijalankan. Ini termasuklah Pakej Insentif ECER dan Pakej Insentif Khas Kelantan yang telah menjadi salah satu faktor dalam menjadikan Wilayah ECER sebagai salah sebuah destinasi pelaburan asing dan juga tempatan yang menarik.

Baik, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya selesailah menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh kelapan-lapan Yang Berhormat Senator. Walau bagaimanapun, sekiranya jawapan itu tidak memuaskan semua Yang Berhormat berkenaan, mungkin boleh menulis kepada Unit Perancangan Ekonomi untuk kami memberikan jawapan yang lebih khusus secara bertulis sekiranya perlu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Okey. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di JPM Bahagian Ekonomi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN
PADI DAN BERAS (PINDAAN) 2022****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****2.47 ptg.**

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022 yang dicadangkan adalah bagi meminda Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dengan tujuan untuk menambah baik peruntukan sedia ada terutamanya berhubung pelantikan Timbalan Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras dan juga memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan apa-apa peraturan bagi menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun bagi sesuatu kesalahan.

Pelantikan Timbalan Ketua Pengarah adalah bagi membantu Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras bagi maksud melaksanakan kewajipan-kewajipan dan fungsi-fungsi yang ditugaskan kepadanya di bawah Akta 522. Pelantikan Timbalan Ketua Pengarah akan memperkukuhkan bidang penguatkuasaan dalam mengawal selia industri padi dan beras.

Pada masa ini, semua jenis kesalahan di bawah Akta 522 diperuntukkan untuk didakwa di mahkamah dengan peraturan baharu iaitu kesalahan yang boleh dikompaun. Tempoh proses penyelesaian kepada sesuatu kesalahan boleh dipendekkan di samping menjimatkan masa dan kos pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022. Rang undang-undang ini mempunyai empat fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 dan 3 masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 2 dan 3 Akta 522. Fasal 3 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk melantik seorang atau apa-apa bilangan pegawai awam menjadi Timbalan Ketua Pengarah untuk membantu Ketua Pengarah dalam melaksanakan kewajipan dan fungsi yang diberikan kepadanya di bawah Akta 522.

■1450

Manakala fasal 2 adalah pindaan berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 3, Akta 522.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 28A ke dalam Akta 522. Cadangan seksyen 28A memberi Menteri kuasa dengan kelulusan pendakwa raya untuk menetapkan melalui peraturan-peraturan kesalahan yang boleh di kompaun, kaedah dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan.

Fasal ini selanjutnya mengadakan peruntukan mengenai kuasa Ketua Pengarah untuk mengkompaun kesalahan dengan izin bertulis pendakwa raya dan.

Fasal-fasal lain yang tidak dinyatakan secara khusus adalah pindaan bersifat kecil atau berbangkit. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]: Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ahli Yang Berhormat masalahnya ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Terdapat kira-kira 12 orang untuk menyampaikan perbincangan masing-masing. Dimulakan dengan Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

2.52 ptg.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Diberi masa enam minit.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Enam minit. Tidak panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah wassalatu wassalamu ala Rasulillah.* Terima kasih atas ruang yang diberikan untuk saya turut membahaskan pindaan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 ataupun Akta 522.

Dalam akta ini mudah saja nampaknya iaitu untuk kita tambahkan jawatan Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras. Kita menyedari bahawa sesungguhnya jawatan Ketua Pengarah Kawal Selia ini adalah atas arahan Yang Berhormat Menteri dari semasa ke semasa iaitu untuk memastikan bekalan padi dan beras cukup, harga rantai padi dan harga siling beras untuk beras tempatan mesti diikuti. Pengurusan *stockpile* iaitu pengimportan beras luar mengikut tahap keperluan semasa ke semasa, urusan subsidi padi dan beras, pelesenan borong dan runcit, pengilang, import dan juga eksport.

Kemudian hal urusan berkaitan pengilangan iaitu *milling*, dengan izin, berkaitan dengan kualiti potongan padi dan sebagainya. Kemudian berkaitan dengan kaji selidik pengeluaran padi, *reporting* dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua. Kemudian, ada juga terlibat dengan pengedaran padi dan juga beras antara negeri. Kemudian sudah tentulah melibatkan pelaporan dalam industri.

Jadi, banyak kuasa yang diturunkan oleh Menteri kepada Ketua Pengarah iaitu berkaitan dengan penguatkuasaan. Oleh sebab itulah dalam kajian yang dibuat, laporan yang diterima terdapat hampir 1,300 yang melibatkan penguatkuasaan dan masih tertunggak di peringkat mahkamah. Maka katanya Ketua Pengarah tidak cukup masa untuk mengendalikan kes itu, maka kes itu lambat, menjangkau sampai dua, tiga tahun baru hendak selesai.

Kemudian Ketua Pengarah juga diberikan kuasa untuk mendapatkan hak untuk mendapat maklumat kuasa, untuk geledah dan rampas sekiranya ada kesalahan. Sudah tentulah bila geledah, rampas, boleh ditangkap, menangkap, penangkapan dan juga diikuti dengan pendakwaan. Jadi, dari sini pun kita sudah tengok bahawa sesungguhnya kuasa ini amat luas dan bila terlalu luas maka tidak cukup kakitangan. Maka sudah tentulah ia akan terbengkalai. Kita menyedari bahawa industri padi ini penting. Orang melihat industri padi ini sebenarnya hanya dari sudut perbelanjaan kerajaan, sekitar RM2 bilion dalam bentuk subsidi dan sebagainya.

Namun kalau kita tengok daripada segi penggunaan, *consumption* dengan izin, purata per kapita rakyat Malaysia makan beras ini lebih kurang 78 kilo seorang setahun. Kalau kita darabkan, kalikan 32 juta orang rakyat dengan 78 kilo, kalilah kita kata lebih kurang harga purata RM3 sekilo, ia telah pun berjumlah RM7.5 bilion. Itu belum masuk lagi input pertanian.

Maka saya anggarkan industri padi negara melibatkan tidak kurang daripada RM10 bilion setahun. Maka ia besar. Melibatkan pelbagai agensi di bawah Kementerian MAFI, MARDI, Jabatan Pertanian, agensi-agensi yang besar seperti MADA, KADA, Barat Laut Selangor, IADP, JPS, LPP, kemudian termasuklah Bahagian Kawal Selia, Bahagian Pembangunan Industri Padi. Kemudian terlibat dengan universiti, terlibat dengan pihak swasta dan sebagainya.

Maka banyak pemegang taruh dan mereka yang terlibat. Maka sudah tentulah industri padi ini merupakan sebuah industri yang besar dan penting dalam negara selain daripada menjamin kita ada makanan beras ini. Dalam padi kita terlibat dengan hal berkaitan dengan agronominya, tanah, benih, penyelenggaraan, penuaian, penghantaran dan sebagainya.

Kemudian kita bercakap soal tanah ini, cakap soal kaji selidik, kemasaman tanah, PH, kemudian bab baja, kemudian berkaitan dengan penuaian itu sendiri, hal-hal berkaitan dengan kehilangan selepas tuaian dan sebagainya. Kemudian kita sentuh sikit bab entomologi, Tuan Yang di-Pertua. Penyakit-penyakit ini ada kulat, ada serangga, ada gondang, ada tikus, kemudian kita bercakap soal racun, racun gondang yang katanya masih lagi menggunakan racun dari China yang diharamkan, yang boleh mendatangkan masalah kepada pengguna.

Kemudian kita juga kena bercakap soal pengairan, saluran, daripada segi masa untuk mengalirkan air. Kemudian isu penyelenggaraan sungai. Macam saya di Kedah, MADA ini sekarang rakyat teriak, menangis kerana penyelenggaraan sungai itu sudah tidak ikut jadual

biasa. Air tidak dapat mengalir sebaiknya, kemudian ada banjir, macam-macam dan tersumbat di sana sini dan ia menjadi masalah. Apabila kita bercakap soal benih padi pula. Tidak pernah kunjung padam masalah ini. kerajaan memberikan subsidi saja RM80 juta. Kita perlukan 80 ribu tan, kemudian kita bercakap soal fasal benih sah, tidak pernah habis, kita bagi kepada tujuh ataupun lapan, sembilan buah syarikat untuk membekal benih. Akan tetapi tidak pernah selesai.

Kemudian, diberi pula kepada satu- pengendali utama, NAFAS. Jadi banyaklah perkara-perkara yang tidak pernah selesai. Maka sudah tentulah apabila- masa sudah tidak ada Tuan Yang di-Pertua, mohon izin lebih sedikit. Kita perlukan kepada satu pemisahan kuasa ini.

Saya dimaklumkan, saya terkejut sebab katanya hari ini Pengarah Kawal Selia Padi dan Setiausaha Bahagian Industri Padi adalah orang yang sama. Manakah mungkin dia buat? Tidak mungkin sebab yang saya sebut awal tadi pun sudah penuh dengan ketatnya ini. Kalau ditambah seorang Timbalan Ketua Pengarah, saya cadangkan tambahkan dua. Biar seorang buat operasi, seorang buat pengurusan. Jaga elok-elok sebab banyak benda-benda yang kita hendak kena tengok.

Kemudian kita bercakap, banyaklah Tuan Yang di-Pertua hendak cakap ini. Masa pun tidak ada. Saya hendak mintalah kepada pihak kementerian tengok balik supaya peranan, konflik, contoh kawal selia kena pastikan benihnya ada, bajanya tepat. Jadi kawal selia juga menjadi SUB Padi, dia pula pergi jaga dengan NAFAS kah, apa semua. Jadi saya ingat tidak kenalah daripada segi pengurusan pentadbiran.

Saya minta kepada Bahagian Sumber Manusia Kementerian segeralah tambah orang. Tidak akan tidak orang hendak jadi Pengarah seorang, Ketua Pengarah seorang, SUB seorang. Kemudian okey, bila kita selesaikan undang-undang ini kita tambah Timbalan Ketua Pengarah supaya kerja dapat diselesaikan. Kita tidak payahlah lagi untuk datang memperbanyakkan pelbagai alasan.

Baru-baru ini pun saya ingat antara Jun sampai Ogos ini pun Menteri beberapa kali, Timbalan Menteri pun bercakap, pastikan benih padi sampai dan sebagainya. Jadi saya melihat bahawa banyak perkara perlu dibuat. Kita perlu melihat lebih mendalam. Biarlah nilai duit kerajaan beri subsidi itu sampai betul-betul kepadanya. Biarlah rakyat mendapat nilai, kalau bahasa Inggeris kata *value for money* untuk kerajaan. Petani cukup makan, kemudian kita hendak tingkatkan hasil, kemudian kita perlukan lah- supaya apa yang dibantu oleh kerajaan selama ini, niat kerajaan untuk meningkatkan hasil, meningkatkan pendapatan rakyat ini akan tercapai.

Kalau tidak kita akan setiap musim, setiap masa akan hanya mencari alasan-alasan. Kenapa baja lewat sampai, kenapakah benih padi tidak sampai? Kenapa benih yang diminta

tidak- macam-macamlah. Jadi, saya rasa sudah sampai masa Yang Berhormat Menteri, tengok balik secara menyeluruh.

■1500

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merakamkan penghargaan dan terima kasih bagi pihak rakyat, bagi pihak orang bendang di Kedah di seluruh negara kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mendengar rintihan rakyat melalui pelbagai saluran sama ada daripada pemimpin peladang, orang politik dan sebagainya. Di mana, dimaklumkan bahawa *insya-Allah* mulai tahun depan, kerajaan akan memasukkan semula Bantuan Sara Diri antara musim menabur ke musim menuai lebih kurang tiga bulan semusim berjumlah RM200 satu isi keluarga.

Jadi, kalau setahun ini dapat enam bulan RM1,200, dapatlah meringankan bebanan. Saya menyokong pindaan ini dan minta disegerakan *insya-Allah* dan sebelum dilantik Timbalan Ketua Pengarah, lantiklah Ketua Pengarah baharu ataupun gantikan SUB baharu supaya kuasa untuk semak dan imbang itu dapat dilaksanakan. Kalau tidak, kita akan menghadapi masalah ini yang tidak kunjung padam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam. Alhamdulillah*, nampak gaya Yang Berhormat Dato' Wira Othman bin Aziz banyak memahami liku-liku dan juga masalah dalaman secara terperinci. Tahniah.

Saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh atas sesuatu yang diperlukan, disegerakan. Silakan.

3.01 ptg.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk bersama-sama dalam perbincangan Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa akta ini digubal adalah bertujuan mengawal selia segala urusan berkenaan padi dan beras dalam negara kita. Namun, saya mempunyai beberapa soalan yang ingin dibangkitkan berkenaan dengan akta ini.

Pertama, selama ini pesawah terpaksa menanggung kos pesawah yang naik berkali-kali ganda setiap tahun. Namun, jumlah subsidi yang diterima oleh mereka masih lagi tetap sama. Kemudian, saya berasa sangat tidak adil kepada pesawah kerana harga beras dan padi tidak dinaikkan seiring dengan kos. Walaupun kos pesawah naik berkali-kali ganda setiap tahun.

Hakikatnya, pesawah padi menanggung 100 peratus kenaikan kos dan ia tidak termasuk faktor potongan untuk mendapatkan beras bersih yang semakin tinggi oleh kilang beras. Ini bermakna beras murah yang dinikmati rakyat negara ini sebenarnya ditanggung oleh pesawah 100 peratus. Adakah hal ini pihak Menteri bersetuju dengan apa yang saya sebutkan ini?

Hal ini tidak berlaku kepada sayuran, ikan dan makanan lain yang harganya naik apabila kos meningkat iaitu kenaikan kos ditanggung juga oleh pemborong dan juga pengguna. Oleh itu, saya ingin bertanya jika kementerian berminat untuk melaksanakan sistem apungan harga beras sekiranya sudah tidak mahu lagi memberikan subsidi yang juga merupakan balasan ganti kepada kawalan harga padi dan beras.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya mendapat tahu bahawa berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sehingga menjejaskan jadual tanaman lebih 50 ribu orang pesawah di negeri Kedah dan Perlis pada Oktober tahun lepas. Kejadian ini pula telah dikatakan berlaku banyak kali sebelum itu. Para pesawah berasa kecewa apabila masalah pengagihan benih padi ini berterusan. Ini suatu yang menyedihkanlah, kasihan kepada mereka.

Oleh itu, saya ingin mengajukan beberapa persoalan mengenai isu ini. Pertama, adakah masalah kelewatan pengagihan benih padi masih juga berlaku ketika ini? Adakah punca masalah pengagihan benih padi ini berlaku kerana pada waktu itu bilangan pengedar benih padi ini masih berkurangan? Apakah tindakan kementerian dalam menangani masalah ini dalam tempoh jangka masa panjang?

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan pada tahun 2019 pernah wujud cadangan daripada kerajaan terdahulu untuk memecahkan monopoli beras Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) selaku penjaga industri padi dan beras tempatan. Cadangan ini dibangkitkan oleh kerajaan terdahulu atas tujuan memantapkan sektor pertanian, khususnya dalam memastikan soal jaminan keselamatan bekalan makanan negara terpelihara. Malah, pada waktu itu dikatakan penamatan monopoli BERNAS itu akan membentuk pasaran yang lebih terbuka kepada hasil padi dan beras di negara ini.

Antara lain juga dengan mewujudkan persaingan yang sihat di antara syarikat yang terlibat dan industri padi serta beras negara. Soalan saya bagi mendapat pencerahan berkenaan isu ini, saya ingin tahu adakah monopoli BERNAS pada waktu ini memberi keuntungan atau kerugian kepada bekalan beras negara kita pada jangka masa panjang? Buat akhirnya, saya mohon menyokong RUU ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, terima kasih.

Kita berpindah kepada Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/ Nachiappan.

3.06 ptg.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana telah memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022.

Tuan Yang di-Pertua, krisis bekalan makanan yang dijangka semakin meningkat ketika ini berupaya menjadi ancaman kesihatan kepada dunia, sama seperti pandemik COVID-19. Saya ada membaca satu laporan yang mana Pengarah Eksekutif Dana Global untuk memerangi AIDS, Tuberkulosis dan Malaria, Peter Sands telah menegaskan bahawa kenaikan harga bekalan makanan dan tenaga sebahagiannya dicituskan oleh perang di Ukraine mampu membunuh jutaan penduduk secara langsung dan tidak langsung. Beliau menjelaskan bahawa masalah kekurangan bekalan makanan berlaku dalam dua situasi.

Pertama, ia membabitkan tragedi yang mana penduduk mengalami kebuluran sehingga maut. Kedua, sebilangan besar orang dengan jumlah yang tinggi mengalami kekurangan zat makanan. Sekali gus, menjadikan mereka lebih terdedah kepada penyakit sedia ada. Secara tidak langsung, kita juga perlu berhadapan dengan krisis bekalan makanan dan sudah tentu beras merupakan makanan ruji rakyat Malaysia perlu diberikan keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan ini sebenarnya telah berjaya dirungkaikan dengan kenyataan Menteri di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee di Dewan Rakyat bahawa bekalan beras negara kekal stabil dan mampu menampung keperluan rakyat sekalipun berlaku kecemasan. Walaupun, dikatakan bahawa bekalan beras negara masih mencukupi, namun menurut MAFI pengeluaran padi dan beras negara semasa hanya menampung 70 peratus keperluan domestik, dengan bakinya diimport antaranya dari Vietnam, Thailand, India dan Pakistan.

Oleh itu, penyeliaan stok penimbal Beras Nasional diuruskan sepenuhnya oleh BERNAS dan merupakan antara klausa obligasi sosial yang terkandung dalam perjanjian konsesi di antara kerajaan dan syarikat itu bagi tempoh 2021 hingga 2031. Menerusi perjanjian konsesi itu, BERNAS perlu memelihara, menguruskan, menyelenggarakan, dan mengekalkan stok penimbal beras pada kadar yang ditetapkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa soalan yang ingin mendapat maklum balas daripada pihak kementerian memandangkan Malaysia telah pun berjaya menanam dan menyediakan bekalan beras yang mencukupi. Apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan lagi pengeluaran beras dan seterusnya hingga mampu mengeksport beras ke negara jiran?

Kedua, sekiranya kita telah berjaya menyediakan bekalan beras yang mencukupi, bagaimanakah pula peranan BERNAS yang merupakan pengimport tunggal beras negara sejak 1990-an?

■1510

Apa peranan BERNAS masih diperlukan lagi. Ketiganya walaupun pelbagai program bantuan dan insentif daripada kerajaan bernilai berbilion-bilion Ringgit dilaksanakan saban tahun, analisis kementerian mendapati kedua-dua kawasan jelapang dan di luar jelapang masih gagal memberikan produktiviti yang memuaskan.

Apakah cadangan kementerian untuk mengatasi perkara ini? Dengan ini saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Aziz bin Ariffin.

3.10 ptg.

Tuan Haji Aziz bin Ariffin: *Assalamualaikum warahmatullah* dan salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama-sama berbahas dalam Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2002 di Dewan Negara yang mulia ini. Pindaan bagi rang undang-undang ini sangat penting kerana ia melibatkan padi dan beras yang merupakan makanan ruji utama bagi negara kita.

Saya amat mengalu-alukan langkah pindaan ini yang bertujuan memasukkan seksyen baharu iaitu seksyen 28A yang memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan melalui peraturan kesalahan yang boleh dikompaun dan kaedah serta tatacara bagi mengkompaun kesalahan.

Dengan kuasa yang diberikan kepada Menteri, saya amat berharap agar masalah kekurangan serta penyelewengan benih padi sah dapat dikekang di samping mampu melancarkan proses penanaman padi di seluruh negara. Isu kekurangan bekalan benih padi sah ataupun BPS bukanlah satu isu yang baharu dan ia sentiasa berulang kali berlaku setiap saban tahun.

Kita sering kali mendengar rungutan para pesawah yang tidak dapat memulakan musim tanaman baharu padi mereka kerana tidak mendapat bekalan benih padi sah berikutan kekurangan bekalan. Ia bukanlah disebabkan oleh kekurangan bekalan Tuan Yang di-Pertua, tetapi terdapat penjualan padi benih secara haram tanpa kawalan oleh ejen atau orang tengah kepada pesawah tanpa mempunyai lesen yang sah daripada kawal selia padi beras. Wujud juga kebimbangan sekiranya terdapat pengilang padi yang mengambil kesempatan menjual benih padi sah tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang.

Hal ini kerana harga benih padi ini boleh mencapai sehingga RM60 bagi beg 20 kilogram di pasaran gelap berbanding benih padi sah yang bersubsidi Cuma berharga RM35. Persoalan di sini Tuan Yang di-Pertua, apakah tiada sebarang pemantauan serta penguatkuasaan dijalankan oleh pihak kementerian bagi mengekang masalah penyelewengan Benih Padi Sah yang kerap berlaku dan menghantui para petani ?

Apakah punca utama berlaku penyelewengan penjualan benih padi sah di pintu belakang kilang dan di pasaran gelap? Adakah terdapat satu sindiket atau katil yang terlibat memanipulasi penjualan benih padi sah. Selain itu saya menyeru agar pihak kementerian dapat mengenal pasti *variety* padi baharu yang lebih tahan terhadap perubahan cuaca yang tidak menentu di negara kita sekali gus mampu untuk mengelakkan daripada berlakunya krisis makanan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan teknologi banyak membantu dalam memajukan negara terutamanya dalam sektor pertanian. Teknologi mampu memudahkan para petani untuk meningkatkan kualiti hasil tanaman lebih bagus dan kualiti hasil pertanian yang lebih tinggi. Teknologi bukan sahaja mampu meningkatkan hasil dan kualiti padi, malah sekali gus meningkatkan pendapatan petani serta menyumbang pengeluaran makanan dan tahap sara diri. Kelangsungan sumber padi merupakan satu aspek keselamatan negara. Pihak kerajaan disarankan untuk mengkaji dan menghasilkan teknologi baharu dalam penanaman padi secara berterusan bagi membantu petani dan menarik minat petani muda demi masa hadapan negara.

Di negara kita terdapat lebih kurang 300 ribu orang pesawah padi yang terlibat secara langsung dalam menyumbang kepada keselamatan dan jaminan makanan utama negara kita. Kerajaan mestilah mengambil segala langkah ke hadapan bagi menjamin industri padi negara terus maju dan menarik minat rakyat untuk terlibat secara proaktif dalam industri padi negara. Jika tidak, generasi muda hari ini sudah pasti tidak lagi bersedia untuk mengambil alih peranan generasi lama di dalam menyambung tugas besar ini.

Rata-rata golongan pesawah ini terdiri daripada pesawah warga emas yang kebanyakannya berusia hujung 50-an hingga 70-an dengan tidak ramai generasi muda berminat dalam aktiviti ini lagi. Kini kita berhadapan dengan isu sumber manusia iaitu golongan muda bagi meneruskan perjuangan membangunkan industri padi negara yang akan lebih sukar. Segala permasalahan berkaitan dengan industri padi ini mestilah ditangani secara holistik dan segera oleh pihak kerajaan. Isu di sini apakah usaha dan perancangan pihak kementerian bagi menarik minat golongan muda untuk terus berkecimpung dalam kerja-kerja penanaman padi agar keselamatan rantai makanan negara terus terjamin dan tidak hanya bergantung kepada pekerja asing semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap agar pihak kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan untuk menaikkan harga jaminan padi dari RM1,200 kepada RM1,400 satu tan serta menaikkan kadar subsidi padi daripada RM360 kepada RM500 bagi satu tan metrik. Dengan kenaikan harga jaminan dan kadar subsidi ini saya yakin ia mampu membantu dan menggalakkan para pesawah terutamanya golongan muda untuk meningkatkan lagi pengeluaran padi mereka. Perkara ini amatlah wajar dan sejajar dengan

kenaikan kos pengeluaran padi yang kita tidak dapat elakkan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad.

3.17ptg.

Tuan Seruandi bin Saad: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Keluarga Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, teringat saya pada satu ungkapan Allahyarham Menteri Pertanian yang lalu, Tan Sri Sanusi Junid, beliau pernah berkata, “*Untuk majukan sesuatu bidang itu, perlu ada konsep manjaroh*” “*Man*” itu “*Manusia*”, “*Ja*” itu “*jasad*”, “*Roh*” itu “*roh*”. Maka sempurna lah insan tersebut.

Dengan konsep ini juga insan tersebut akan melaksanakan bidang tugas yang diamanahkan kepada beliau. Jasad yang cergas, roh yang ditiupkan dengan penuh keimanan. Maka bersesuaian dengan RUU ini, saya amat mengharapkan individu yang dilantik nanti dapat meringankan bidang tugas yang selama ini dipikul oleh Ketua Pengarah... *[Tepuk]*

Laksanakanlah tugas dengan penuh integriti, bantulah industri padi ini semoga petani-petani ini akan mendapat hasil padi yang elok dan wang Ringgit yang lumayan... *[Tepuk]*

Kita selalu mendengar ungkapan-ungkapan padi yang begitu indah.

*Apa diharap padi seberang;
Entah menjadi entahkan tidak.
Apa diharap kasihnya orang;
Entahkah sudi entahkan tidak... [Tepuk]*

Ikutlah resmi padi, makin berisi, makin menunduk. Semua ungkapan di atas berkaitan padi, tetapi adakah hakikatnya begitu? Sedikit isu-isu yang berkaitan dengan padi. Bermula dengan menyediakan tapak di sawah, membajak, menanam, menjaga padi itu, guna *drone* atau manusia, menabur vitamin, racun, berkelahi dengan siput gondang, lambat mendapat bekalan padi benih seperti mana yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Senator Aziz tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Siput gondang itu macam mana rupa dia?

■1520

Tuan Seruandi bin Saad: Ia warna ros macam- sebesar ini sahaja... *[Menunjukkan contoh] [Ketawa]* Betul Yang Berhormat Dato' Wira? Akan tetapi ia amat-amat berbahaya, isu ini tidak berkesudahan seperti mana yang Yang Berhormat Dato' Wira katakan tadi.

Racun yang terbaik kena import daripada China secara haram, sebab Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan racun tersebut mengandungi arsenik yang tinggi, tidak boleh dekat dengan manusia. Akan tetapi, hanya itu racun untuk siput gondang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Itu dia.

Tuan Seruandi bin Saad: Jadi, kita pun hairan, ini melibatkan Kementerian Kesihatan Malaysia diharapkan Yang Berhormat Timbalan Menteri melihatlah akan perkara ini, kasihan kepada pesawah-pesawah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Okey, okey.

Tuan Seruandi bin Saad: Kemasukan buruh asing dengan levi yang tinggi. Semua ini merupakan isu-isu yang tidak habis di dendang.

Duit bantuan bencana. Dahulu kerajaan pernah bercakap bab bantuan bulanan. Nelayan pernah mendapat sebanyak RM200 jika mereka tidak ke laut akibat laut bergelora. Akan tetapi, *alhamdulillah*, tadi kita mendapat maklumat Yang Berhormat Dato' Wira memaklumkan bulan hadapan?

Seorang Ahli: Tahun hadapan.

Tuan Seruandi bin Saad: Tahun hadapan baru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meluluskan sebanyak RM200 sebulan... *[Tepuk]* *Alhamdulillah*-lah, satu perkembangan yang baik, bolehlah kita hebohkan kepada petani-petani di kawasan kita.

Diharap pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI) dan pihak imigresen janganlah menyamakan semua sektor pertanian sama kaedah menggunakan buruh asing, buruh untuk kelapa sawit, buruh untuk tanaman getah, buruh untuk tanaman padi.

Menanam padi hanya menggunakan buruh selama dua bulan hingga tiga bulan sahaja, sedangkan *Pak Tani* terpaksa membayar selama enam bulan bagi tujuan levi tersebut. Selama tiga bulan lagi, tidak digunakan tenaga buruh tersebut. Kos untuk seorang buruh asing yang masuk ke Malaysia bernilai RM1,005 seorang dan untuk 10 orang memakan kos sebanyak RM10 ribu lebih, itu tidak termasuk PERKESO. Jadi, Tuan Yang di-Pertua bayangkanlah jumlah kos-kos yang terpaksa ditanggung oleh para petani ini.

Maka di sini amatlah diharapkan perkara ini boleh dibawa rundingan, kurangkanlah bayaran levi itu untuk membawa buruh asing untuk sektor padi. Janganlah ungkapan ini pula yang timbul, kita hanya mendapat padi hampa'.

Akhir sekali, saya berharap rang undang-undang akan mengubah landskap tanaman padi. Jika kawasan Sekinchan dianggap kawasan terbaik untuk tanaman padi dengan hasil padi yang tinggi dalam konteks Ringgit dan sen, maka 'Sekinchankan' lah seluruh negara... *[Tepuk]* Dari Perlis hingga ke Sabah. Sekian, saya mohon menyokong.... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Kita rakamkan perkataan 'Sekinchankan'.

Saya beralih kepada Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

3.23 ptg.

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan ruang untuk saya terlibat sama dalam perbahasan pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya fikir setelah mendengar perkongsian rakan-rakan tadi, saya akan menumpukan kepada beberapa soalan penting yang terkait rapat dengan rang undang-undang ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya ingat sangat penting apabila dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman sebentar tadi tentang pelantikan ketua pengarah dan timbalan ketua pengarah. Kebimbangan saya begini Tuan Yang di-Pertua, dalam peruntukan ini dinyatakan bahawa 3(b)(ii); "*dengan memasukkan selepas perkataan "Ketua Pengarah" perkataan "dan seorang atau apa-apa bilangan pegawai awam menjadi Timbalan Ketua Pengarah"*".

Jadi, soalan saya, dengan izin, apa *designation* tugas-tugas ini, kalau seorang kita faham, tetapi sebab ada, "*atau apa-apa bilangan pegawai awam jadi Timbalan Ketua Pengarah*" saya bimbang pelantikan yang tidak terkawal ini, yang tidak ada ditetapkan *designation*, dengan izin, apa bidang skop kerja mereka ini akan menjadikan satu bayangan seperti sebuah negara yang ada Kabinet besar tetapi tidak berfungsi. Jadi, kita bimbang bahawa kalau ini berlaku, maknanya tidak akan- ia akan melibatkan juga isu-isu ketidakfungsian dalam pertanggungjawaban tentang pekerjaan ataupun jawatan ini.

Soalan saya seterusnya, adakah ia juga akan melibatkan sebarang implikasi kewangan sekiranya apa-apa bilangan pegawai awam ini, maknanya bukan seorang, tetapi lebih daripada seorang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga merujuk kepada fasal 4, seksyen baharu 28A ini tentang kompaun. Saya mengucapkan terima kasih kerana kompaun ini mendahului dengan beberapa peringatan yang penting iaitu ketua pengarah boleh dengan keizinan bertulis pendakwa raya pada bila-bila masa sebelum pertuduhan dimulakan mengkompaun apa-apa kesalahan.

Concern saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah pertama, adakah jaminan keadilan terhadap kesalahan yang di kompaun ini. Kedua, bagaimana kita hendak pastikan tidak ada kompromi dalam soal kompaun ini, maknanya tidak ada *ngejah*... [*Bercakap dalam loghat Kelantan*] Yang Berhormat Timbalan Menteri tu fahamlah *ngejah*, itu lagu mana, dengan izin Tuan Yang di-Pertua? Jadi, macam mana kita hendak pastikan soal jaminan keadilan itu.

Saya juga Tuan Yang di-Pertua, ingin menyentuh satu lagi perkara penting yang berkaitan dengan kompaun dan isu-isu yang terkait rapat dengan rang undang-undang ini untuk peringatan kita pada masa hadapan.

Banyak masalah sebenarnya bukan daripada isu petani ataupun pesawah sahaja, tetapi juga daripada agensi. Jadi, janganlah kita gunakan rang undang-undang ini untuk menghukum petani, pesawah yang sudah tentu miskin, yang sudah tentu hendak mendapatkan akses keadilan pun sukar, tetapi mesti juga melihat kepada perangai agensi ini. Maknanya dalam konteks agensi-agensi yang tidak melakukan tanggungjawab mereka.

Sebagai contoh, agensi yang lambat hantar ataupun lambat, dengan izin, *deliver* benih, baja dan sebagainya. Kemudian, daripada segi apabila MADA dalam skim penyediaan tanah putar ini, MADA yang sentiasa lewat satu musim Yang Berhormat Dato' Wira Othman.

Jadi, petani ini terpaksa dapatkan pinjaman kredit daripada orang tengah. Jadi, kalaulah jihad kerajaan saya sebut betul-betul ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau betul jihad kerajaan ini serius untuk melihat rang undang-undang ini terlaksana, pastikan bahawa bukan hanya melawan orang tengah, tetapi juga melawan agensi-agensi yang tidak *deliver* ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, maknanya kita harus lihat bahawa pembelaan rang undang-undang ini tertumpu bukan sahaja kepada menyelesaikan isu organisasi ataupun kebertanggungjawaban organisasi, tetapi juga melihat kepada jihad yang sebenar untuk memastikan kebajikan para petani dan pesawah ini.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas ruang yang diberikan, saya mohon untuk menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina.

Dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad.

5.27 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian. *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Tuan Yang di-Pertua, pindaan dibuat pada hari ini menggambarkan ada masalah. Kalau tidak ada masalah, maka tidak ada pindaan. Jadi, kita lihat bahawa kerajaan telah menambah perkataan, "*daripada Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah*". Maknanya, isu di bawah banyak berlaku menyebabkan ketua pengarah tidak ada kemampuan untuk mengendalikan isu-isu yang berlaku di bawah. Jadi, ditambah perkataan "*timbangan ketua pengarah*" supaya membolehkan isu-isu yang berlaku di bawah itu dapat diselesaikan.

Kemudian, selain daripada itu juga, Yang Berhormat Menteri dengan persetujuan, dengan izin, *AG Chambers* maknanya boleh mengenakan kompaun dahulu sebelum dibawa ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian. Kita menyedari dan kita harus mengakui bahawa beras merupakan makanan ruji negara. Walaupun kita cuba sedikit demi sedikit untuk tidak menjadikan makanan tiga kali sehari rakyat, tetapi ia masih menjadi makanan ruji negara dan juga negara-negara ASEAN dan negara-negara Asia.

Jadi, apabila ia menjadi makanan ruji, walau sebagaimana moden sekalipun negara, negara mesti memastikan bahawa beras ini mencukupi dalam apa jua waktu. Dalam apa jua waktu, beras ini mencukupi. Jadi, kita dengar pelbagai jawapan daripada kerajaan, umpamanya beras yang dihasilkan dalam negara mencukupi untuk seluruh rakyat. Rakyat akan tertanya-tanya kenapa pula ditubuhkan BERNAS kalau sudah mencukupi dan hanya BERNAS yang dibenarkan mengimport beras-beras dari luar negara.

■1530

Jadi, kita fikir, kerajaan biar benar kepada rakyat bahawa kita memang ada mengeluarkan padi negara tetapi kita masih memerlukan peratusan tertentu diimport untuk menjamin kelangsungan dan juga kecukupan beras ini dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita akur, banyak sudah langkah-langkah yang telah dibuat oleh kerajaan. Umpamanya, sekitar 60 tahun dahulu ditubuhkan MADA bagi kawasan Utara Kedah dan Perlis, KADA di kawasan Kelantan. Ini kerana pada waktu itu Kedah merupakan pengeluar padi terbesar dalam negara dan Kelantan yang kedua. Jadi, untuk menjamin kecukupan beras ini kepada Semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak, maka dijadikan Kedah dan Kelantan itu sebagai jelapang padi negara.

Selepas itu, kerajaan telah menghantar pegawai-pegawai ke Taiwan, ke Jepun mengkaji bagaimana beras boleh dikeluarkan lima kali dua tahun, misal kata, di Taiwan dan di Jepun. Maka dihantar pegawai-pegawai. Maka, MADA dan KADA dapat mengeluarkan padi daripada satu kali setahun kepada dua kali setahun dan mencuba untuk lima kali dua tahun tetapi masih belum berjaya. Kita hormati segala rancangan.

Kemudian, oleh sebab kerajaan melihat bahawa MADA dan KADA belum mencukupi, maka kerajaan telah membuat berbagai-bagai rancangan, dengan izin, *Integrated Agriculture Development Project (IADP)* rancangan bersepadu di pelbagai tempat. Umpamanya, Rancangan Bersepadu Barat Selangor, Sekinchan, Rancangan Bersepadu Terengganu Utara, Besut dan Seberang Perak.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Rompin.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Dan Rompin. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Wira Othman. Jadi, kita melihat bahawa kerajaan menubuhkan banyak lagi kawasan untuk dijadikan jelapang padi.

Pada hari ini saya ingin pihak kerajaan memberi maklumat- dengan izin, minta maaf sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan jujur, dengan apa yang kita keluarkan sekarang ini sudah mencukupi ataupun perlu- maknanya, apa yang dikeluarkan untuk Sabah, Sarawak dan Semenanjung hanya dikeluarkan oleh peratusan tertentu dan lebihan perlu diimport. Tidak mengapa, kita faham. Kalau kerajaan mengatakan belum mencukupi, maka kita sama-sama berfikir bagaimana kita boleh sampai kepada tahap sendiri dari sudut pengeluaran padi.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi-teknologi telah berubah. Umpamanya, kita tahu kalau dahulu, semua menggunakan teknologi, dengan izin, manual dan *menial*. Maknanya teknologi orang. Akan tetapi, sekarang ini, *alhamdulillah*, umpamanya menabur benih, boleh menggunakan dron sekarang ini. Di mana-mana tempat telah menggunakan dron. Untuk memetik, sekarang telah digunakan jentera-jentera yang sebesar-besar jentera kita pernah tengok untuk menuai padi. *Alhamdulillah*, telah ditubuhkan secara umumnya dalam banyak tempat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk supaya dilihat sebagai kesatuan supaya dapat menjimatkan dalam banyak hal.

Akan tetapi, akhirnya kerajaan mesti mengakui bahawa seluruh dunia, mereka memastikan sendiri makanan ruji negara-negara tersebut ialah dengan subsidi dan bantuan kerajaan. Itu tidak boleh lari di mana-mana tempat dalam dunia. Sama ada di Eropah, di mana, mereka memastikan- umpama di Jerman, mereka hendak memastikan bahawa petani mereka hidup dengan gandum sahaja, mereka membayar beratus juta ke Belarus, Lithuania, Latvia kerana tidak bagi tanam gandum. Kalau tanam, mati petani di Jerman.

Jadi, kerajaan jangan bimbang. Ini petani 300 ribu dilibatkan. Kalau kerajaan tidak berani mengeluarkan subsidi seperti mana yang dikatakan pada bahagian perikanan untuk ikan-ikan tadi, maka saya bimbang petani mulai lari. Oleh sebab itu banyak di Kedah, di Kelantan, di mana-mana tempat, tanah-tanah padi sudah ditukar menjadi tapak-tapak perumahan. Lagi lama kerajaan tidak membantu dengan subsidi, lagi banyak tanah padi yang akan menjadi rumah-rumah, bandar perumahan dan sebagainya.

Wallahu a'alam. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

3.35 ptg.

Dato' Haji Husain bin Awang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua dan pegawai-pegawai kerajaan yang dikasihi dan dirahmati sekalian. Bersyukur, *alhamdulillah*, dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya dan rahmat-Nya dapat saya bersama-sama berdiri pada petang ini untuk membahaskan dan memberi pandangan berkaitan Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk bercakap pada hari ini.

Saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras bagi memudahkan segala pengurusan dan pentadbiran berkaitan dengan penyeliaan padi dan beras pada masa akan datang. Beras merupakan makanan ruji bagi rakyat Malaysia. Pindaan rang undang-undang ini sangat penting bagi menjamin keselamatan dan juga kedaulatan atau keberterusan bekalan makanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya ingin sentuh berkaitan isu benih padi sah. Saya dimaklumkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah melantik 13 orang pemborong benih padi sah, dan 12 buah syarikat pengeluar melalui pengeluaran lesen borong bagi mengelakkan kelewatan bekalan benih padi sah berlaku lagi sehingga menimbulkan kerugian yang besar kepada para petani.

Soalan saya, bagaimanakah daripada segi kawalan dan pemantauan dibuat bagi mengelak isu penyelewengan dan penjualan benih padi sah di pasaran gelap berlaku? Apa justifikasi pihak kementerian dalam mengeluarkan lesen dan permit peruncit kepada ejen, individu atau syarikat yang berdaftar di bawah kerajaan?

Kedua, saya ingin menyentuh berkaitan subsidi padi seperti Skim Insentif Pengeluaran Padi, Insentif Pengeluaran Benih Padi Sah dan lain-lain, kecuali insentif harga padi yang kebanyakannya diberikan kepada syarikat-syarikat terpilih sahaja dan bukan terus kepada pesawah.

Kita sedia maklum bahawa pesawah ini begitu bertungkus-lumus memerah keringat, mengerjakan bendang demi memastikan bekalan makanan ruji seluruh rakyat Malaysia mencukupi. Soalan saya, sejauh mana kajian dan libat urus dibuat tentang peruntukan subsidi input padi diberikan melalui tunai atau baucar kepada para pesawah bagi mengelak penyelewengan berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga saya ingin mengetengahkan ialah isu berkaitan ubah tanah yakni ubah tanah sawah padi yang menyebabkan pengeluaran padi negara semakin berkurangan. Sebagai contoh, Kedah yang merupakan negeri utama pengeluaran padi telah mengalami pengurangan hasil padi sebanyak 20,307 tan setahun iaitu menyamai

RM44.16 juta pengurangan hasil padi yang disebabkan penukaran kawasan sawah padi yang telah diubah syarat kepada perumahan dan pembangunan domestik sejak 11 tahun yang lalu.

Selain itu, permintaan pemaju untuk membangun kawasan perniagaan dan perumahan telah menyebabkan penjualan tanah sawah padi berlaku. Saya rasa semua ini sebenarnya boleh dielak jika status tanah pertanian tidak boleh ditebus guna kepada sebarang bentuk pembinaan.

■1540

Soalan saya, apakah tindakan proaktif kerajaan dalam menyelesaikan isu ini agar ia tidak berlarutan dan berterusan? Di samping itu, saya juga ingin bertanya sejauh mana kerajaan mempertingkatkan kajian kaedah memperbanyakkan hasil tanaman padi supaya perolehan petani semakin meningkat walaupun negara berhadapan dengan isu saiz tanah yang semakin mengecil? Sekian, terima kasih. Akhir kata, saya menyokong RUU ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.* Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

3.40 ptg.

Datuk John Ambrose: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi saya peluang membahaskan Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada 300 ribu orang pesawah padi yang terlibat secara langsung dalam menyumbang kepada keselamatan dan jaminan makanan utama negara kita. Sudah pasti kita tidak boleh menerima hakikat bahawa kumpulan yang begitu komited dan menjamin keselamatan makanan negara, tiba-tiba mereka sendiri tidak selamat dan sering berhadapan ketidaktentuan dalam jaminan sumber pendapatan dan rezeki mereka sendiri.

Kerajaan mestilah mengambil segala langkah yang ke hadapan bagi menjamin industri padi negara terus maju dan menarik minat rakyat untuk terlibat secara proaktif. Jika tidak, generasi muda hari ini sudah pasti tidak lagi bersedia untuk mengambil alih perniagaan generasi lama di dalam menyambung tugas besar ini. Saat itu, kita akan berhadapan pula dengan isu sumber manusia yang akan lebih sukar. Jadi, harapan saya segala isu yang ditimbulkan di Dewan yang mulia ini berkaitan industri padi mestilah ditangani secara holistik dan segera oleh pihak kerajaan.

Antara isu yang boleh saya sentuh yang ditimbulkan oleh para pesawah adalah berkaitan SOP, pembaharuan buku subsidi padi yang melibatkan penukaran pesawah yang dilaksanakan oleh pihak BERNAS. Saya berharap agar dikaji semula agar memudahkan urusan tersebut. Para pesawah akan berhadapan dengan kos yang tinggi akibat kelewatan kelulusan bagi mendapatkan subsidi tersebut. Pihak BERNAS boleh sahaja bekerjasama

dengan pihak MADA atau KADA contohnya, untuk rujukan atau rekod yang telah ada tanpa perlu kepada carian-carian baru yang sudah pun berekod.

Kedua, adakah kerajaan bercadang untuk menyemak semula pemberian baja organik yang telah dihentikan suatu ketika dahulu? Pemberian baja organik ini terbukti mampu meningkatkan hasil pada pesawah padi. Dengan kos tinggi dan kesukaran menghasilkan baja akibat kesukaran mendapat bahan mentah dan pembuatan baja oleh pihak NAFAS, saya mencadangkan pemberian baja organik ini kepada para pesawah dapat dikembalikan semula.

Ketiga, saya berharap kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan kenaikan kadar subsidi daripada RM360 kepada RM500 pada satu tan metrik. Ini akan membantu dan menggalakkan pesawah untuk meningkatkan lagi pengeluaran padi mereka. Ini amat wajar dengan kenaikan kos keluaran padi yang kita tidak dapat elakkan. Antara isu yang dibangkitkan dan amat yang memberikan pesawah dan keluaran padi juga yang kelewatan pemberian baja kepada para pesawah.

Saya ingin bertanya, apakah yang dihadapi oleh pihak kerajaan sehingga isu kelewatan pemberian baja ini tidak dapat diselesaikan dengan segera? Ini sudah pasti menggalakkan usaha mencapai keluaran padi yang disasarkan oleh pihak petani. NAFAS mestilah berusaha lebih segera ke arah pencarian pendapatan alternatif baru untuk mengatasi masalah bahan mentah untuk menghasilkan baja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pelantikan pegawai bagi memangku tugas-tugas Ketua Pengarah, saya mencadangkan pelantikan seorang pegawai sebagai Timbalan Pengarah diperlukan bagi memangku tugas-tugas Ketua Pengarah sekiranya Ketua Pengarah belum dilantik atau berada di luar kawasan.

Kedua, daripada segi mengkompaun kesalahan berkaitan, khususnya daripada segi benih padi. Suatu keperluan ataupun maksimum kursus perlu diwujudkan bagi mengawal pengeluaran dan menggunakan benih padi yang tidak sah. Pada ketika ini, kawalan dan kuat kuasa ke atas pematuhan harga siling benih sawah padi telah ditetapkan di bawah Perintah Tetap Ketua Pengarah Kawalan Padi dan Beras.

Ketiga, kita melihat daripada segi harga benih padi di peringkat pengeluaran atau maksimum RM30 kepada peruncit, termasuk pengangkutan di peringkat runcit ia ditetapkan RM30 hingga maksimum RM35 dijual kepada pesawah. Namun sedemikian, atas kesan di bawah ini, berlaku manipulasi sesetengah pihak yang menyebabkan harga benih padi itu naik kepada RM50.

Satu lagi cadangan saya, perlu dikuatkuasakan dan penambahbaikan penguatkuasaan yang sedia ada, termasuk kakitangan yang mencukupi, mekanisme yang lebih pelbagai. Terdapat rungutan di peringkat bawah berlaku. Saya rasa tiada *time* sudah, Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Siapakah yang menjadi Pengerusinya itu?... [Ketawa] Saya benarkan sedikit, habiskan.

Datuk John Ambrose: Terdapat rungutan di peringkat bawah, berlaku manipulasi harga peringkat pemasaran. Begitu juga daripada segi harga benih padi yang tidak dinikmati sepenuhnya oleh pesawah apabila berlaku penyahguguran subsidi harga benih oleh pengeluaran padi yang mereka ambil kesempatan atas subsidi yang diberikan oleh kerajaan. Saya mencadangkan untuk pengawal-pengawal mengawal kuota pengeluaran benih padi pada saat ini diberikan kepada pengeluar sahaja.

Seterusnya, daripada segi padi subsidi ketika ini, aktiviti pemberian baja subsidi untuk dijual kepada semua. Namun, wujud pemasaran gelap yang menyebabkan kerugian di pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, penjualan semula baja tersebut juga menyebabkan pembeli tertipu ekoran ketidakpastian kualiti dan kandungan baja. Jadi, saya cadangkan pihak kerajaan perlu mewujudkan satu peraturan yang jelas bagi menangani aktiviti pembelian secara pasaran gelap ini.

Daripada segi jentera pertanian yang berlaku di peringkat bawah, menggunakan jentera berat pertanian seperti jentuai menyebabkan berlaku keadaan tinggalkan sisa tanah tuaian di jalan raya, jalan kampung dan sebagainya yang menyebabkan gangguan kepada para pengguna dan berisiko menyebabkan kemalangan.

Jadi, pembekal perkhidmatan terlibat boleh dikenakan kompaun sekiranya tidak menangani isu yang berlaku. Jadi, sangat baik untuk kita laksanakan. Seterusnya yang terakhir, daripada segi kualiti input dan pengasingan benih diberi keutamaan bagi menjamin hasil peningkatan padi oleh para pesawah. Ada cadangan daripada pihak-pihak yang melaksanakan seperti output. Saya lihat adakah wajarnya jika dilaksanakan dengan kebijaksanaan oleh pihak kementerian di mana kita hendak memastikan bahawa para petani menerima subsidi itu secara maksimum, secara langsung.

Kaedah pemberian secara kompaun yang dilaksanakan ketika ini dalam aspek subsidi jentera dan sebaliknya itu sangat berkesan dan ia juga boleh dilaksanakan untuk subsidi racun dan sebaliknya. Beberapa isu yang boleh dibangkitkan dalam tempoh yang pendek ini selain banyak isu yang dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Kita doakan agar pihak kerajaan berjaya menemui solusi terbaik bagi menjamin keselamatan makanan negara dan menjamin sumber rezeki pesawah menjadi pemain utama industri padi. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

■1550

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah terima kasih. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan.

3.50 ptg.

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua menyebut nama ayah saya dengan sempurna, "Renganathan". Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Diingat juga itu... [*Dewan tepuk*]

Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan:

*Berjalan-jalan di pinggir pekan;
Anak muda membawa bendera.
Isu padi jangan dibelitkan;
Jasa padi berharga kepada negara.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya membahaskan pindaan Rang Undang-undang Akta Kawalan Padi dan Beras 1994. Pindaan akta ini adalah bertujuan untuk memberi kuasa melantik Timbalan Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras bagi membantu Ketua Pengarah melaksanakan kewajipan-kewajipan serta fungsinya yang merangkumi dasar dan polisi kerajaan termasuk pelesenan, penguatkuasaan, pendakwaan dan melaksanakan pengkompaunan.

Usaha MAFI ini sesuatu yang harus diterima. Namun, saya mengambil kesempatan ini untuk mengutarakan beberapa perkara yang perlu diperbaiki. Di sini, saya berharap MAFI dapat semak semula konsesi yang telah diberi kepada Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) sebagai sebuah agensi tunggal mengimport dan membekalkan padi kepada pemborong tempatan.

Monopoli pengimportan beras merupakan langkah yang tidak begitu sihat dan menyebabkan hanya syarikat pemodal dapat mengaut keuntungan besar dan bukannya pesawah padi.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya adalah kenapakah kerajaan tidak memberi kebenaran mengimport dan pengagihan padi kepada beberapa buah syarikat kecil atau persatuan-persatuan peladang yang berpotensi supaya peladang pun dapat menikmati faedah daripada inisiatif ini dan seterusnya dapat meningkatkan pengeluaran hasil padi. Kenapa MAFI tidak mewujudkan sistem kuota pengagihan kepada kilang-kilang beras mengikut kapasiti modal mereka ataupun memberikan kuota peratusan kepada persatuan peladang terutamanya Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Menjaga kebajikan satu buah syarikat pemodal bukanlah cara menjamin sekuriti makanan negara. Apabila kita merancang mekanisme yang membolehkan para petani menerima pulangan yang baik, sekurang-kurangnya mereka akan lebih berusaha bagi memastikan sekuriti makanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu sekuriti makanan negara amat merisaukan rakyat. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020, jumlah import makanan Malaysia ialah

RM55.5 bilion berbanding eksport makanan iaitu RM33.8 bilion. Ini menyebabkan defisit perdagangan makanan yang besar iaitu RM21.7 bilion ataupun 60 peratus daripada eksport makanan.

Apabila melihat secara khusus, kadar sara diri beras ataupun SSL Malaysia, ia berada dalam kadar 60 hingga 70 peratus sahaja dan bukannya 100 peratus. Bagi tahun 2020, Malaysia mengimport beras bernilai USD 620 juta dan merupakan pengimport kesembilan paling besar di dunia dalam kategori 10 buah negara iaitu Arab Saudi, China, Iraq, Perancis dan Amerika Syarikat. Ia merupakan satu petunjuk yang kurang memuaskan bagi sebuah negara yang meliputi kawasan tanah subur yang tinggi.

Dalam keadaan ini, apakah usaha-usaha atau insentif sedia ada untuk meningkatkan penglibatan petani muda? Apa rancangan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber bahan makanan, import terutamanya beras.

Akhir kata, Malaysia kini berada di ambang bahaya keselamatan bekalan makanan. Jika kita tidak berusaha untuk mengurangkan atau menghentikan import, meningkatkan penglibatan petani generasi baharu dan menggalakkan pengeluaran walaupun saiz tanah kecil dengan menggunakan kaedah moden.

*Di sana padi di sini padi;
Itulah nama sawah dan bendang.
Di sana budi, di sini budi;
Barulah seumpama bernama orang.*

Jadi saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri buatlah sesuatu yang murni. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Dato' Dr. Nelson.

Saya berpindah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Bobbey Ahfang Bin Suan. Selepas itu ada seorang lagi. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bersedia.

3.56 ptg.

Datuk Bobbey Ahfang Bin Suan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk turut berbahas dalam Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022 ini. Rang undang-undang ini perlu disokong dan diluluskan kerana keperluan supaya pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam memantapkan perjalanan sistem kawalan padi dan beras negara memandangkan beras merupakan makanan ruji kita bersama.

Oleh sebab itu, saya mengharapkan manfaat yang lebih besar dan lebih efektif bagi kelulusan Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022 ini untuk menambah baik peruntukan yang sedia ada terutamanya berhubung pelantikan Timbalan Ketua Pengarah

Kawalselia Padi dan Beras demi memastikan kelangsungan stok beras negara sentiasa mencukupi agar negara sentiasa bersedia dalam menghadapi kekurangan bekalannya di pasaran dunia mahupun ketika kenaikan harga beras. Pengeluaran beras dan penanaman padi harus berterusan bagi mengekalkannya daripada terputus atau sukar untuk didapati seperti minyak masak paket bersubsidi ketika negara menghadapi kenaikan harga barangan.

Dengan kelulusan rang undang-undang ini, kita dapat menyelesaikan kes-kes ataupun kesalahan yang tertunggak selama ini seperti yang telah dinyatakan oleh pihak kementerian. Dengan niat mencanangkan keluhan warga petani dan peladang berasaskan padi di negara kita khususnya Wilayah Sabah, saya juga amat mengharapkan dengan kelulusan Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022 ini juga pihak kerajaan dapat memberi penekanan kepada beberapa isu penting.

Pertama iaitu menghentikan pengimportan beras melalui penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun dengan memperkemaskan infrastruktur dan subsidi dalam industri penanaman padi negara.

Kedua, pengendalian harga padi pada harga RM1,300 bagi satu tan metrik dan seterusnya mempertimbangkan kenaikan harga padi. Akan tetapi ada rakan-rakan yang mengatakan tadi RM1,400 dan RM1,500. Itu terserahlah. Saya ingat yang logik ini terserah kepada pihak MAFI.

Ketiga, kenaikan subsidi padi, dan keempat, memberi peluang lebih efektif kepada pengusaha beras kampung khususnya di Sabah seperti beras pulut hitam, beras padi Taiwan, beras bario hitam, beras bario merah, beras bario putih dan banyak lagi untuk memasarkan produk-produk mereka di pasar raya dan *hypermarket* di seluruh Malaysia.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja isu-isu yang saya dapat ketengahkan pada kali ini walaupun sebenarnya banyak lagi yang perlu kita huraikan tetapi setakat itu sahaja dahulu dan Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022 ini harus disokong demi mencapai keamanan sekuriti makanan negara. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*, akhir Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

4.00 ptg.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sokong pemindaan Akta Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022. Untuk satu, melalui seksyen 3(a) pelantikan ketua pengarah dan timbalan ketua pengarah. Kedua, seksyen 28A untuk memberi kuasa mengkompaun apa-apa kesalahan yang ditetapkan pada sesuatu kesalahan. Pelantikan itu memang memperoleh dan melicinkan usaha menjamin rantaian pengeluaran padi tidak

terjejas dan membendung penyelewengan pembekalan benih, mengelakkan kartel dan sebagainya.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk memberi pandangan tahap padi dan beras Sarawak. Sarawak dapat memenuhi hanya 38 peratus daripada keperluan beras Sarawak. Terpaksa Sarawak import 145,468 tan metrik beras pada tahun 2021 bernilai RM387 juta. Jumlah hektar sawah padi juga telah menurun daripada 130 ribu hektar pada tahun 2012 kepada 83,000 hektar pada tahun 2021. Ini merupakan penurunan agak ketara hampir 40 peratus. Hasil menurun daripada 142 ribu tan metrik tahun 2012 kepada 89,200 metrik tan pada tahun 2021.

Sejumlah 14 skim saliran dan pengairan yang ada melibatkan 2,829 hektar yang memerlukan air ditingkatkan persiapan daripada segi infrastruktur. Soalan saya, adakah kementerian bercadang untuk implementasi Smart SBB? Bagaimanakah saluran bantuan melalui kerjasama MAFI dengan pihak Kerajaan Negeri Sarawak? Usaha untuk mencapai tahap sara diri beras (SSL) 60 peratus menjelang tahun 2030 untuk Sarawak perlu diambil serius memandangkan kawasan tanah untuk padi telah menurun kerana diambil alih oleh penanam kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Yang Berhormat Menteri, pengarah dan timbalan pengarah nanti memberi perhatian dan mempertimbangkan untuk memajukan lagi usaha penanaman beras Bario di Tanah Tinggi Bario, Bakalalan ataupun Bario Highlands dan Skim Merit Kapit, Sarawak dan juga memperhatikan kesesuaiannya penanaman padi di Skim Tunoh Baleh, Kapit. Kita dimaklumkan sekarang ada 4,000 orang pesawah ada terlibat dalam Program Smart SBB seluruh negara. Berapakah pesawah dari Sarawak yang sudah menyertai? Dengan ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai atas perbincangan tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat, maka tamatlah perbincangan kita.

Jadi, saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

4.05 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu padi dan beras dalam negara

kita yang meletakkan Yang Berhormat sebagai seorang yang sangat bertanggungjawab dengan para petani dan juga keperluan makanan asasi di dalam negara kita.

Di sini juga saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz yang mempunyai pengalaman mengemudi MADA sebelum daripada ini sebagai Pengerusi di mana pandangan yang diberikan sangat membina. Cuma saya ingin menyebut beberapa maklumat berkenaan dengan pelantikan kawal selia padi yang diurus oleh IBPS di mana satu perintah tetap Ketua Pengarah berkenaan kawalan kerajaan ke atas pengeluaran dan pemasaran benih padi meliputi perkara surat kebenaran khas kepada setiap rangkaian pengedaran dan juga kawalan harga jualan maksimum benih pagi bagi program Insentif Benih Padi Sah (IBPS).

Kerajaan melalui MAFI melantik 13 orang pengeluar benih padi untuk dipasarkan kepada ejen peruncit benih di seluruh negara. Sehingga Julai 2022, terdapat 1,192 - ejen peruncit benih padi yang diberi kelulusan khas untuk menjual benih padi sah. Beberapa siri operasi penguatkuasaan khas melalui kawal selia padi dan beras juga telah dijalankan oleh pihak kementerian bagi memastikan bekalan dan harga yang dijual di pasaran tidak melebihi harga maksimum yang dibenarkan. Kementerian juga telah melaksanakan penambahan kepada sosial obligasi pihak BERNAS iaitu antara lain merupakan pihak BERNAS perlu memperuntukkan sejumlah stok penimbal benih padi.

Pada masa ini, pelantikan Ketua Pengarah adalah kepada waran perjawatan sedia ada iaitu Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi. Walau bagaimanapun, Menteri mempunyai hak untuk melantik mana-mana penjawat awam berdasarkan skim perjawatan semasa.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh, beliau tidak ada dan saya tidak memberi jawapan. Ketiga, Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan... *[Disampuk]* ada. Terima kasih. Di mana persoalan yang dibangkitkan berkenaan dengan hasil pengeluaran padi. Bagi tujuan meningkatkan hasil pengeluaran padi, kementerian sedang melaksanakan beberapa pembaharuan utama antaranya seperti berikut.

Pertama, pelaksanaan pengurusan nutrien lokasi spesifik atau *site specific nutrient management* (SSNM) yang lebih dikenali sebagai *soil profiling*. Program ini adalah untuk penggunaan baja dan kapur berdasarkan keperluan tanah yang berbeza mengikut kawasan.

■1610

Kedua, pendekatan konsep pengurusan tanah sawah iaitu Sawah Berskala Besar (SBB) menerusi penglibatan entiti swasta dalam rangkaian penanaman padi dan pengeluaran beras di mana SMART SBB ini ternyata meningkatkan hasil pengeluaran beras di dalam negara kita melonjak sampai 100 peratus dan ada sampai 150 peratus.

Ketiga, peluasan kawasan jelapang padi dan pengoptimuman kawasan jelapang sedia ada dengan menambahkan kawasan-kawasan yang terbiar sebelum daripada ini.

Pembahas yang keempat ialah Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membalas pantun Yang Berhormat Senator Tuan Seruandi bin Saad.

*Di sana padi, di sini padi;
Itulah nama sawah dan bendang.
Di sana budi, di sini budi;
Barulah sempurna bernama orang.*

Bagi isu penggunaan tenaga buruh asing dalam sektor padi, MAFI akan berbincang dengan pihak Kementerian Dalam Negeri bagi tujuan mengurangkan levi buruh asing memandangkan penggunaan hanya bersifat sementara terutamanya di kawasan tanah air di dalam negara kita. *Insya-Allah*, kita panjangkan pandangan yang sangat membina ini.

Pembahas yang kelima ialah Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penambahan kepada pelantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah adalah kepada waran perjawatan Setiausaha Bahagian dan Timbalan Setiausaha Bahagian sedia ada. Isu ini turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad. Ia bukan melibatkan pewujudan jawatan baharu. Oleh itu, ia tidak melibatkan pertambahan kepada perjawatan, perbelanjaan emolument kepada kerajaan.

Penambahan kepada bilangan Timbalan Ketua Pengarah adalah tertakluk kepada keadaan atau keperluan semasa. Pada masa ini, terdapat keperluan mendesak supaya Ketua Pengarah dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah bagi menjamin jaringan keselamatan makanan dan program-program berimpak tinggi yang dirancang dan sedang diusahakan seperti program benih padi sah, Program SMART SBB dan seumpamanya, dapat dijalankan dengan baik dan lancar sekiranya perlu. Bilangan Timbalan Ketua Pengarah boleh ditambah mengikut keperluan aktiviti dan program yang dipertanggungjawab kepada Ketua Pengarah. Setakat ini, kerajaan belum lagi berhasrat untuk melantik Timbalan Ketua Pengarah ini dalam angka yang besar.

Tujuan dibuat begitu kerana kita tahu padi beras ini merupakan makanan asasi negara sekiranya pada masa hadapan ada keperluan-keperluan tertentu kerana MAFI ada perancangan tersendiri, SMART SBB sebagai contoh. Kalau dikembangkan di seluruh negara, tentunya ia perlu kepada seorang penyelia dan yang paling berautoriti penyelia ini iaitu timbalan kepada pengarah. Namun, sekarang belum ada lagi.

Ada dijelaskan melalui seksyen 28A bahawa Ketua Pengarah diberi kuasa untuk membuat tawaran bertulis untuk mengkompaun satu kesalahan yang boleh di kompaun. Akan

tetapi keizinan bertulis perlu diperoleh daripada pendakwa raya sebelum sesuatu kesalahan itu boleh di kompaun. Oleh itu, tiada kelompangan atau ruang salah guna kuasa dalam kaedah pengkompaunan ini.

Memandangkan pelantikan Timbalan Ketua Pengarah adalah tertakluk kepada mendapat persetujuan Menteri, pemakaian kepada Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 di sepanjang tempoh perkhidmatannya dan lafaz taat setianya kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan juga kerajaan. Justeru itu, prosedur pelantikan sedia ada dan mekanisme yang dipakai adalah memadai dan mencukupi bagi memastikan pegawai awam yang dilantik adalah telus dan berintegriti.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang yang bertanya apakah tindakan penguatkuasaan yang diambil pihak Kawalselia Padi dan Beras dalam membendung harga benih padi yang dijual melebihi harga kawalan dan apakah tindakan yang diambil kepada kilang-kilang yang mengeluarkan benih padi tidak sah iaitu kempit putih. Pihak KPB telah menjalankan penguatkuasaan ke atas penjualan kempit benih tidak sah di pasaran melalui beberapa siri operasi yang telah dilaksanakan terutamanya di Negeri Kedah.

Pemeriksaan yang dijalankan adalah berdasarkan sasaran aduan dan *spot check* pada kedai-kedai input pertanian yang dilaporkan menjual benih padi sebelum Perintah Ketua Pengarah Bilangan 7/2020 pada 27 November 2020 dikeluarkan. Sebanyak 67 buah premis kedai input pertanian, kedai racun telah diperiksa dan menghasilkan lapan kes di Kedah bersabit kesalahan menjual benih padi tidak sah.

Setakat ini, pihak KPB mendapati pengeluaran kempit-kempit putih adalah dikendalikan sendiri oleh petani yang menyimpan padi sendiri dan mengampitkan semula untuk ditanam semula. Lebih daripada itu, ia dijual semula di kalangan petani juga yang melihat hasil tanaman sebelum itu mendorong mereka untuk menanam semula padi yang sama terutamanya daripada varieti MR297.

Pemeriksaan di peringkat PPK pula adalah bertujuan untuk memastikan pengedaran benih padi sah sampai kepada petani mengikut musim tanaman yang telah dijadualkan di samping mendapatkan input berkaitan penggunaan kempit-kempit putih sekiranya ada di kalangan petani yang berurusan dengan PPK.

Sekejap, sekejap. Minta maaf. Maaf. Pembahas yang kesembilan ialah Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose. Yang Berhormat Senator membangkitkan isu kerajaan harus mengambil inisiatif proaktif untuk menarik minat generasi muda untuk terlibat dalam industri padi dan beras.

Kedua, pembaharuan buku subsidi padi yang dilaksanakan oleh BERNAS.

Ketiga, semak semula pemberian baja organik yang terbukti mampu meningkatkan hasil pengeluaran.

Keempat, kerajaan naikan subsidi daripada RM360 kepada RM500. Berkenaan dengan cadangan-cadangan yang dibuat di mana kerajaan dalam memberikan galakan kepada generasi muda ini terutamanya kerajaan menyediakan beberapa teknologi yang kita rasakan memberikan galakan kepada generasi muda.

Antara lain kita memperkenalkan teknologi-teknologi moden ini dan ternyata dalam negara kita ini, penglibatan golongan muda untuk menanam padi ini sangat menggalakkan.

■1620

Bahkan, kita lihat yang berlaku ada golongan muda ini yang tanam padi lebih daripada 50 ekar untuk seorang. Ada. Bukan semua tapi mereka masuk menanam padi ini dalam angka yang sangat menariklah.

Pembahas yang ke-10. Koneksi yang telah diberikan kepada BERNAS untuk mengimport dan menguruskan pengagihan beras dalam negara. Kenapakah kerajaan tidak memberi kebenaran mengimport dan mengagih padi kepada Persatuan Peladang yang berpotensi memberi faedah kepada negara? Kuota peratusan kepada Persatuan Peladang NAFAS juga tidak diberikan.

Yang Berhormat Senator, berkenaan dengan BERNAS ini, sememangnya tidak dinafikan ada yang positif, ada yang negatif. Saya tidak nafikan. Ia bukan satu entiti yang benar-benar memberi jaminan yang semuanya baik. Memang tidak ada setakat ini, tidak berlaku dan mana-mana pun tidak berlaku. Cuma apa yang dikendalikan oleh BERNAS ini, setelah dibincangkan panjang lebar di dalam Kabinet, maka pihak Kabinet bersetuju untuk meneruskan perkhidmatan BERNAS untuk membeli dan mengagihkan hasil padi dan beras ini di dalam negara kita sebagaimana di beberapa buah negara yang lain seperti di Filipina, di Indonesia dan banyak lagi negara-negara yang lain yang diuruskan oleh BERNAS.

Terakhir iaitulah Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai berkenaan dengan isu di negeri Sarawak yang terpaksa mengimport beras dan penghasilan padi juga turut menurun. Untuk makluman, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apani sekejap tadi, kita tidak pernah mengeluarkan kenyataan bahawa padi di dalam negara kita ini cukup. Pengeluaran padi dalam negara kita hanya 70 peratus dan kita import dari luar negara ini 30 peratus dan pengimportan ini diurus dan diselia oleh BERNAS di dalam negara.

Kalau saya hendak sebut mengapa rasionalnya kita gunakan BERNAS pada hari ini, tidak guna yang kedua dan yang ketiga- banyak, tetapi kita boleh bincanglah di dalam majlis yang lain kerana banyak perkara dan sejujurnya saya sebut, saya telah *study* dengan baik, saya kira, dan saya bersetuju sebagaimana yang diputuskan oleh Kabinet untuk meneruskan BERNAS ini beroperasi di dalam negara kita.

Berkenaan dengan negeri Sarawak terpaksa import beras, bukan sahaja Sarawak tetapi di Semenanjung, Sabah dan Sarawak memang kita perlu mengimport beras daripada negara lain. Puncanya banyak tetapi kita mengharapkan di masa bermula dari sekarang dan akan datang ini, fokus untuk kita mengeluarkan beras secara lebih baik sama-sama kita pikul, sama-sama kita ambil tanggungjawab.

SMART SBB, sebagai contoh, mesti kita perjuangkan betul-betul supaya ia dapat beroperasi lebih luas di dalam negara kita dan kita menyeru kepada agensi-agensi korporat, syarikat-syarikat korporat mencebur diri dalam bidang ini.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas pada Pejabat Zakat Negeri Kedah Darul Aman, mungkin mereka berbincang dengan Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman kah, saya tidak tahu tetapi tindakan yang dibuat oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah ini adalah sangat *special*. Tindakan yang berani dan memberi keuntungan kepada rakyat dan dia membantu golongan B40 dan golongan asnaf di negeri Kedah Darul Aman dan mudah-mudahan saya harapkan...

Dato' Wira Othman bin Aziz: Saya mencelah sedikit sahaja, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau diizinkan. Sekadar Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh dikongsikan pencapaian setakat ini SBB ini. Agak-agaklah daripada segi peratuskah, kalau ada data. Kalau tidak adapun, Yang Berhormat boleh kata puas hatikah macam itulah. Sebab, SBB ini ia besar dan kita sedar ia memang susah hendak ubah pemikiran rakyat.

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh: Ya

Dato' Wira Othman bin Aziz: Akan tetapi, kita tahu ia ada potensi. Cuma, mungkin ada kekangan-kekangan apa semua yang sehingga kinilah mungkin dalam tempoh setahun yang lalu, agak-agak pencapaian ini macam mana? Mungkin boleh dikongsi di Dewan. Terima kasih.

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh: Ya. Terima kasih. Angka yang tepat itu saya tidak boleh hendak ini, tapi sebagai contohlah kalau di Pendang, Kedah di mana purata sebelum daripada SMART SBB ini masuk ialah 3.1 tan per hektar tetapi apabila SMART SBB ini masuk bersama dengan PETRONAS di sebuah kawasan di Pendang, *alhamdulillah*, ia meningkat kepada 7.9 tan. Maksudnya lebih daripada seratus peratus.

Akan tetapi, cabarannya pun banyak sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat, kadang-kadang kefahaman daripada para petani, dia masih menganggapkan kalau serah tanah dia, nanti kerajaan akan gadai pada bank dan yang tanggungnya ialah dia.

Semua ini adalah tanggapan-tanggapan yang sangat tidak betul. Kerajaan hanya menggunakan syarikat-syarikat swasta buat padi sahaja. Perbelanjaan daripada syarikat, hasil padi seratus peratus dapat kepada pesawah. Sekali lagi saya ulang, hasil padi 100 peratus dapat kepada pesawah. Jadi, kalau pesawah dia bekerja di tanah dia, lagi dia dapat sedikit

imbuhan daripada syarikat swasta. Dia dapat dan hasil padi 100 peratus dia dapat dan kalau dia tidak mahu bekerja, dia boleh cari kerja lain dan hasil padi 100 peratus dia dapat. Dia boleh menukar rumah dan seumpamanya.

Cuma di Sarawak, SMART SBB ini memang kita ada rancangan untuk turun ke Sarawak dan saya yakin Yang Berhormat Senator dapat berperanan selepas daripada ini kerana, dengan maaf saya sebut, kadang-kadang Sabah dan Sarawak ini apabila kita sebut program-program yang seumpama ini, dia ada tanggapan-tanggapan yang agak menyedihkan kitalah. Macam LPP hendak masuk, dia bimbang takut tergadai tanah. Bendanya *simple* sahaja. Tanah ini milik kerajaan negeri dan agensi Kerajaan Persekutuan hendak pergi untuk memberi bantuan.

Baru ini, saya sedikit berpengalaman pergi. *Alhamdulillah*, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada *Chief Minister Sabah* kerana sangat terbuka. Apabila saya sebut, dia kata dia tidak ada maklumat ini dan dia berjanji dia akan mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dibenarkan masuk ke Sabah dan LPP sudah ada di Sabah.

Akan tetapi di Sarawak, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia ada dan LPP belum ada dan kita meneruskan rundingan dan saya yakinlah, *insya-Allah*, akan membuah hasil ini. Ini kerana LPP ini dia ada juga menanam padi dan seumpamanya.

Jadi, benda-benda yang seumpama ini, kita sama-sama memberi penjelasan kepada rakyat dalam negara supaya rakyat dalam negara kita ini mempunyai maklumat yang betul dan benar berkenaan dengan penglibatan kerajaan dalam bidang-bidang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mewakili Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil perbahasan dalam Rang Undang-undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022. Saya berharap rang undang-undang ini akan mendapat sokongan penuh daripada semua Ahli Yang Berhormat Senator memandangkan pindaan ini merupakan elemen substantif kepada *governance* subsektor padi beras yang lebih baik pada masa hadapan.

■1630

Ini adalah selaras dengan tema MAHA 2022 iaitu Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan. Disebabkan kekangan masa, mana-mana pertanyaan yang tidak sempat saya jawab di sini akan saya berikan secara bertulis. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II atas jawapan yang telah diberikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I (Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) 2022

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

14.31 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

Timbalan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2022 yang dicadangkan ialah bagi meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [*Akta 141*] FAMA, telah diperbadankan pada 1965 sebagai agensi kerajaan bagi menyelia, menyelaras, mengawal dan mempertingkatkan pemasaran keluaran pertanian di Malaysia, termasuk mengimport dan mengeksport keluaran pertanian, memberi kemudahan kredit untuk pemasaran serta melaksanakan apa-apa aktiviti berkaitan pemasaran.

Pindaan ini dengan bertujuan untuk menambah tafsiran bagi keluaran pertanian dengan memasukkan komoditi ternakan tertentu iaitu lembu dan sejenis dengannya, kambing, bebiri, rusa, arnab dan ternakan unggas seperti ayam, puyuh dan itik ke dalam undang-undang FAMA. Sebenarnya, pada awal penubuhan FAMA, peranan FAMA dalam pemasaran keluaran pertanian juga merangkumi haiwan-haiwan ternakan sama ada hidup atau pun disembelih dan hasilnya. Walau bagaimanapun, kuasa ini telah diberikan kepada Maju Ternak yang ditubuhkan melalui Akta Lembaga Kemajuan Persekutuan Haiwan Negara iaitu Maju Ternak pada 1973.

Namun, apabila Maju Ternak dibubarkan melalui Akta Lembaga Kemajuan Ternak Negara (Pembubaran) 1983 [Akta 292] pada 1983, tiada agensi yang bertanggungjawab dalam pemasaran ternakan. Justeru, tanggungjawab ini seharusnya dikembalikan semula kepada FAMA.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara pada masa ini dalam situasi pasca-pandemik. Pembukaan pelbagai sektor ekonomi telah memberi kesan kepada kestabilan bekalan makanan utama yang menjejaskan sekuriti makanan negara. Isu ketidakcukupan bekalan daging ayam berlaku disebabkan masalah kenaikan kos input yang mendadak.

Sehingga kini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah, termasuk pemberian subsidi input, kawalan harga runcit, mengenakan sekatan eksport dan melaksanakan pengimportan bekalan ayam. Sekarang, isu bekalan semakin pulih dan harga kepada pengguna semakin baik.

Justeru, terdapat keperluan untuk memastikan pengedaran dan pemasaran diperkukuhkan melalui pindaan akta ini. Kadar sara diri bagi ternakan lembu dan kambing masing-masing ialah 22.2 peratus dan 9.6 peratus pada tahun 2020. Keadaan ini menyebabkan kebergantungan yang tinggi terhadap daging import yang juga boleh mengundang isu berkaitan sekuriti makanan. Pada masa yang sama, 98 peratus penternak kecil dan semi komersial mendominasi sektor ternakan ruminan. Oleh yang demikian, wajar pendekatan berkaitan pemasaran diberi penekanan untuk mewujudkan ekosistem perniagaan ruminan yang lebih berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta 141 bermatlamat untuk memberi kuasa kepada FAMA menstabilkan rantai makanan bagi komoditi ternakan yang memberikan kesan langsung kepada keupayaan modal dan pasaran, terutama bagi pengeluar kecil dan semi komersial. Peranan FAMA mengatur pasaran dengan membangunkan kerjasama strategik bersama industri, termasuk pembelian terus kepada penternak apabila krisis pemasaran berlaku.

Secara mudahnya, FAMA merupakan pelengkap dalam pasaran untuk melaksanakan fungsi pemasaran yang tidak berorientasikan keuntungan. FAMA berperanan sebagai alternatif pemasar, terutama kepada pengeluar kecil dan semi komersial memasarkan produk mereka yang mana secara tidak langsung dapat mengurangkan atau menghindari manipulasi orang tengah.

Secara purata, nilai jualan sebanyak RM3 bilion setahun dijana melalui pelbagai perkhidmatan FAMA sama ada secara langsung mahupun tidak langsung yang menyumbang kepada 5.9 peratus daripada nilai pasaran agromakanan negara. Sehingga 31 Julai 2022, FAMA telah membangunkan 2,241 bilangan *outlet* pemasaran termasuk 270 buah lokasi pasar tani, 32 buah pasar tani kekal, dua buah RTC di Kota Bharu dan juga di Gopeng, Perak serta satu buah Medan Niaga Satok (MNS) di Sarawak. Ini juga termasuk 795 buah *outlet* runcit AgroBazaar dan 198 buah gerai buah-buahan segar di seluruh negara yang dibangunkan melalui kerjasama strategik usahawan peruncitan.

Penerokaan dan juga pembangunan akses pasaran eksport juga merupakan perkhidmatan pemasaran yang dilaksanakan oleh FAMA. Bagi tahun 2022, FAMA telah terlibat dalam pembangunan pasaran eksport di Dubai melalui program *expo Gulfood* dan juga *Sustainable Agriculture Week* di EXPO 2020 Dubai. Potensi jualan yang diperoleh antara keseluruhan adalah sebanyak RM30 juta, manakala nilai MoU yang telah ditandatangani adalah sebanyak RM135 juta.

Produk-produk yang dieksport adalah antaranya adalah dalam bentuk segar, sejuk beku mahupun produk hiliran. Antara buah-buahan tropika yang berjaya menduduki pasaran Dubai dan juga Timur Tengah iaitu nangka, tembikai, nanas, betik dan juga pisang. Selain itu, pasaran eksport sedia ada seperti ke China, Australia dan Singapura akan terus diperkasakan.

Tuan Yang di-Pertua, secara kesimpulannya, pindaan akta ini akan memberi perluasan kuasa pemasaran kepada FAMA sekali gus untuk memastikan kecekapan sistem rantai bekalan komuniti ternakan. Selain daripada itu, ini juga dapat memperkukuhkan jaminan kepada sekuriti makanan negara seterusnya dapat meningkatkan lagi sumbangan agromakanan kepada KDNK negara melalui pemerksaan penternak kecil dan semi komersial.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menghuraikan fasal-fasal seksyen 1A dalam Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2022 seperti berikut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai kuasa Yang Berhormat Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan untuk kuat kuasanya akta yang dicadangkan ini.

Perkara kedua, fasal 2. Akta yang dicadangkan bertujuan untuk meminda seksyen 1A Akta 141 untuk meluaskan ruang lingkup takrif '*agricultural produce*' untuk merangkumi haiwan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga yang baharu kepada Akta 141 dan karkas serta hasil haiwan sedemikian.

Perkara ketiga, fasal 3, bertujuan untuk meminda akta yang dicadangkan bertujuan untuk memasukkan Jadual Ketiga yang baharu dalam Akta 141 untuk mengadakan peruntukan bagi senarai haiwan yang termasuk dalam takrif '*agricultural produce*' di bawah Akta 141.

Perkara empat, fasal-fasal lain tidak dinyatakan secara khusus adalah pindaan bersifat kecil dan atau berbangkit.

Untuk makluman tambahan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator, naskah sah Akta 141 adalah dalam teks bahasa Inggeris dan tiada terjemahan dalam bahasa kebangsaan. Oleh itu, semua pindaan RUU ini dibuat dalam bahasa Inggeris termasuk pindaan teks bahasa kebangsaan.

Seterusnya pindaan RUU ini disemak oleh Jabatan Peguam Negara dengan teliti dan berdasarkan kepada format penggubalan undang-undang yang terkini. Semua perkataan, ayat dan format yang digunakan telah disemak dan diluluskan sebelum rang undang-undang ini dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang hendak berbahas. Saya membenarkan tempoh masa selama tujuh minit seorang untuk berbahas.

Dijemput Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

4.47 ptg.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Menteri, saya bangun untuk menyokong

pindaan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 ini. Cuma, secara ringkas saya ingin mendapat beberapa maklumat daripada FAMA.

Seingat saya tahun 2017 hingga 2018, FAMA telah pun menganjurkan dan menaja, membantu rakyat di kawasan luar bandar terutama berkaitan dengan AgroBazaar FAMA. Cuma hendak tahu sekarang, projek itu berapakah bilangan penerimanya?

Kedua, bajet ketika itu sekitar antara RM60 ribu ke RM80 ribu seunit. Jadi, berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan?

Ketiga, pencapaian. Pencapaian ini daripada segi- tidak tahulah kalau boleh *quantify*, dengan izin, setelah dibantu AgroBazaar Rakyat ini, berapa peningkatan jualan dan sebagainya. Kita ingat bahawa masa itu AgroBazaar ini juga kita kendalikan bersama dengan pelbagai agensi Kementerian Pertanian termasuk MADA di Kedah. Adakah kerajaan berhasrat untuk menyambung program seperti ini?

Seterusnya, dengan tambahan seperti mana dalam akta pada petang ini yang akan kita pinda ini, untuk memasukkan hal-hal berkaitan dengan daging. Adakah kementerian berhasrat- FAMA berhasrat untuk pergi balik kepada mereka itu yang di mana bantuan sebelum ini, dibantu pula mungkin dengan program bantuan peti sejuk beku untuk memudahkan mereka menjual daging-daging ini di kampung-kampung? Saya menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing.

4.49 ptg.

Dato Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang membahaskan akta ini iaitu Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2022. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [*Akta 141*] atau dikatakan *Federal Agriculture Marketing Authority* (FAMA).

Penubuhan Akta FAMA 1965, aktiviti yang pertama ialah pemasaran. Tafsiran pemasaran termasuklah penjualan, pembelian, pengumpulan, penyimpanan, pengangkutan, pemprosesan, penggredan, pembungkusan, pelabelan, pengawetan, pengeksportan, pengimportan, pengiklanan dan kegiatan mempromosi aktiviti gig ini.

■1650

Saya dengan pindaan ini ingin bertanya, mengapa hanya enam kumpulan haiwan dimasukkan dalam pindaan ini seperti dikatakan Yang Berhormat Menteri tadi iaitu lembu, pelbagai lembu, ayam kampung atau domestik, biri-biri, kambing, rusa dan arnab- mengapa kumpulan haiwan lain tidak dimasukkan dalam senarai ini? Saya mencadangkan mungkin

kumpulan haiwan lain pun boleh dimasukkan dalam lain pindaan ini, mengambil kira kita di Malaysia ini dari pelbagai kaum dan pelbagai agama. Jika senarai ini boleh ditambah, mungkin ini akan memperkasakan apa yang selalu dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebagai Keluarga Malaysia. Itu satu.

Kedua, kita sudah difahamkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan ofis FAMA. Adakah tiap-tiap negeri ada cawangan FAMA? Saya mempersoalkan ini sebab tugas FAMA ini besar untuk lebih-lebih lagi pekebun-pekebun kecil. Maklum balas yang saya terima berkenaan dengan prestasi FAMA ini, lebih-lebih lagi kawasan di Sarawak, tidak memuaskan sebab aktiviti yang mereka buat sekarang tertumpu kepada mengadakan menjual-beli- *sale* untuk pekebun kecil.

Saya ingin bertanya berkenaan dengan pemasaran hasilan pekebun-pekebun kecil ini, adakah had untuk pasaran dalam negeri atau FAMA boleh membantu pekebun-pekebun yang besar lagi untuk memasarkan di pasaran antarabangsa?

Ini saya ingat penting sebab bukan sahaja pekebun-pekebun kecil yang memerlukan perkhidmatan FAMA tetapi juga ada pekebun-pekebun yang besar- yang saya maksudkan di sini ialah lebih-lebih lagi pekebun-pekebun yang ada menternak lembu. Saya difahamkan di Miri, mereka ini mahu mengeksport lembu ini ke negara luar seperti Brunei, Singapura dan lain-lain. Saya mohon jika FAMA boleh memberi pertolongan kepada penternak-penternak ini.

Dengan itu, saya menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Nuing Jeluing atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

4.55 ptg.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pindaan RUU ini adalah bertujuan untuk menambah baik peruntukan sedia ada, terutamanya berhubung perluasan tafsiran bagi keluaran pertanian dengan memasukkan komoditi ternakan tertentu iaitu lembu dan sejenis dengannya, kambing biri-biri, rusa, arnab dan ternakan unggas seperti ayam, puyuh dan itik dalam undang-undang tersebut.

Selain itu, pindaan Akta 141 bermatlamat untuk memberi kuasa kepada FAMA menstabilkan rantai bekalan bagi komoditi ternakan yang memberi kesan langsung kepada keupayaan modal dan pasaran terutama bagi pengeluar kecil dan sederhana. Penglibatan FAMA sama ada melalui pengaturan pasaran dengan pengukuhan kerjasama strategik bersama industri mahu secara langsung melalui pembelian di peringkat ladang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui, Malaysia masih menjadi pengimport makanan yang membawa maksud negara kita belum berjaya menghasilkan bekalan makanan yang mencukupi kepada rakyatnya. Malaysia mencatatkan peningkatan nilai import makanan yang jauh lebih tinggi pada tahun ini dan dijangka melepasi paras tertinggi yang direkodkan pada tahun 2021 yang bernilai RM63 bilion setahun.

Menerusi rekod oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2020 nilai import makanan adalah kira-kira RM55.5 bilion berbanding eksport sebanyak RM33.8 bilion. Malah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan sendiri turut menyatakan bahawa sehingga suku pertama tahun ini sahaja, import makanan yang direkodkan negara sudah mencecah RM17.8 bilion dan jumlah ini pastinya akan bertambah menjelang suku keempat 2022.

Sememangnya kita tidak dapat mengelak daripada terus bergantung kepada bekalan makanan import. Antaranya disebabkan negara kita tidak dapat menghasilkan bekalan makanan tersebut seperti bawang besar, produk tenusu dan ubi kentang. Selain itu, bekalan makanan import juga masih diperlukan oleh rakyat negara ini dan memastikan penawaran harga yang lebih rendah dan stabil.

Menyentuh mengenai pindaan ini, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau FAMA, seperti yang kita ketahui, berfungsi dalam membantu mengedar dan memasarkan komoditi ternakan dan produk agromakanan seperti sayur, buah-buahan dan asas tani. Pindaan ini saya yakin dilakukan pada masa yang tepat kerana rakyat pada masa ini sedang menghadapi isu kenaikan harga barang dan kos sara hidup yang terus meningkat.

Menerusi pindaan ini juga, saya yakin fungsi FAMA dapat diperluaskan dan mampu memastikan rantai bekalan komoditi ternakan dapat distabilkan dalam menjamin sekuriti makanan negara, selain daripada membela nasib penternak kecil. Semua sedia maklum pada masa ini tiada agensi khusus menjalankan aktiviti pemasaran ternakan seperti ayam, lembu, biri-biri dan pelbagai jenis ternakan lain di Malaysia.

Situasi ini juga telah menyumbang kepada wujudnya banyak kartel penawaran di pasaran dan secara langsung mengawal harga pasaran. Ia sedikit sebanyak menyebabkan berlakunya permainan harga di pasaran. Ini memberi kesan bukan hanya kepada pengguna, sebaliknya juga kepada penternak di negara ini.

Menerusi data yang dikeluarkan oleh kementerian mengenai tahap sara diri (SSL) bagi setiap sektor makanan, SSL bagi daging lembu disasarkan pada kadar 32.7 peratus, namun hanya 21.7 peratus sahaja yang dicapai. Saya ingin memfokuskan kepada bekalan daging ayam memandangkan ayam merupakan antara makanan utama rakyat Malaysia.

Semasa krisis berkaitan ayam baru-baru ini menyebabkan kerajaan mengambil tindakan mengimport daging ayam dari luar negara. Situasi kekurangan ayam ini dan kepelbagaian harga amat dirasakan oleh pengguna. Harga pasaran ditetapkan RM8.90 sekilogram. Namun, masalah utama merupakan stok ayam seekor yang sangat kurang atau langsung tiada. Jika adapun, saiznya kecil berbanding biasa dan ada yang hanya sebesar burung puyuh. Belum lagi dihambat dengan isu permainan harga yang mana ada penjual menjual dengan harga lebih tinggi berbanding harga siling dengan alasan kurang stok. Juga mengenakan caj upah potong bagi setiap kilogram ayam.

Pada masa itu, harga ayam semakin tidak terkawal sehingga kerajaan perlu meneruskan subsidi sebanyak RM370 juta walaupun telah menetapkan harga siling. Situasi ini menimbulkan persoalan atas alasan apakah perkara ini berlaku dan permainan apa yang berlaku di antara penternak, orang tengah dan penjual? Apa yang nyata, rakyat selaku pengguna menjadi mangsanya.

Saya ingin menyentuh sedikit mengenai Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 yang bakal meneruskan agenda pembangunan sektor agromakanan dengan tumpuan khusus terhadap usaha meningkatkan sekuriti makanan negara. Menerusi dasar ini, fokus dan pendekatannya adalah berasaskan teknologi moden yang selari dengan Revolusi Perindustrian 4.0 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs 2030). Ia juga selari dengan Rancangan Malaysia Ke-12 yang mana agenda pemodenan dan pertanian pintar menjadi fokus utama di dalam memacu sektor agromakanan negara yang mampan, berdaya tahan dan berpacuan teknologi. Pemodenan sektor agromakanan mampu membantu dalam meningkatkan produktiviti.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya sikit masa.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Terima kasih. Pemodenan sektor agromakanan mampu membantu dalam meningkatkan produktiviti dan menjamin sekuriti makanan negara di samping memacu pertumbuhan ekonomi demi menjamin kesejahteraan. Namun, dalam masa yang sama kita juga ingin tahu pada tahap manakah kesediaan kerajaan untuk mendepani IR4.0 dalam industri penternakan dan agromakanan.

Bagaimana pula kerajaan dapat membantu dalam memberi kesedaran mengenai peranan IR4.0 serta bentuk sokongan yang diberikan kepada petani dan pekebun khususnya berskala kecil, menerusi pembangunan teknologi dalam pertanian dan penternakan sekali gus membantu dalam peningkatan produktiviti.

Justeru itu, saya juga ingin tahu pihak FAMA dan kementerian sama ada mempunyai perancangan untuk bekerjasama dengan platform atas talian untuk memperluaskan lagi

fungsinya kepada petani dan penternak yang berdaftar dengan FAMA sekali gus membawa mereka untuk memasarkan produk mereka dengan lebih luas menerusi FAMA.

Saya ingin menyampaikan beberapa persoalan kepada pihak kementerian. Pertama, apakah perkembangan mengenai perancangan untuk melaksanakan Skim Insurans Takaful yang membabitkan bidang agromakanan yang sepatutnya dilaksanakan pada Suku Kedua tahun ini?

Kedua, adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk memperluaskan pemberian subsidi atau bantuan baja dan racun bagi meringankan beban petani dan penternak disebabkan kenaikan harga keperluan pertanian? Terakhir, apakah bentuk kerjasama dengan pihak veterinar dalam sektor penternakan bagi tujuan menghasilkan bekalan makanan ternakan yang terancang dan berkualiti?

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah yang dibagi tadi, saya ingin menyokong RUU ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

5.05 ptg.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan RUU Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2022. Firman Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Bermaksud; "Yusuf berkata, supaya kamu bertanam tujuh tahun lamanya sebagaimana biasa. Maka apa yang kamu tuai hendaklah kamu biar di tangkainya kecuali sedikit untuk kamu makan." Surah Yusuf, ayat yang ke-47.

Daripada ayat ini jelaslah bahawa bagi mendapatkan hasil yang baik prosesnya, bukanlah memakan setahun dua, malah bertahun-tahun bagi membuahkan hasil. Maka, akta yang dibahaskan ini bagi kebersediaan negara untuk masa hadapan. Pandemik COVID-19 yang melanda negara ini secara tidak langsung mendedahkan kelompangan negara dalam pengurusan sekuriti makanan negara.

Saya bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri bahawa pada masa ini tiada agensi khusus yang berfungsi dalam menjalankan aktiviti pemasaran ternakan. Oleh itu, saya amat berbesar hati dengan pindaan yang dibuat pada hari ini dalam usaha untuk memastikan sektor penternakan ini tidak diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, umum mengetahui FAMA dikenali sebagai peneraju utama pemasaran makanan dan hasil pertanian negara. Akta ini ingin memberi penambahan kepada FAMA daripada skop kerja pertanian kepada penternakan juga. Namun begitu, kebanyakan agensi kerajaan terdapat banyak masalah kekurangan tenaga pekerja dan memerlukan penambahan. Sebelum ini, FAMA hanya memfokuskan kepada pertanian dan sekarang skop kerja mereka akan bertambah kepada skop yang makin luas. Maka, ia memerlukan tenaga kerja bagi penambahan skop ini.

Oleh itu, adakah dengan bertambahnya skop kerja maka tenaga kerja akan ditambah kepada bilangan yang lebih besar? Adakah kakitangan semasa akan digunakan bagi menguruskan aktiviti pemasaran yang melibatkan komoditi ternakan? Jika ya, apa kaedah yang akan diguna pakai. Jika tidak, apakah mekanisme kerajaan bagi memastikan tenaga kerja sedia ada mencukupi dengan skop kerja yang semakin bertambah? Hal ini penting bagi memastikan penambahan skop kerja tidak akan memberi kesan kepada skop kerja sedia ada. Selain itu, sejauh mana implikasi kewangan yang akan digunakan bagi memastikan penambahan fungsi yang secara tidak langsung akan memberi kesan terhadap penambahan kios *outlet* FAMA agar dapat berjalan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya industri ternakan negara akan terus berkembang susulan peluasan skop kerja yang diberikan kepada FAMA untuk membantu mengedar dan memasarkan komoditi ternakan.

Namun begitu, apakah perancangan mahupun pelan jangka masa panjang FAMA untuk bekalan sekuriti makanan setelah diberi kuasa dalam mengedar dan memasarkan komoditi ternakan dalam pasaran negara?

Bagaimana pelan kerjasama strategik antara FAMA dengan pemegang taruh bagi memperkasakan perusahaan mikro, kecil dan sederhana dalam pemasaran komoditi ternakan agar usahawan-usahawan atau pengusaha kecil ternakan tempatan tidak tercicir? Apakah langkah kerajaan bagi memastikan rakyat terutama golongan penternak di bandar mahupun luar bandar faham akan fungsi baharu FAMA dan memberi sokongan sepenuhnya terhadap usaha ini?

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya ingin sentuh berkenaan program-program anjuran FAMA.

■1710

Saya menyambut baik usaha yang dilakukan oleh FAMA secara komited untuk membantu meringankan beban rakyat dengan menganjurkan pelbagai program seperti Program Khas Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia, Jualan Sambutan Ramadhan dan sebagainya yang mendapat tempat di hati rakyat. Saya mengharapkan program-program

jualan seperti ini diperluaskan sama ada di bandar mahupun di luar bandar dan diadakan dengan lebih kerap lagi.

Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

5.11 ptg.

Datuk John Ambrose: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskan satu Usul Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) seksyen 1A, perluasan kuasa untuk pemasaran komoditi ternakan.

FAMA telah ditubuhkan pada 30 September 1965 bagi tujuan menyelia, menyelaras, mengawal selia dan memajukan pemasaran keluaran pertanian Malaysia termasuk mengimport dan mengeksport. Sejarah penubuhan FAMA adalah bagi menangani isu padi kunca yang disebabkan oleh manipulasi pembeli terhadap pesawah kecil.

Justeru, bagi tujuan memacukan sektor pertanian berasaskan komoditi, beberapa buah agensi seperti Lembaga Padi dan Beras Negara yang telah sekarang diambil oleh Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (MAJUTERNAK) dan Lembaga Lada Hitam Malaysia telah ditubuhkan sekali gus menghadkan bidang kuasa FAMA terhadap komoditi padi, beras, ikan, ternakan dan lada hitam.

Manakala bidang kuasa terhadap tanaman nanas adalah dikecualikan dalam bidang kuasa FAMA sejak penubuhannya kerana pada ketika itu Lembaga Perusahaan Nanas Tanah Melayu yang sekarang dikenali sebagai Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah pun wujud.

Semasa pandemik COVID-19, didapati bahawa sektor ternakan memerlukan intervensi terutama melibatkan pemasaran dan pembangunan industri secara menyeluruh untuk memastikan sektor ini mampu terus berdaya saing. Namun, MAJUTERNAK telah pun dibubarkan pada 1 Januari 1985 dan oleh itu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berhasrat untuk memasukkan peranan dan tanggungjawab berkaitan pemasaran dan pembangunan industri ternakan ke dalam Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [Akta 141].

Untuk itu, takrif '*agricultural produce*' dalam seksyen 1A Akta 141 perlu dipinda:

- (i) dengan memotong perkataan "*and*" di hujung perenggan (a);
- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa). *the animals as specified in the Third Schedule, and the carcasses and produce of such animals; and*”; dan

(iii) dengan memasukkan selepas *Second Schedule* jadual yang berikut:

THIRD SCHEDULE

[Section 1A]

1. *Sheep;*
2. *Goat;*
3. *Bull, cow and ox;*
4. *Buffalo;*
5. *Deer;*
6. *Rabbit;*
7. *Domestic fowl.*

Tuan Yang di-Pertua, penyediaan Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) (Pindaan) seksyen 1A ini diperkenalkan bagi memastikan peluasan kuasa untuk pemasaran komoditi ternakan ini dapat dilaksanakan FAMA mengikut undang-undang yang sah.

Oleh yang demikian, objektif penyediaan RUU ini adalah untuk kerajaan mempunyai peruntukan undang-undang untuk memantau, mengawal selia dan menyediakan program bantuan sokongan bagi memastikan pemasaran sektor ternakan tidak terjejas. Pengguna membuat pilihan terbaik dalam mendapatkan produk-produk berasaskan tanaman, memastikan pengguna mendapat akses kepada semua jenis produk dan hasil ternakan.

Tiada jabatan atau agensi yang terlibat dalam pemasaran ternakan selepas MAJUTERNAK dibubarkan pada tahun 1985. Tiada agensi khusus yang menjalankan aktiviti pemasaran ternakan. Industri ternakan dipacu oleh pihak swasta dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) berfungsi antara lain memajukan pengeluaran serta mengawal import dan eksport bagi ternakan, hasil ternakan dan makanan haiwan. DVS juga berperanan mengadakan pemeriksaan daging, susu, telur, makanan haiwan, rumah sembelih dan loji pemprosesan hasil haiwan.

Data *Self-sufficiency Level* (SSL) 2019 menunjukkan pengeluaran bagi daging lembu atau kerbau 23.7 peratus, daging kambing atau biri-biri 12.1 peratus dan susu segar 59.3 peratus. Data ini menunjukkan pengeluaran masih belum mampu menangani permintaan dalam negara. Manakala Data SSL 2020 bagi daging ayam dan itik 98.2 peratus dan telur ayam 113.6 peratus. Data ini menunjukkan kepentingan bagi memastikan permintaan terhadap daging ayam, itik serta telur ayam tidak terjejas memandangkan pengeluaran dalam negara adalah tinggi.

Pengedaran akses pasaran ternakan semi komersial dan kecil industri bukan ruminan khususnya ayam dipacu oleh penternak komersial 83 peratus manakala penternak separa komersial dan kecil merupakan 17 peratus. Walau bagaimanapun, populasi penternak kecil ini terdedah kepada risiko kerugian yang besar seterusnya kesukaran untuk memulakan kembali penternakan apabila berdepan dengan isu ketidakseimbangan pasaran.

Manakala isu utama yang dihadapi oleh penternak kecil ruminan merupakan penumpuan terhadap permintaan pada musim-musim perayaan di mana terdapat trend peningkatan harga seiring dengan peningkatan permintaan pengguna mendapatkan akses bekalan dan peningkatan penggunaan. Permintaan terhadap daging lembu dan kambing menunjukkan trend peningkatan dengan kepelbagaian produk hiliran dihasilkan.

Namun- minta masa sedikit lagi....

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk John Ambrose: Menunjukkan nilai daging lembu import merupakan RM22.2 bilion dan daging kambing import RM879.4 juta pada tahun 2020. Bagi memastikan pengeluaran domestik turut berdaya saing dalam memenuhi permintaan, program-program pembangunan perlu dilaksanakan dengan lebih intensif. Cadangan program antaranya memperluaskan segmen pasaran untuk daging premium tempatan, inisiatif penggunaan daging tempatan di peringkat sektor hospitaliti dan pengedaran tempatan untuk harga yang lebih baik, pengeluaran hasil ternakan domestik yang berdaya saing

Dengan demikian, saya rasa saya terus pergi yang dekat *last*, Tuan Yang di-Pertua.

Bidang tugas FAMA dilihat semakin luas, dan diperkasakan. Kerajaan perlu mengambil kira elemen seperti pertambahan peruntukan yang lebih banyak kepada FAMA. Fungsi yang semakin mencabar ini juga memerlukan kerajaan menimbang keperluan penambahan sumber tenaga manusia bagi menjamin pelebaran pemasaran dapat dilaksanakan secara menyeluruh bagi pasaran domestik dan antarabangsa.

Sekiranya kedua-dua elemen di atas diluluskan kepada FAMA, maka FAMA perlu bertindak dengan lebih agresif untuk menempuh tekanan dalam pasaran sekali gus berjaya untuk diseimbangkan penawaran dan permintaan pasaran bagi komoditi pertanian di bawah bidang kuasa FAMA.

Itu sahaja daripada saya. Saya mohon menyokong.

■1720

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose atas perbahasan tadi.

Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

5.20 ptg.

Datuk Paul Igai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2022.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, kita ambil maklum iaitu empat dimensi yang harus dilihat secara menyeluruh seperti pengistilahan oleh *FAO United Nations* iaitu:

- (i) *availability* (ketersediaan);
- (ii) *safety* (keselamatan);
- (iii) nutrisi; dan
- (iv) *sustainability* (kemampuan)

Dimensi pertama iaitu ketersediaan. Kita sudah ditimpa masalah yang kita kekurangan bahan makanan seperti beras. Kita terkesan dengan masalah ketersediaan apabila pada masa pandemik bila negara Vietnam menyekat eksport berasnya kepada kita.

Kemudian, kesan peperangan Rusia-Ukraine yang masih berlaku melibatkan kebanyakan sumber makanan telah berkurangan melibatkan kenaikan harga barangan kegunaan harian seumpama tepung gandum, tepung jagung, makanan haiwan ternakan, baja, sayur-sayuran dan lain-lain.

Keadaan seperti ini tepat memberi kesedaran kepada kita perlunya diberi tumpuan serius kepada usaha pengeluaran hasil tanaman dan penternakan. Kita akan *reset*, mulakan langkah dengan keras lagi dalam dasar pengeluaran hasil tani negara dan juga pemasarannya.

Kelulusan rang undang-undang ini membolehkan FAMA mengurus selia sendiri operasinya dan tidak lagi bergantung penuh bantuan daripada kerajaan. Seterusnya, FAMA boleh membantu penternak, pengusaha kebun kecil dalam pemasaran produk mereka, membantu dalam penyediaan alat-alat jentera petani, bekalan baja racun dan sebagainya.

FAMA dapat juga berperanan dengan lebih berkesan dalam cara menjaga kestabilan harga barang sebelum dan bila masa perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina dan Gawai/Dayak di Sabah memastikan tidak ada berlakunya kenaikan harga barang sewenang-wenangnya. Tuan Yang di-Pertua, FAMA boleh lagi memperkasakan program AgroBazaar seluruh negeri.

Saya mohon diadakan di Sarawak dan Sabah dan untuk dilebarkan di kampung saya, di Kapit, Sarawak. FAMA juga dapat menetapkan pejabatnya di pendalaman di pekan Song dan Belaga, Kapit, Sarawak. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

5.24 ptg

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: *Assalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh. [Bercakap dalam bahasa Arab].* Yang amat saya hormati, Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya, rakan-rakan Yang Berhormat Senator.

Saya juga menyokong rang undang-undang ini. Cumanya, sedikit daripada saya untuk, pertamanya mendapat kefahaman.

Keduanya, untuk memberi sedikit cadangan. Antara perkara yang boleh kita lihat ialah apabila rang undang-undang ini dilaksanakan, apakah kedudukan sebenar Maju Ternak? Adakah diwujudkan atau dialih kefungsiannya kepada fungsi yang lain?

Kedua, perkara yang penting juga kita perlu sama sekali melihat kepada isu ini bersifat menyeluruh. Kalau boleh, kami amat memerlukan FAMA ini turun ke daerah-daerah yang lebih kecil dan terpinggir yang jauh daripada mendapat kemudahan-kemudahan agar dapat dirasai oleh keluarga besar Malaysia ini.

Ketiganya, saya merasakan penting bilamana saya melihat sebuah negara besar seperti China, dia telah membina satu rangkaian *networking* yang baik dari sudut telah mendigitalkan hasil pertanian tersebut.

Dalam satu rencana, digambarkan bagaimana seorang petani yang miskin, duduk nun jauh di Beijing umpamanya, dia hanya menggunakan sebuah aplikasi dan barang itu diambil mengikut tepat pada masanya. Dibayar- dan mereka sedang menggunakan sistem bayar dengan cara tanpa duit, yang tidak memakaikan *cashless* dalam bentuk yang cukup mudah.

Alangkah baiknya kalau FAMA juga boleh mempertimbangkan seperti itu saat kita sendiri, kerajaan menggerakkan tentang *digitalization* ini. Seterusnya, saya rasa perkara ini boleh kita kembangkan lagi sekiranya FAMA mempunyai daya kekuatan untuk kita membina satu *apps* yang dengan cara ini, seperti *Lazada* atau *Shopee* atau lain lagi yang mana ia akan memberi kesan yang cukup besar dan lagi mudah untuk pasaran-pasaran bagi FAMA ini.

Timbalan Yang di-Pertua, satu perkara, puluhan tahun sudah kalau kita dengar ceritanya, iaitu cerita berkenaan dengan lembu korban. Oleh sebab di sini ada disebut tentang import lembu korban, kebanyakan kita di kalangan orang Islam, dia berkorban. Pak Uda, Mak Uda, pakcik, makcik di kampung berkorban. Akan tetapi apa yang saya dapati bilamana mereka berkorban ini, harga akan naik hampir RM1000 setahun. RM500 atau RM1000 setahun, keseluruhan atas seekor lembu itu.

Ini saya cerita berkenaan dengan waktu korban itu. Perkara ini sudah tidak pelik. Kalau dulu, RM7000 harga seekor lembu itu besar-besar, sungguh. Sekarang, sederhana sahaja, bahkan kecil. Jadi, alangkah baiknya sekiranya FAMA memainkan dan cuba melengkapkan ruang kosong ini walaupun masih lagi kita kata- masih dimainkan oleh ramai pihak. Akan tetapi, ketidakcukupan itu terasa.

Saya contohkan, sebagai contohnya di Arab Saudi. Kita tahu di Arab Saudi, sebagai contoh, bila datang bulan musim haji, selesai sahaja ibadat haji yakni hari ke-10 Zulhijah, acara korban adalah bersifat mega, termasuk hari-hari tasyrik di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan.

Akan tetapi yang kita tengok, harga pasarannya tetap naik tidak banyak. Kalau kambing dalam 400 Riyal, 400 Riyal sahaja. Tahun ini 400 Riyal, tahun depan 400 Riyal, dua tahun lepas pun 400 Riyal. Jadi, kita tidak nafikan dia naik sedikit VOT-nya, tetapi maknanya tidaklah sebagaimana yang berlaku, kadang-kadang kita tengok teramat banyak.

Kemudian, isu yang saya nak bangkitkan juga- maksud saya kena buat satu perbincangan, dan satu hal yang memungkinan kita dapat memberi sedikit pertolongan kepada sahabat kita, dengan memudahkan dapatan lembu, dalam keadaan harga yang selesa dan dalam keadaan kemampuan- bukan oleh pihak yang kaya tetapi pihak yang sederhana juga.

■1730

Kemudian isu-isu kartel sebagaimana sahabat kita telah bangkitkan- saya amat setuju sangat. Di samping berkenaan dengan masalah bagaimana isu ayam-ayam organik juga saya rasa perlu kita beri penekanan untuk kesihatan masyarakat Malaysia ini di samping ayam-ayam yang sedia ada, ayam daging dan isu yang amat sensitif ialah isu halal.

*[Datuk Razali bin Idris **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Masalah daging yang diimport sebagai contoh atau apa-apa pun, masalah ini saya rasa amat perlu sekiranya berlaku kolaborasi secara lebih tuntas dan lebih akrab, antara pihak-pihak yang berkenaan, untuk mengesahkan yang halal. Begitu juga kalau boleh kena lakukan setiap tiga atau empat tahun untuk lihat. Sebagai contoh, isu *stunning*, masalah bolehkah tidak. Isu sembelihan yang mengikut- patuh syariah atau tidak. Itu satu hal yang bagi saya perlu kerana sensitiviti masyarakat amat ketara.

Cuma saya tertarik dengan sahabat kita, Yang Berhormat Senator dari Sarawak yang juga dia kata boleh dikembangkan isu berkenaan dengan makanan-makanan sahabat-sahabat kita yang *non-Muslim* sebagai contoh. Macam khinzir sebagai contoh. Saya amat setuju sebenarnya tetapi dibuat satu unit khas dan diletakkan kepada mereka yang memerlukannya itu supaya- memanglah tetapi tidak sesuailah kalau 100 peratus kawasan orang Muslim tidak sesuailah jual yang itu.

Maksud saya umpamanya, sebahagian daripada yang memang mereka ini yang memerlukan maka ada kaunter khas, ada tempat khas, ada bilik khas dan orangnya pun adalah orang yang khas.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya saya melihat FAMA memainkan peranan untuk mencukupkan aset pemakanan negara ini untuk kita cukupkan dalam masyarakat kita, dalam negara kita supaya kita sentiasa berada dalam keadaan baik dan tidaklah dalam kebuluran sebagaimana hadis Nabi berdoa supaya kita jangan mati dalam kebuluran. Sekadar itu. Jadi dengan rasa sukacita, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya pandangan daripada Yang Berhormat Senator.

Datuk Razali bin Idris: Boleh, sila.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih. Memang Yang Berhormat Senator saya setuju apa yang telah dikatakan- FAMA mesti buat *digitalisation*. Akan tetapi yang / tidak faham itu, mengapa semua orang di seluruh negara Malaysia memang tahu *digitalisation* itu penting tetapi FAMA tidak tahu. Oleh itu, apa pandangan daripada Yang Berhormat Senator itu- kelemahan di mana FAMA itu mesti mementingkan.

Ini kerana itu memang betul seperti contoh yang telah digunakan oleh Yang Berhormat Senator itu Negara China dekat Beijing itu mereka memanglah negeri yang menggunakan *apps* sahaja tetapi mengapa Malaysia- / katakan Malaysia pun tidak ketinggalan daripada segi *apps*-lah, teknologi, kita pun canggih juga, kita pun ada banyak. Akan tetapi pandangan daripada Yang Berhormat Senator itu macam mana kita boleh mempercepatkan daripada segi *digitalisation*. Terima kasih.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Boleh saya mencelah?

Datuk Razali bin Idris: Nanti satu, satu... [*Ketawa*] Sabar.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Terima kasih. Saya seronok sebenarnya bila bincang isu ini. Saya yakin dengan apa yang berlaku, perkembangan mutakhir ini bila saya dapati bahawa *apps* banyak telah digunakan. Bahkan kita hendak beli tiket *AirAsia*, *MAS* kita guna *apps*. Bahkan hendak order nasi lemak pun ataupun apa-apa pun boleh guna *apps*. Bahkan kadang-kadang, anak-anak kita usianya Darjah 1 dan Darjah 2 pun boleh guna *apps* kerana generasi zaman sekarang, generasi yang kata orang hendak berhenti merokok ini yang akan dibentangkan.

Saya yakin dan saya percaya perkara ini akan boleh dan *insya-Allah* saya yakin Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bergabung dengan komunikasi dan lain-lain lagi termasuk FAMA ini boleh mencipta *apps* yang terbaik, yang memungkinkan dan perkara ini saya yakin tidak akan lama sebab inilah keperluan semasa yang amat-amat mendesak. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Jadi Yang Berhormat Senator, boleh tidak pandangan tambahan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai dimasukkan

dalam ucapan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Setuju?

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Setuju Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Razali bin Idris: Okey, terima kasih. Masukkan dalam tu. Silakan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang kepada saya untuk mencelah. Saya hanya hendak memaklumkan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya pernah duduk sebagai Ahli Lembaga FAMA...

Datuk Razali bin Idris: Ini hendak celah apa ini? Hendak minta...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: ...Enam tahun. Hanya hendak mencelah-memang *apps* itu penting, dan memang saya ingin juga menyarankan FAMA untuk meningkatkan *apps* itu sebab *apps* itu telah digunakan lima atau enam tahun dahulu. Hanya peningkatan- itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Razali bin Idris: Boleh masukkan dalam ucapan Yang Berhormat Senator?

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Boleh.

Datuk Razali bin Idris: Okey, boleh. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Zulkifli.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen. Dipersilakan.

5.36 ptg.

Datuk Lim Pay Hen: Salam sejahtera, salam Keluarga Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berbahas Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2022.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat pindaan bagi RUU Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ini adalah bagi memasukkan takrifan haiwan, *cattle, domestic fowl, sheep, goat, deer and rabbit* sebagai sebahagian daripada *agricultural product*, dengan izin. Ini merupakan satu langkah yang baik di mana kerajaan berusaha untuk memperluaskan skop definisi *agricultural produce* itu sendiri.

Saya kira ini juga salah satu usaha kerajaan dalam memperkukuh industri Sekuriti Makanan Negara. Apa yang kita dapat lihat kebelakangan ini pelbagai polemik berkaitan kemerosotan penawaran haiwan ternakan seperti ayam dan daging lembu menjadi topik perbincangan negara sehinggakan negara kita beberapa kali terpaksa bergantung kepada sumber import bagi memenuhi permintaan rakyat khususnya pada musim perayaan.

Ini merupakan satu perkara yang tidak boleh kita pandang enteng kerana sekuriti makanan ini berkait dengan keseluruhan rantai makanan yang akan memberi kesan kepada kos sara hidup rakyat. Kita telah menerima pelbagai aduan daripada golongan penternak yang

mengeluh mengenai kenaikan harga makanan haiwan ternakan khususnya makanan yang berasaskan jagung dan soya seperti dedak.

Kenaikan harga dedak telah menyebabkan rantai penawaran ayam negara terjejas. Ini bukan kenaikan yang sikit tetapi kenaikan hampir 50 peratus kenaikan harga dedak ini telah pun menyebabkan kenaikan harga haiwan ternakan. Jika dahulu seekor lembu dijual dengan harga RM4,000 hingga RM5,000 seekor. Kini seekor lembu dijual dengan harga RM5,500. Kenaikan RM500 itu bagi seekor lembu ini adalah bagi menampung kenaikan harga makanan ternakan. Tidak cukup hanya lembu, ayam juga yang sebelum ini berharga RM8.90 satu kilo terpaksa dijual pada harga RM13 sekilo pada Mei yang lalu. Rakyat kian tertekan walaupun bulan lalu kerajaan telah mengumumkan harga ayam akan diikat pada harga siling RM9.40 sekilo.

■1740

Ini masih tak dapat menyelesaikan masalah hiliran yang berpunca daripada harga makanan ternakan yang tidak terkawal. Sekiranya perkara ini tidak dibendung, penternak akan semakin tertekan. Mereka perlu menanggung kos yang mahal, tetapi perlu menjual dengan harga yang murah. Dalam jangka masa panjang, ini akan menyebabkan penawaran haiwan ternakan ini menurun kerana penternak perlu menjimatkan kos dengan mengurangkan bilangan haiwan mereka. Ini sekali gus akan menggugat industri sekuriti makanan negara. Jadi apa yang saya lihat dan nampak, isu hiliran berkaitan harga makanan haiwan ternakan ini tidak boleh kita biarkan begitu sahaja.

Jadi saya mohon bertanya, selain daripada kebergantungan kepada industri import yang membekalkan jagung dan soya sebagai bahan asas utama pembuatan dedak, adakah kementerian mempunyai inisiatif lain bagi menggantikan bahan tersebut? Ini kerana melihat kepada situasi ekonomi global, kita tidak nampak ciri-ciri yang harga jagung dan soya akan kembali stabil dalam masa terdekat. Jadi, apakah bahan pengganti yang mampu mengambil alih jagung dan soya ini? Ini kerana saya pernah terbaca yang dedak juga boleh dihasilkan daripada dedak padi dan pokok keladi. Jadi, adakah hasil domestik seperti ini boleh kita komersialkan bagi tujuan kesiapsiagaan menghadapi krisis sekuriti makanan? Mohon Yang Berhormat Menteri supaya memberi jawapan.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2022. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Wong Siaw Ting.

5.42 ptg.

Datuk Wong Siaw Ting: Salam sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan pindaan rang undang-undang Akta 141, Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dikemukakan ini adalah tepat pada masanya dalam keadaan rakyat sedang menghadapi kenaikan harga barang dan kos sara hidup yang terus meningkat. Langkah yang diambil ini adalah selari dengan usaha kerajaan dalam menangani kenaikan harga barangan termasuk harga daging, ayam, telur dan hasil tenusu.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini hanya melibatkan satu pindaan sahaja, Akta ibu Akta 141 iaitu seksyen 1A mengenai takrif "*agricultural product*" dalam perenggan (a) dengan memotong perkataan "*and*" di hujung perenggan ini dengan memasukkan selepas perenggan (a) dengan Jadual Ketiga yang merangkumi haiwan yang dinyatakan termasuk sebagai *agricultural product* di bawah Akta 141 ini iaitu lembu, daging ternakan seperti ayam, itik, kambing, kambing biri-biri, rusa dan arnab.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah ditubuhkan pada tahun 1965 melalui Akta 141 yang bertanggungjawab dalam pemasaran produk agromakanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan serta produk-produk industri makanan dan asas tani. FAMA telah bergerak maju melalui projek-projek di sepanjang rangkaian bekalan *we called it supply chain*, iaitu projek ladang seperti kontrak melibatkan 1,450 orang petani dengan hasil 5,966 metrik tan atau RM11.6 juta; pengumpulan hasil pertanian dari 212 buah pusat pengumpulan.

Pemprosesan melibatkan empat buah pusat memproses makanan FAMA bahawa dan 13 buah pusat memproses buah, pengedaran yang mempunyai kemudahan pusat pengedaran segar, depot proses, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), bilik sejuk beku dan lori segar, projek peruncitan seperti Pasar Tani, AgroBazaar, dan projek pengguna domestik dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta 141 ini amatlah penting dan mendesak kerana tiadanya jabatan ataupun agensi yang bertanggungjawab secara langsung dalam pemasaran ternakan dan seterusnya bagi memastikan pengedaran yang berkesan untuk daging lembu, kambing, ayam dan hasil tenusu yang akhirnya akan dapat menstabilkan harga dan memberi manfaat langsung kepada pengguna keseluruhannya.

FAMA dengan pengalaman, dengan kemudahan sedia ada yang meluas dari pelbagai peringkat *supply chain* seperti pengeluaran, pemprosesan, pengedaran dan peruncitan mampu menangani kenaikan harga barang termasuk harga ayam, telur, daging dan susu segar.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan:

- (i) FAMA membabitkan diri dengan pemasaran dan pengedaran makanan haiwan ternakan bagi memastikan harga makanan haiwan ternakan yang lebih stabil dan secara langsung, menstabilkan harga ayam dan daging;
- (ii) FAMA melantik dan mewujudkan ladang kontrak ternakan ayam bagi memastikan bekalan ayam yang mencukupi dengan harga yang stabil; dan
- (iii) FAMA dilantik sebagai pemborong dan pengedar utama ayam dan daging memandangkan FAMA telah pun mempunyai kemudahan bilik sejuk di seluruh negara, lori segar dan rangkaian peruncitan seperti Pasar Tani, AgroBazaar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin memohon penjelasan daripada kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Apakah langkah kerajaan bagi memastikan FAMA dapat memainkan peranan yang berkesan selari dengan hasil pindaan Akta 141 ini? Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih. Diteruskan dengan pembahas terakhir, nombor 10, Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek. Dipersilakan.

5.47 ptg.

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang sentiasa menceriakan suasana dan harapnya terus berada di atas sana. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk meneruskan perbahasan ini dengan merujuk kepada rang undang-undang ini yang saya rasa tidak banyak untuk diperkatakan, tetapi ada beberapa *concern* yang saya fikir sangat penting untuk dilihat Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Razali bin Idris: Tujuh minit sahaja.

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak mulakan dengan menyebut begini Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, rang undang-undang ini adalah terkait rapat dengan apa yang kita sebut sebagai ekosistem *agricultural produce*. Bila kita sebut tentang ekosistem, yang dibahaskan oleh rakan-rakan saya tadi adalah berkaitan dengan ekosistem itu.

Akan tetapi, apabila kita bercakap tentang ekosistem ini, ia juga mestilah juga merujuk kepada apakah dia perancangan-perancangan FAMA untuk menyediakan pelbagai inisiatif jangka pendek dan jangka panjang dalam konteks mendorong kepada peningkatan penghasilan komoditi daging tempatan. Kita sentiasa mendengar kalau bercakap tentang isu daging ini, kalau tidak kartel, maka adalah juga tentang penyeludupan dan sebagainya.

Apa yang menarik juga Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini juga adalah dimasukkan tentang karkas. Karkas ini adalah satu lagi dimensi *agricultural produce* yang sangat penting sebenarnya, yang sebenarnya membawa kita kepada beberapa kes yang sangat signifikan bila bercakap tentang karkas ini dan ia terkait rapat dengan dakwaan-dakwaan kes penyembelihan yang melibatkan karkas ini di rumah-rumah penyembelihan tanpa lesen.

Jadi, selain daripada kita bercakap tentang *agricultural produce* yang melibatkan haiwan-haiwan ini, karkas ini juga satu perkara yang mesti diambil perhatian dalam konteks memastikan ekosistem ini dilihat secara menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada haiwan-haiwan yang disebut tersebut.

■1750

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang platform. Bila kita bercakap tentang *agricultural produce* ini, kita juga bercakap tentang platform. Jadi soalan saya, adakah FAMA sudah bersedia dan membuat persiapan dalam konteks memastikan bukan sahaja soal pengeluaran, permintaan, *supply chain*, dengan izin, tetapi juga bagaimana boleh merangsang komoditi jualan daging ini dalam platform-platform yang lebih strategik dan juga lebih berdaya saing dalam konteks pada hari ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dalam konteks yang ketiga, FAMA juga mempunyai bajet pembangunan yang cukup besar sebagaimana yang saya percaya dilaporkan dalam beberapa laporan yang terkait rapat dengan perbelanjaan FAMA ini.

Jadi, berhubung dengan isu tersebut, saya ingin mendapatkan pengesahan dan jawapan daripada Timbalan Menteri. Apakah ataupun sejauh manakah peruntukan yang boleh dimanfaatkan oleh FAMA dalam konteks mengkomersialkan produk makanan yang berasaskan setiap jenis haiwan yang disebut dalam Jadual Ketiga rang undang-undang ini?

Kedua, apa agenda pembangunan yang akan dilaksanakan oleh FAMA di peringkat negeri, Negeri Sembilan, negeri Pulau Pinang dalam konteks meningkatkan produktiviti sebagaimana khususnya melibatkan produktiviti haiwan-haiwan ini? Saya ingat itu sahaja daripada saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya serahkan kembali Majlis ini dan saya menyokong penuh rang undang-undang ini.

Datuk Razali bin Idris: Okey, terima kasih banyak kepada sepuluh orang pembahas yang telah berhujah.

Justeru itu, dengan segala hormatnya saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Silakan.

5.52 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada sepuluh orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan rang undang-undang Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Pindaan) 2022.

Daripada sepuluh orang pembahas yang telah mengambil bahagian, 100 peratus nampaknya menyokong dan ingin melihat supaya FAMA ini akan terus bergerak terus bagi membantu petani-petani dan juga usahawan-usahawan bimbingan FAMA.

Sebelum itu, suka ingin saya maklumkan bahawa walaupun sebenarnya Peraturan Mesyuarat 35(1) iaitu isi ucapan di mana seorang Ahli-ahli Dewan apabila membahaskan rang undang-undang yang meminda akta induk, hanya perkara-perkara berkaitan dengan rang undang-undang sahaja dibenarkan bercakap dan tidak kepada perkara-perkara yang tidak melibatkan akta induk, sebab itu perkara yang bukan termasuk dalam pindaan.

Akan tetapi saya faham, Ahli Yang Berhormat semua kerana sayang akan FAMA, hendak melihat FAMA dapat mewakili nasib dan kita membela petani-petani dan juga usahawan-usahawan bimbingan. *Insyaa-Allah*, kita yang sedaya mungkin nanti saya akan memberikan sedikit penjelasan.

RUU ini sebenarnya adalah menyentuh pindaan terhadap tafsiran keluar pertanian yang memberi peluasan kuasa kepada FAMA untuk menguruskan pemasaran ternakan yang terpilih iaitu lembu dan sejenis dengannya, kambing bebiri, rusa, arnab dan ternakan unggas seperti ayam, puyuh dan itik. Apa pun daripada 10 Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian tadi, hari ini saya segala relanya saya maklumkan bahawa saya rasa cukup teruja sekali. Banyak pelajaran yang telah saya peroleh, pandangan serta idea-idea bernas daripada Ahli-ahli Yang Berhormat cukup saya hargai.

Bahkan, apabila saya menyoal dan menanya tadi Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli, saya kata bacaan apa yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah tadi? Yang Berhormat kata, itulah ayat Al-Quran Surah Yusuf.

Terima kasih Yang Berhormat, banyak memberi saya pelajaran. Sekurang-kurangnya pelajaran ini sebenarnya boleh kita gunakan untuk sama-sama kita bawa FAMA sebagai satu-satunya agensi yang boleh mewakili bukan sahaja untuk petani-petani, kita mahu melihat supaya pengguna dan juga orang ramai dapat benar-benar mendapat manfaat daripada apa yang kita bincangkan pada hari ini.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa FAMA pada masa ia ditubuhkan tahun 1965 diberikan kelulusan dan kuasa untuk memasarkan ternakan sekali. Akan tetapi apabila Maju Ternak ditubuhkan pada tahun 1973, kuasa itu ditarik. Apabila sampai tahun 1983, apabila kita

bubarkan Maju Ternak, kita minta kalau boleh kuasa itu dipulangkan semula. Apatah lagi sampai masa dan ketika yang cukup bertepatan sekali. Apabila kita menghadapi PKP pada tahun 2020 dahulu, kita nampak ada pentingnya FAMA ini diberikan kuasa tersebut.

Ini kerana pada ketika tersebut, kita boleh menggunakan Ordinan Undang-undang Darurat dan boleh memasarkan hasil ternakan tadi. Akan tetapi selepas kuasa itu ditarik semula, jadi kita rasa ada kepentingan supaya FAMA kuasa diperluaskan melalui pindaan undang-undang ini.

Sebagaimana yang dimaklumkan, bahawa FAMA sebagai agensi kerajaan yang melaksanakan fungsi pemasaran keluaran hasil pertanian yang dibenarkan oleh akta. Dalam Akta 141 FAMA ini, tafsiran pemasaran adalah merujuk kepada aktiviti pemasaran, termasuk penjualan, pembelian, pengumpulan, penyimpanan, pengangkutan, pemprosesan, penggredan, pembungkusan, pelabelan, pengawetan dan macam-macam tan.

Akan tetapi apa-apa pun saya hendak sebut di sini, selain daripada kita import, kita juga membuat eksport. Itu sebab kita dapat lihat bahawa semua usahawan tani di bawah bimbingan FAMA yang memasarkan produk-produk yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa. Ini adalah satu daripada perkara utama yang diberikan perhatian oleh FAMA untuk membantu mereka supaya pelabelan dan pembungkusan ini akan dapat dibantu supaya mereka dapat memasarkan serta menembusi pasaran antarabangsa.

FAMA akan terus melaksanakan perkhidmatan pemasaran melalui lima strategi utama iaitu pembangunan pasaran, pembangunan infrastruktur, pemasaran dan kemudahan pemasaran. Pembangunan usahawan dan juga penyediaan produk-produk yang kita regulasi dalam pasaran.

Seterusnya, saya ingin pergi serba sedikit kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Kalau saya tidak dapat jawab ataupun tidak memuaskan, *insya-Allah* kita akan cuba jawab secara bertulis.

Pertamanya, sahabat saya daripada Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman tidak ada di sini, tetapi Yang Berhormat Senator Dato Dr. Nuing Jeluing pun tidak ada di sini.

Selepas itu, Yang Berhormat Senator Jefridin bin Haji Atan. Terima kasih Yang Berhormat, orang muda yang sebenarnya banyak membahaskan perkara-perkara ilmiah tentang ekonomi. Seronok saya dengar sekali.

Akan tetapi apa yang kita hendak sebut di sini, kalau bagusnya ada disebutkan yang pergantungan kita kepada makanan yang bernilai tinggi berbanding dengan eksport kita. Pagi tadi kita dah sebut perkara ini. Kita berharap supaya semua peringkat masyarakat dapat sama-sama memahami bahawa pada ketika ini negara ataupun dunia sedang menghadapi suatu krisis yang cukup membimbangkan sekali, tidak terkecuali negara kita. Isu kekurangan bekalan makan adalah terjadi di mana-mana.

Akan tetapi kita bernasib baik isu ini dapat kita atasi dalam negara kita kerana kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang begitu peka sekali dan mahu memberikan satu perhatian yang khusus dalam memastikan supaya bekalan sampai kepada semua pengguna dan nelayan-nelayan, petani-petani serta penternak-penternak kita, wira-wira kita supaya nasib mereka sentiasa dibela.

■1800

Jadi, Yang Berhormat tadi ada sebutkan tentang eksport kita pada tahun ini. Setengah tahun pertama, kita sudah berjaya eksport sebanyak RM36 bilion dan kita jangka- walaupun import kita akan terus meningkat. Pada tahun setengah pertama, kita telah mengimport sebanyak lebih kurang RM36 bilion jugalah.

Pada tahun ini, pada tahun 2021 sehingga bulan Jun 2022, kita telah import sebanyak RM36 bilion. Maknanya, kita menjangka sampai cukup tahun nanti kita akan mengimport sebanyak RM73 bilion berbanding dengan tahun 2021 sebanyak RM63.6 bilion. Tahun 2020 pula sebanyak RM55 bilion.

Maknanya, setiap tahun peningkatan ini akan berlaku. Sebab, saya sebutkan tadi bahawa keadaan di dunia pada ketika ini sedang menghadapi satu isu yang cukup membimbangkan sekali. Kenaikan harga yang tidak dapat dikawal kerana bukan sahaja berkenaan dengan iklim, maknanya, dengan izin, *extreme weather condition* tetapi kerana geopolitik kita yang tidak stabil berkenaan dengan peperangan yang berlaku.

Maknanya, bukan sahaja negara-negara yang terlibat itu diberikan sekatan bahkan peningkatan kos daripada logistik pun sendiri yang tidak terkawal. Apatah lagi sekarang tentang pengukuhan nilai dolar yang memang cukup membimbangkan kita. Jadi, itu sebabnya rakyat terpaksa mengganggu bebannya.

Akan tetapi, seperti yang saya sebutkan tadi, kerana kita mempunyai pemimpin yang cukup prihatin, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tentang ayam sahaja pada ketika ini- Tuan Yang di-Pertua, kalau saya boleh sentuh sedikit tentang ayam sahaja. Kita terpaksa melakukan satu skim intervensi yang telah diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat apakah masalah yang berlaku. Bukan sahaja tentang bekalan, bahkan tentang harga.

Apabila kita memperkenalkan sistem subsidi sejak bulan Februari sehingga bulan Jun yang lalu, mula-mula kita berikan subsidi sebanyak 60 sen satu kilo pada bulan Februari, bulan Mac. Selepas itu bulan April, Mei, dan Jun, kita naikkan lagi 80 sen. Jadi, maknanya subsidi sudah pergi RM1.40 satu kilo. Ini kerana kenaikan bekalan makanan haiwan ini terlalu mendadak.

Kalau dahulu- Yang Berhormat ada sebutkan tadi tentang jagung. Jagung dan juga soya ini ialah 70 peratus daripada kos pengeluaran ayam adalah bergantung kepada

makanan. Makanan utama mereka iaitu jagung sebagai karbohidrat dan soya sebagai protein. Jagung untuk kekuatan, tenaga dan juga tumbesaran. Tubuh boleh membesar. Begitu juga soya. Jadi, kita tidak boleh lari daripada ini.

Jadi, Yang Berhormat Senator Datuk Lim ada sebut apakah makanan sampingan yang kita telah buat dan kita ke arah tersebut. Agensi daripada MAFI, melalui MARDI dan juga agensi-agensi yang lain dengan kolaborasi beberapa buah universiti sekarang, kita ke arah tersebut. Kita mempunyai satu formulasi tetapi kita masih lagi perlukan *base*-nya mestilah jagung dan juga ada soya walaupun tidak secara sepenuhnya. Mesti sekurang-kurangnya 30 peratus kita gunakan daripada jagung.

Iaitu kita gunakan, yang pertamanya, yang telah kita temui pada ketika ini adalah daripada temukut yakni daripada beras yang dijadikan dedak dan juga daripada hampas padi tadi dicampurkan dengan jagung dan juga sedikit daripada soya. Tidak lupa juga ada juga lagi formulasi baharu dengan penggunaan PKC daripada kelapa sawit dan juga campuran dengan minyak daripada CPO tadi. Akan tetapi, tidak boleh banyaklah.

Akan tetapi, apa pun Yang Berhormat...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan, Tuan Yang di-Pertua, boleh kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Boleh, boleh.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai:Memang seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan makanan ada eksport dan ada import, tetapi yang / tidak faham dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu mengenai beras.

Beras kita memang tidak cukup untuk rakyat jelata. Bekalan ke Malaysia pun tidak cukup tetapi / mendapati beras kita pun boleh eksport sampai boleh dapat RM48.2 *million* dan sampai boleh menjadi eksport yang ke-34 terbesar di seluruh dunia.

So, apakah strategi kita atau pendirian kita? Adakah kita tanam padi itu, beras itu untuk rakyat diri sendiri dahulu atau untuk eksport dahulu? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya beras kita tidak ada eksport. Beras untuk kegunaan dalaman. Memang macam ayam suatu ketika dahulu- sekarang pun ayam kita sebenarnya kita mempunyai SSL 104 peratus, berlebihan. Kita dapat lihat setelah intervensi daripada kerajaan memperkenalkan sistem subsidi, kita dapat lihat banyak ayam sekarang di pasaran. Murah pula, sudah turun harga walaupun kita tetapkan harga kawalan daripada RM8.90, kita naikkan kepada RM9.40. Sekarang harga sudah jatuh sudah kerana- tetapi kerajaan telah putus *no export*. Hanya kita benarkan sedikit sahaja eksport ke Singapura. Itu pun ayam kampung sahaja.

Jadi, mengenai beras, kerajaan pada ketika ini, seperti Yang Berhormat maklum, bahawa SSL kita hanya 63 peratus sahaja. Kita mempunyai unjuran kalau boleh sampai tahun

2025, nanti kita sampai 75 peratus dengan memperkenalkan beberapa kaedah SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB).

Kita yakin apa yang Yang Berhormat tadi ada sebutkan dan sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebutkan beberapa matlamat kita, apa yang telah kita capai. Kalau dahulu kita hanya dapat 3.5 metrik tan per hektar tetapi sekarang dengan SMART Sawah ini, kita berjaya dapat tujuh hektar.

Selepas itu saya sangat seronok sekali apabila Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli ada sebutkan tentang pendigitalan. Sebenarnya, Yang Berhormat, saya ceritakan sedikitlah. Sekarang MAFI sudah melancarkan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang mendapat sambutan yang cukup luar biasa sekali. Saya hendak jemput semua Ahli Yang Berhormat Senator, kalau berkesempatan, untuk sama-sama hadir. Kita sampai 14 hari bulan nanti.

Kita boleh berjaya mendapat kunjungan daripada banyak pelabur berkualiti. Seorang daripadanya datang daripada China dan kita telah berjaya menandatangani beberapa perjanjian. Apa yang saya hendak sebutkan di sini, seorang daripadanya atau kumpulan daripada China dipanggil "DingDong System". DingDong iaitu sebuah syarikat yang dikendalikan sekumpulan orang muda yang menggunakan *computerized system*. Semua sekali, macam Yang Berhormat Senator sebutkan tadi, pendigitalan.

Ia penjualan semua produk pertanian dengan *e-banking* ataupun *e-commerce* dan juga ia mempunyai satu kekuatan- ia mempunyai sistem yang cukup hebat. Maknanya, kita *press the button, within minutes* barang sudah sampai. Petani ini ataupun usahawan ini menjadi seorang *billionaire overnight*. Jadi orang *billionaire*.

Jadi, apabila saya dapat berbual dengan mereka- kita tidak sangka kedatangan mereka. Akan tetapi, dia dibawa oleh seorang daripada sahabat peniagaan dia. Jadi, apa yang saya dapat sajikan selain daripada kopi, saya sajikan dia buah nangka. Nangka kita. Apabila dia makan nangka kita, dia seronok. Dia kata dia sudah makan nangka ini dekat Vietnam tetapi nangka di Malaysia ini adalah cukup luar biasa.

Selepas itu, saya kata, "Ambil nanas". Apabila saya bawa nanas, Tuan Yang di-Pertua, dia datang empat orang, habis sekali dikerjakannya. Dia hendak nanas itu kalau boleh dieksport, dia hendak pasarkan. Saya kata, saya minta maaf, saya tidak dapat hendak membekalkan kerana nanas pada ketika ini merupakan sumber kekayaan baharu yang mungkin ramai orang susah hendak percaya.

Akan tetapi, siapa-siapa yang telah terlibat dengan nanas ini, barulah tahu ini sumber kekayaan baharu yang boleh kita banggakan. Saya kata, saya tidak berkeupayaan untuk membekalkan kerana nanas pada ketika ini cukup diminati.

Semasa kita menghadiri ekspo di Dubai, inilah sebenarnya permintaan yang tertinggi. Bukan sahaja daripada negara-negara Arab, bahkan daripada macam negara daripada *Germany*, dari Itali dan juga negara lain yang sangat tertarik.

■1810

Kalau di Hong Kong dan China hendak durian tetapi di sebelah sana, dia hendak kita punya nanas dan juga nangka. Saya tengok Tuan Yang di-Pertua tengok saya lain macam ini, saya pun perasan kerana saya tidak hendak mengambil masa yang panjang. Apa pun, saya hendak mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tengok sebab saya syok dengan cara ulasan penjelasan yang diberikan kepada Ahli Dewan Negara... [*Tepuk*] Itu, bukan saya hendak suruh berhenti... [*Tepuk*] Boleh teruskan, tidak ada masalah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Terima kasih fasal Tuan Yang di-Pertua sebelum ini sudah *warning* saya, "*Dimuatkan masa kita ada lagi rang undang-undang yang dibentangkan ini, walau apa pun kita hendak kalau dapat, dicepatkan.*"

Datuk Razali bin Idris: Akan tetapi kalau sudah rasa cukup, tidak mengapa.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Saya sebut tadi, saya cukup teruja sekali. Banyak pelajaran yang saya sudah peroleh. Apa cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat tadi cukup bernas sekali dan *insya-Allah* kita akan terus membina supaya apa agensi-agensi pertanian ini akan terus benar-benar dapat mewakili dan membela nasib petani-petani kita dan kita mahu lihat supaya apa juga masalah yang dihadapi oleh pengguna juga dapat kita atasi.

Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff juga ada sebut tadi tentang ekosistem agromakanan. Beliau juga ada sebut tentang karkas tadi, peringkat akhir karkas ayam. Karkas daging dan juga ayam.

Untuk makluman, semua ayam yang kita import dari luar negara ini, Yang Berhormat, dari banyak negara. Pada ketika ini kalau ayam, kita ambil dari Thailand, Vietnam, China dan Holland. Semua negara yang mempunyai kilang ini ataupun yang kita panggil loji ini, kita akan buat audit. Audit ini datang daripada DVS, dari Jabatan Veterinar kita, daripada JAKIM, daripada Kementerian Kesihatan. *Team* ini akan membuat satu audit pemeriksaan dan mengesahkan bahawa loji-loji ini bukan sahaja mematuhi apa juga peraturan-peraturan, standard negara kita bahkan kehalalannya dijamin.

Kita memang ada wakil-wakil kita di tiap-tiap negara tersebut dan apabila semua *consignment* ini masuk, *consignment* yang masuk ini bukan sahaja ayam ataupun daging. Apa sahaja *consignment* yang ada hubungan kait dengan pertanian, sama ada benih ataupun pokok pun akan melalui satu Kastam kita yang kita panggil MAQIS. MAQIS ini satu bentuk penguatkuasaan tentang kuarantin dan *inspection*. Dia yang akan mengesahkan bukan sahaja

persijilan bahkan ini semua barangan datang daripada loji-loji yang telah disahkan oleh MAFI tadi. So, banyak kes yang kita tangkap yang menjadi rezeki untuk harimau-harimau kita. Mana-mana daging yang kita tidak boleh sahkan ataupun kita ada mengesyaki, tidak akan kita masukkan.

Jadi, daging itu kita akan rampas dan kita bawa ke zoo. Itu ialah rezeki mereka. Begitu juga ayam. Jadi, janganlah kita gusar. Bahkan *insya-Allah* MAFI yang telah diberikan tanggungjawab untuk menyelia bagi memastikan supaya apa juga produk-produk makanan yang kita import dari luar negara, *insya-Allah* kehalalannya boleh kita perakui. Jadi itu sahaja Yang Berhormat, saya mohon maaf kalau ada apa-apa kesilapan.

Saya mohon maaf banyak tidak dapat jawab satu persatu tetapi apa pun pegawai-pegawai saya banyak mencatat itu. *Insya-Allah* kita akan menjawab secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Datuk Razali bin Idris **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kesihatan I (Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali) dan diluluskan]

*[Datuk Razali bin Idris **mempengerusikan Mesyuarat**]*

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG RACUN (PINDAAN) 2022****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.18 mlm.**

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Racun 1952 [Akta 366]... *[Membaca doa alu-aluan] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam Keluarga Malaysia sihat sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 366 mula berkuat kuasa pada 1 September 1952 di Malaysia Barat dan 1 Jun 1978 di Malaysia Timur bertujuan untuk mengawal pengimportan, pemilikan, pengilangan, penyebatian, penyimpanan, pengangkutan, penjualan dan penggunaan racun seperti yang disenaraikan di bawah senarai racun dalam Jadual Pertama Akta 366 dan bahan-bahan psikotropik yang disenaraikan di dalam Jadual Ketiga Akta 366.

Akta 366 dicadangkan untuk dipinda bagi memperkukuhkan kawalan ke atas racun dan bahan psikotropik serta memberi fleksibiliti dalam pengendalian racun untuk tujuan yang sah di samping mengemas kini Akta 366 agar selaras dengan keperluan semasa.

Untuk makluman semua Ahli Dewan, akta ini dipinda kali terakhir pada tahun 1988, melalui Akta Racun (Pindaan) 1988 [Akta A695] yang antara lain memperuntukkan kesalahan berkaitan bahan psikotropik. Buat masa ini, terdapat lebih daripada 1,600 – bahan, disenaraikan di bawah senarai racun, Jadual Pertama Akta 366 sebagai racun. Manakala terdapat 82 – bahan, disenaraikan di bawah Jadual Ketiga Akta 366, sebagai bahan psikotropik.

Semasa Akta 366 mula dikuatkuasakan pada tahun 1952, hanya terdapat 140 – bahan, yang disenaraikan sebagai racun. Penambahan racun baru adalah berdasarkan bahan kimia yang baru muncul dan memberi risiko kepada masyarakat sekiranya tidak dikawal sebagai racun.

■1820

Penambahan lebih daripada 1,500 jenis racun baru dalam tempoh 70 tahun dan peruntukan kawalan racun yang dipinda terakhir pada 33 tahun yang lalu, memberi bayangan terdapat keperluan untuk memperkukuhkan kawalan ke atas racun dan bahan psikotropik.

Bagi memperkukuhkan kawalan ke atas racun dan bahan psikotropik, Akta 366 dipinda antara lain dengan memperuntukkan kesalahan berkaitan pembelian racun daripada pemborong yang bukan pemborong berlesen dan memperkenalkan seksyen baharu 26A ke dalam Akta 366 yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk mengeluarkan

arahan bagi pelaksanaan seksyen 26 di bawah Akta 366 yang mana keingkaran untuk mematuhi arahan tersebut merupakan suatu kesalahan.

Peruntukan berkaitan pengkompaunan kesalahan juga dimasukkan serta kuasa-kuasa penguatkuasaan turut diperkemas dan diperkukuhkan agar kawalan dan penguatkuasaan ke atas racun dan bahan psikotropik dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Beberapa peruntukan penalti juga ditingkatkan bagi memastikan pesalah menerima hukuman yang setimpal dan seterusnya mencegah kesalahan ini daripada dilakukan.

Bagi memberi fleksibiliti dalam pengendalian racun untuk tujuan yang sah dan memastikan pindaan Akta 366 selaras dengan keperluan semasa, beberapa peruntukan telah dikemas kini.

Peruntukan berkaitan dokumen dan perekodan diberi fleksibiliti untuk dibuat dalam bentuk elektronik tertakluk kepada keperluan tertentu. Ahli Farmasi Berdaftar juga dibolehkan menjual atau membekal racun secara runcit tanpa keperluan lesen Jenis 'A' di premis yang telah pun mempunyai seorang ahli farmasi yang berlesen.

Beberapa takrifan juga telah diperkenalkan, dipinda atau dipotong selaras dengan pemakaian semasa. Selain itu, keperluan untuk menyiarkan senarai maklumat pelesenan dalam warta turut dipotong kerana ia adalah tidak praktikal lagi. Justeru, cadangan pindaan Akta 366 yang dibuat adalah amat penting bagi memastikan kesinambungan aktiviti kawalan racun dan bahan *psychotropic* serta meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan Akta 366. Cadangan pindaan kepada akta ini dibuat bagi membolehkan ia kekal relevan serta kalis masa hadapan- *future-proof*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2022 diwujudkan bertujuan untuk meminda seksyen 237(15), (16), (17), (18), (19), (21), (23), (24), (26), (30), (31), (32), (35) dan Jadual Ketiga memotong seksyen 28 serta menambah seksyen baharu 4A, 26A, 31A, 31B, 31C, 31D, 31E, 31F, 32A, 34A, 34B dan 34C kepada Akta Racun 1952. 23 fasal yang dicadangkan adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi "Tajuk Ringkas" yang bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan termasuk kuasa untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 366 untuk memasukkan takrif baru dan meminda takrif sedia ada berkaitan dengan istilah tertentu yang digunakan dalam akta ini.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 3, Akta 366 untuk menukar nama *Malaysian Pharmaceutical Association* kepada *Malaysian Pharmacists Society* agar sejajar dengan nama yang digunakannya sekarang.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A ke dalam Akta 366 yang membolehkan ketetapan diluluskan tanpa mesyuarat, tertakluk kepada syarat tertentu.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda perenggan 7(3)(b), Akta 366 untuk mengecualikan penjualan atau pembekalan bagi mana-mana racun oleh seseorang yang bekerja di mana-mana hospital atau institusi lain yang mana penyakit haiwan dirawat daripada pemakaian Akta 366 jika penjualan atau pembekalan itu dibuat dalam perjalanan tugasnya untuk kegunaan dalam wad, bilik bedah atau bahagian lainnya.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 15, Akta 366 untuk membolehkan pemborong berlesen untuk menjual racun kepada seseorang yang memerlukan racun itu bagi maksud pematuhan kepada mana-mana undang-undang bertulis bagi rawatan perubatan pekerjaanya dalam mana-mana perniagaan atau perdagangan.

Fasal ini juga bertujuan untuk memperuntukkan kesalahan kepada orang tertentu yang membeli racun daripada pemborong, selain daripada pemborong berlesen.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 16, Akta 366 untuk membenarkan penjualan apa-apa racun secara runcit oleh Ahli Farmasi Berdaftar di premis atau dari premis yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan di bawah Akta 366, dan untuk memasukkan subseksyen (4)(a) yang baharu untuk membolehkan Ahli Farmasi Berlesen menyimpan rekod Ahli Farmasi Berdaftar yang bertugas atau bekerja di premis yang Ahli Farmasi Berlesen itu dilesenkan untuk menjual racun secara runcit.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda subseksyen 17(1) Akta 366 untuk membolehkan mana-mana racun dijual atau dibekalkan kepada mana-mana orang yang berumur kurang daripada 18 tahun untuk tujuan rawatan pergigian.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda perenggan 18(1)(b) Akta 366 bagi memperuntukkan bahawa penjualan atau pembekalan racun Bahagian I secara runcit boleh dilakukan oleh atau di bawah pemantauan secara langsung Ahli Farmasi Berdaftar di premis atau dari premis yang Ahli Farmasi Berlesen dilesenkan untuk menjual racun secara runcit dengan syarat penjualan atau pembekalan tersebut adalah dilaksanakan mengikut terma atau syarat yang terkandung dalam lesen yang dikeluarkan kepada Ahli Farmasi Berlesen itu.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 19, Akta 366 sebagai pindaan berbangkit daripada pemasukan istilah baru iaitu "Doktor Veterinar Berdaftar".

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 21 akta ini untuk memperkatakan kehendak yang dikenakan ke atas preskripsi elektronik termasuklah kehendak bagi tandatangan digital dilakukan mengikut Akta Tandatangan Digital 1997 [Akta 562]. Fasal ini juga bertujuan untuk meminda cara mengendors atau menanda preskripsi semasa penjualan atau pembekalan racun dibuat.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda subseksyen 23(1), [Akta 366] untuk memperuntukkan bahawa Racun Kumpulan D boleh dibekalkan atau dijual secara runcit oleh Ahli Farmasi Berdaftar.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 24, [Akta 366] sebagai pindaan berbangkit daripada pemasukan istilah baharu "Doktor Veterinar Berdaftar" dan pindaan perkataan "buku" kepada "daftar".

Fasal 14 bertujuan untuk meminda seksyen 26 akta ini untuk memansuhkan pengeluaran lesen Jenis 'C' kepada penjual yang disenaraikan untuk menjual secara runcit dan menyimpan Racun Kumpulan F memandangkan Racun Kumpulan F telah dicadangkan untuk dipotong daripada akta ini dan lesen ini juga tidak lagi dikeluarkan untuk tempoh masa yang panjang dan tidak lagi digunakan. Fasal ini juga bertujuan untuk menjadikan satu kesalahan bagi mana-mana orang yang melanggar mana-mana terma atau syarat mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Akta 366.

Fasal 15 bertujuan untuk memasukan seksyen baharu 26A ke dalam akta ini untuk memberi Ketua Pengarah Kesihatan kuasa untuk mengeluarkan arahan sebagaimana yang difikirkan perlu atau sesuai manfaat olehnya bagi pelaksanaan Akta 366 berkaitan lesen.

Fasal 16 bertujuan untuk memotong seksyen 28 yang mengehendaki senarai tahunan semua orang yang dilesenkan di bawah akta ini disiarkan memandangkan di bawah seksyen 27, seorang Pegawai Pelesenan untuk setiap negeri telah pun dikehendaki untuk menyimpan Daftar Lesen yang dikeluarkan di bawah Akta 366.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda seksyen 30 akta ini untuk menaikkan penalti bagi kesalahan yang berhubung dengan pengimportan, pengeksportan, pembuatan, penyebatian, pencampuran, pendispensasian, penjualan, pembekalan, pemberian pemilikan atau penggunaan mana-mana bahan psikotropik yang tidak mengikut mana-mana peraturan yang di bawah akta ini.

Pindaan dibuat dengan menaikkan penalti daripada denda tidak melebihi RM10 ribu atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya kepada denda tidak melebihi RM100 ribu atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda seksyen 31 Akta 366 untuk menghendaki Pegawai Penguatkuasa Dadah mengemukakan pemberian kuasa yang diberikan kepadanya secara bertulis oleh Pegawai Pelesenan jika diminta oleh orang yang terhadapnya kuasa Pegawai Penguatkuasa Dadah itu digunakan. Fasal ini juga bertujuan untuk memotong mana-mana kuasa yang diperuntukkan kepada Pegawai Penguatkuasa Dadah, Pegawai Polis dan Pegawai Kanan Kastam kerana kuasa-kuasa ini telah disusun semula ke dalam seksyen baharu supaya sesuai dengan kerangka undang-undang terkini.

Fasal 19 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 31A, 31B, 31C, 31D, 31E dan 31F ke dalam Akta 366.

Seksyen baharu 31A yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa pegawai diberi kuasa yang berhubungan dengan penguatkuasaan pemeriksaan dan penyiasatan.

Seksyen baharu 31B yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kuasa pegawai diberi kuasa untuk menggeledah premis dan menyita apa-apa bahan dan artikel yang disyaki telah melanggar Akta 366.

Seksyen baharu 31C yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa pegawai untuk diberi kuasa untuk memasuki premis atau tanah pada bila-bila masa bagi maksud memastikan pematuhan Akta 366.

■1830

Seksyen baharu 31D yang dicadangkan bertujuan untuk mengenakan obligasi ke atas mana-mana orang yang dikehendaki oleh pegawai diberi kuasa untuk memberikan maklumat atau dokumen.

Seksyen baharu 31E yang dicadangkan bertujuan untuk memberi kuasa kepada pegawai yang diberi kuasa untuk mengakses apa-apa maklumat yang direkodkan dan data berkomputer.

Seksyen baharu 31F yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada kemasukan, penggeledahan atau penyitaan boleh didapatkan kembali melainkan jika kemasukan, penggeledahan atau penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda seksyen 32 Akta 366 untuk meningkatkan penalti am yang diperuntukkan di bawah seksyen ini daripada denda tidak melebihi RM3,000 atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya kepada denda tidak melebihi RM50 ribu, atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Pindaan ini juga bertujuan untuk meningkatkan penalti bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang berhubungan dengan kemungkiran, sengaja atau kecuaiian salah yang membahayakan atau berkemungkinan membahayakan nyawa manusia. Daripada denda tidak melebihi RM5,000 atau pemenjaraan tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya kepada denda tidak melebihi RM200 ribu atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Fasal ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mana-mana artikel yang berkenaan dengannya. Suatu kesalahan di bawah akta ini telah dilakukan hendaklah dilucut hak dan dilupus dengan cara yang diarahkan oleh pegawai pelesenan.

Fasal 21 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 32A ke dalam Akta 366 untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan atau mana-mana Pegawai Penguatkuasa Dadah yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kesihatan selepas mendapat keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya untuk mengkompaun mana-mana kesalahan yang ditetapkan oleh Menteri dengan persetujuan Pendakwa Raya sebagai kesalahan yang boleh dikompaun di bawah akta ini. Fasal ini juga menyatakan tatacara pengkompaunan kesalahan itu.

Fasal 22 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 34A, 34B, 34C ke dalam akta ini.

Seksyen baharu 34A, bertujuan untuk melindungi Pegawai Pelesenan, pegawai diberi kuasa, Ahli Lembaga Racun atau mana-mana orang yang lain yang bertindak atas arahan Pegawai Pelesenan, pegawai diberi kuasa atau Lembaga Racun daripada apa-apa tindakan atau pendakwaan bagi apa-apa tindakan yang telah dilakukan olehnya jika tindakan itu dibuat dengan suci hati.

Seksyen baharu 34B, bertujuan mengadakan peruntukan bagi keterangan *agent provocateur*.

Seksyen baharu 34C, bertujuan memperuntukkan bahawa pesanan bertulis di bawah seksyen 15 atau seksyen 23 dalam bentuk mesej elektronik yang dihasilkan berdasarkan Akta Perdagangan Elektronik 2006 [*Akta 658*] dan mematuhi kehendak yang ditetapkan di bawah Akta 366 hendaklah memuaskan kehendak Akta 366 berkenaan dengan mesej elektronik.

Fasal 23 bertujuan peruntukan meminda seksyen 35, Akta 366 mengenai kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum rang undang-undang ini dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, izinkan saya untuk menjelaskan beberapa pindaan kepada Akta 366.

Keperluan pindaan kepada seksyen 31 dan tambahan seksyen baharu 31A, 31B, 31C, 31D, 31E, 31F, 34A dan 34B adalah untuk memperkemaskan kuasa-kuasa yang diberikan kepada pegawai yang diberi kuasa ataupun *authorized officer* untuk menguatkuasakan Akta 366. Manakala pindaan kepada seksyen 30 dan 32 antara lain untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan yang melibatkan bahan psikotropik dan racun serta peruntukan berkaitan pengkompaunan kesalahan juga dimasukkan melalui penambahan seksyen baharu 32A.

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin menegaskan bahawa cadangan-cadangan ini tidaklah dibuat sewenang-wenangnya tetapi atas dasar tanggungjawab besar yang dipikul oleh kementerian ini dalam melindungi rakyat, alam sekitar dan negara daripada kesan mudarat atas pengendalian racun dan bahan psikotropik yang tidak betul, tidak teratur dan tidak berintegriti.

Sebagai contoh, *pseudoephedrine* iaitu bahan yang digunakan dalam sediaan ubat selesema atau batuk. Akan tetapi, *pseudoephedrine* juga digunakan dalam penghasilan dadah *methamphetamine* ataupun lebih dikenali sebagai syabu. *International Narcotics Control Board* pada tahun 2020 melaporkan sejumlah 1.5 kilogram *pseudoephedrine* boleh menghasilkan satu kilogram syabu bergantung kepada kaedah sintesis yang digunakan.

Dos yang sering diambil oleh seorang penagih syabu adalah di antara lima miligram hingga 60 miligram, iaitu satu kilogram syabu boleh disalahgunakan oleh 200 ribu orang penagih dengan mengambil kira penggunaan lima miligram seorang.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, syabu bukan sahaja mengakibatkan ketagihan di kalangan pengguna tetapi sering dikaitkan dengan keadaan psikosis sehingga ada yang sanggup membunuh ahli keluarga dan kenalan rapat. Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk meningkatkan penalti dan memantapkan penguatkuasaan melalui pindaan ini bagi menangani situasi seperti di atas.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Akta 366 ini juga memperuntukkan beberapa fleksibiliti dalam pengendalian racun untuk tujuan yang sah. Sebagai contoh, pindaan seksyen 16, 18, 21 dan 23 memberikan fleksibiliti kepada ahli farmasi berdaftar untuk membekalkan racun secara runcit tanpa keperluan memiliki lesen jenis 'A' sekiranya pembekalan tersebut dilakukan di premis yang telah pun mempunyai seorang ahli farmasi berlesen.

Walaupun fleksibiliti ini diberikan, ahli farmasi masih perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam lesen kepada ahli farmasi berlesen di premis tersebut. Selain daripada itu, fleksibiliti dalam pengendalian dokumen dan perekodan juga diperuntukkan dalam cadangan pindaan akta ini merangkumi rekod penjualan, pembekalan, pesanan bertulis dan preskripsi.

Dalam hal ini, pindaan yang dicadangkan dalam seksyen 24 di mana istilah "*book*" dipinda kepada "*register*" bagi membolehkan rekod boleh dibuat dalam bentuk selain daripada buku termasuk dalam bentuk elektronik. Selanjutnya pesanan bertulis di bawah seksyen 15 dan 23 boleh dibuat secara elektronik menurut seksyen 34C manakala preskripsi boleh dibuat secara elektronik menurut seksyen 21.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta 366 ini akan memberi kesan-kesan positif seperti berikut:

Pertama, memudahkan pengendalian racun dan bahan psikotropik untuk kegunaan yang sah dengan membenarkan penggunaan dokumen dalam bentuk elektronik selaras dengan perkembangan teknologi.

Kedua, memastikan pihak industri dan profesional kesihatan meliputi ahli farmasi, pengamal perubatan, pengamal pergigian dan doktor veterinar bertanggungjawab dan berakauntabiliti dalam industri yang melibatkan pengendalian racun dan bahan psikotropik.

Ketiga, menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat serta alam sekitar kerana racun dan bahan psikotropik yang dikawal di bawah Akta 366 merupakan bahan-bahan aktif farmaseutikal dan bahan kimia industri yang berpotensi untuk disalahgunakan dan dipesongkan untuk tujuan yang tidak sah seterusnya menggugat keselamatan dan kesihatan awam dan juga imej negara. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, Timbalan Menteri Kesihatan I. Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Kesihatan II [Datuk Aaron Ago Dagang]: Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Razali bin Idris: Ahli-ahli Yang Berhormat, Masalahnya ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Racun 1952 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai empat orang Yang Berhormat Senator untuk berbahas. Saya membenarkan masa lima minit seorang untuk berbahas.

Dijemput Yang Berhormat Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff dipersilakan.

6.38 ptg.

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan.

Pertamanya saya hendak ucapkan tahniah kepada kementerian yang berjaya membawa Rang Undang-undang Akta Racun sehingga ke Dewan Negara dan untuk dibahaskan hari ini. Dengan masa, ruang yang sedikit saya hanya ada beberapa soalan.

Saya juga ucapkan tahniah atas pembentangan tadi ya. Kita tahu banyak kesan positif daripada sekiranya rang undang-undang ini dilaksanakan nanti. Saya hanya ada situasi yang perlukan penjelasan. Contohnya budaya masyarakat sekarang di mana mereka suka membuat-merawat diri sendiri.

■1840

Kalau sakit *Google* sahaja. *Google* sahaja dan mendapat penerangan-penerangan di laman-laman web tertentu dan mendapat cadangan ataupun mendapat informasi ubatan-ubatan daripada laman web dan mula membeli secara atas talian.

Jadi bagaimana pihak kementerian boleh mengawal keadaan ini sebab ini adalah amat berbahaya terutama apabila pesakit merasakan simptomnya adalah sama seperti yang diceritakan di laman web tersebut dan mula membuat rawatan sendiri. Ini amat bahaya. Jadi bagaimana pihak kementerian boleh mengawal keadaan begini.

Keduanya saya juga hendak bertanya sebab sekarang juga ada wujudnya aplikasi yang menyediakan perundingan secara atas talian. Di mana pesakit tidak perlu membuat

pemeriksaan oleh doktor. Maksudnya dia cuma ada konsultasi secara atas talian dan kemudian dia boleh mendapatkan ubatan tanpa ada pemeriksaan. Ini sangat bahaya sebab tidak semua penyakit itu boleh dirawat dengan konsultasi sahaja sebab pemeriksaan-pemeriksaan fizikal adalah amat penting. Itu yang keduanya.

Ketiganya saya hendak membawa isu yang sedang hangat sekarang. Suara daripada para doktor di luar sana bila agaknya isu bekalan ubatan ini akan selesai. Kita tahu sekarang ini susah hendak dapat *paracetamol* pun susah. Saya faham sebab saya juga ada klinik sendiri. Hendak mendapatkan *paracetamol* itu *queue*-nya panjang. Sedangkan Yang Berhormat Menteri telah memberi janji bahawa pada bulan Ogos kita akan selesai masalah *paracetamol* sahaja. Sampai sekarang kita masih lagi belum mendapat bekalan yang telah dijanjikan daripada pembekal-pembekal kepada hospital kerajaan. Jadi ini suara daripada doktor untuk dijelaskan oleh pihak kementerian.

Satu lagi saya hendak juga tanya bagaimana penjualan ubatan atas talian. Ubatan-ubatan psikotropik. Saya tadi, saya sahaja hendak *test online* dekat *Shopee*. Masih lagi ada penjualan contoh nya *sudafed* atau pun *pseudoephedrine* seperti Yang Berhormat cerita tadi. *Pseudoephedrine* memang bahaya apabila dicampurkan dengan bahan-bahan lain. Boleh mengakibatkan pelbagai kesan sampingan yang amat berbahaya. Jadi bagaimana kerajaan mengawal keadaan ini.

Satu lagi bukan sahaja di Malaysia. Sekarang kita dunia tanpa sempadan. Kita melihat contoh tadi saya cuba untuk *test* ubat bernama *duromine* yang amat popular di kalangan orang-orang obesiti. Itu pun kita boleh buat tempahan secara *online*.

Jadi bagaimana kerajaan hendak mengawal keadaan begini. Kita faham akta ini lebih menjurus kepada kita hendak mengawal pengamal perubatan ataupun *pharmacist* tetapi bagaimana orang-orang yang bukan dalam bidang dia menjual ubat-ubatan yang boleh menimbulkan kesan buruk kepada masyarakat.

Saya rasa itu sahaja terima kasih. Semoga dapat jawapan daripada soalan-soalan saya. Dengan itu saya mohon menyokong.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya.

6.43 ptg.

Dato' Haji Ahmad bin Yahaya: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, Tuan Yang di-Pertua. Secara prinsipnya saya ingin menyatakan sokongan

terhadap pindaan yang dikemukakan atas tujuan bagi memperkukuhkan kawalan ke atas racun dan bahan-bahan psikotropik yang perlu di selaras berdasarkan keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua sebagaimana yang dibentangkan oleh kementerian semasa penggubalan akta ini kira-kira 30 tahun yang lalu. Hanya terdapat 140 – bahan, yang disenaraikan sebagai racun. Tujuh dekad kemudiannya menyaksikan lebih daripada 1,600 - bahan, telah disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Racun 1952 yang diklasifikasikan sebagai racun.

Pertama, di sini menunjukkan evolusi kepada bahan kimia yang digunakan sehingga peningkatan lebih 1,500 bahan-bahan dikategori sebagai racun.

Kedua, saya melihat bagaimana di sebelah penguatkuasaan juga perlu sentiasa peka dengan perkembangan pesat teknologi ketika ini. Tidak mustahil penambahan bahan beracun dalam Jadual Pertama akan terus berlaku. Cuma persoalannya bagaimana kita mahu satu langkah ke hadapan dalam menyediakan cegah rintang sebelum bahan beracun tersebut merosakkan individu, masyarakat dan juga alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua saya menyokong peruntukan baharu seksyen 26A yang dimasukkan bagi kesalahan pembelian racun daripada pemborong yang tidak berlesen serta pindaan seksyen 30 yang berhubung dengan kesalahan dan rangkaian daripada pengimportan dan pengeksportan sehingga kepada pemilikan mahupun penggunaan bahan psikotropik yang tidak mengikut peraturan.

Perkara ini wajar cuma bergantung kepada penguatkuasaan yang berterusan. Kebimbangan kita adalah berkenaan kawalan produk-produk perubatan mahupun bukan perubatan yang tular dalam masyarakat. Jadi ini yang disebut oleh sahabat Yang Berhormat Senator tadi. Produk-produk ini tentunya tiada pengesanan dari KKM tetapi kerana kesedaran masyarakat yang kurang serta peranan mempengaruhi di media sosial. Produk berkenaan terus menerus dibeli oleh masyarakat awam.

Oleh sebab itu saya mengharapkan ketegasan pihak KKM dalam perkara ini. Kita berhadapan dengan cabaran produk yang dijual dalam talian bukan semata-mata premis perniagaan secara fizikal. Perkara sebegini sudah tentu memerlukan intervensi yang sejajar dengan cabaran semasa. Malah saya berpandangan dasar-dasar sedia ada perlu di semak dan ditambah baik bagi memastikan ia kekal relevan.

Tuan Yang di-Pertua lanjutan daripada perkara ini saya juga mengambil maklum mengenai pengumuman Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan penubuhan Jawatankuasa Induk Pembangunan Industri Kanabis dan Ketum bagi tujuan perubatan.

Jawatankuasa ini akan mengendalikan bukti-bukti empirikal terhadap penggunaan ketum dan kanabis khususnya bagi tujuan perubatan. Saya menyambut baik hasrat

kementerian untuk bersedia mendengar bukti-bukti yang empirikal terhadap perubahan menggunakan bahan kanabis dan ketum.

Saya berpandangan langkah awal kita perlu menyediakan satu jaringan keselamatan sebelum mempertimbangkan pendaftaran dan penggunaan kedua-dua bahan ini. Apa yang menjadi kebimbangan saya bukan aspek regulasi kementerian yang sememangnya ketat tetapi penyalahgunaan dalam masyarakat yang akan menjadi semakin berleluasa dan tidak terkawal.

Jadi kita sudah maklum bahawa mudarat yang ada kepada kedua-dua itu sudah pasti manfaatnya belum. Bahkan dalam Al-Baqarah ayat 219. Allah mengingatkan... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Ertinya, “*Jadi keburukan itu lebih daripada manfaatnya*”.

Ketika ini dadah masih menjadi musuh nombor satu dalam negara. Dadah khususnya syabu bukan sahaja menyebabkan seseorang berkhayal bahkan juga penyakit psikosis sehingga mendorong tragedi pembunuhan sesama ahli keluarga sendiri sebagaimana yang dilaporkan di media massa dan tadi disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita bimbang mudarat yang dibuat oleh bahan-bahan ini lebih besar daripada manfaatnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu jaringan keselamatan ini perlu dirangka terlebih dahulu khususnya melibatkan pengendalian pembekalan dan penjualan racun menepati kehendak undang-undang. Penghasilan dadah hari ini juga semakin jauh ke hadapan.

Maka langkah pencegahan itu juga perlu ada satu langkah ke hadapan. Jika jaringan keselamatan kepada masyarakat kita kukuh. Maka barulah kita lebih bersedia untuk mempertimbangkan sebarang perubahan terhadap kedua-dua bahan ini. Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad bin Yahaya.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek.

6.50 ptg.

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk ruang perbahasan pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua saya ada beberapa persoalan yang ingin saya kemukakan pada petang ini dalam perbahasan yang berkaitan rang undang-undang ini.

Pertamanya saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan Malaysia yang berjaya mengemukakan.

■ **1850**

Akhirnya satu rang undang-undang yang sekian lama ditunggu. Memandangkan rang undang-undang ini sudah agak lama tidak dipinda khususnya berkaitan dengan beberapa

pindaan yang saya fikir sangat signifikan dimasukkan ketika ini untuk sekurang-kurangnya bersama dalam arus perdana dengan perkembangan-perkembangan dalam dunia elektronik dan juga dalam isu khususnya melindungi kepentingan rakyat, kesihatan dan juga alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan.

Pertama adalah berkaitan seksyen 3 iaitu pindaan terkait rapat dengan penggantian *Malaysian*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Malaysian Pharmaceutical Association* kepada *Malaysian Pharmacy Society*. Saya fikir ini apa pun namanya, apa pun labelnya, apa yang penting sekarang kita melihat kebimbangan-kebimbangan pada masa hadapan dan kebarangkalian-kebarangkalian yang kita bimbang.

Pertama, penglibatan *Malaysian Pharmacy Society* ini, baru-baru ini bersama dengan *Lazada* yang saya difahamkan bahawa mereka diberikan mandat untuk mengeluarkan pengesahan terhadap produk-produk kesihatan termasuk ubat-ubatan yang diniagakan oleh penjual atau pembekal yang berlesen menerusi platform e-dagang.

Cuma isunya bila kita menggunakan persatuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, regulasi ini menjadi sangat kritikal kerana ia juga melibatkan satu buah *platform* yang lain iaitu platform bersifat komersial.

Jadi soalan saya, adakah kementerian juga membuat persiapan daripada segi pelanggaran- pelanggaran regulasi ini di peringkat MPS sendiri dan juga kredibiliti untuk memastikan bahawa produk-produk yang dijual, diniagakan ini mendapat pengesahan yang sebenar dan ataupun akan ada badan-badan regulasi lain yang akan turut serta membuat pengesahan tentang signifikan keselamatan khususnya tentang produk-produk ini. Itu yang pertama.

Kedua adalah berkaitan dengan seksyen 31(f). Saya ada sedikit sahaja kebimbangan tentang seksyen 31(f) ini Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana dalam seksyen 31(f) ini disebut, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *No cost or damages arising from entry search or seizure to be recoverable*. Baik, ini ada soal isu jaminan keadilan. Sekiranya berlaku salah *entry*, salah *search*, salah *seizure*. Jadi adakah mekanisme jaminan keadilan untuk mereka yang akhirnya perlu mendapatkan keadilan kerana berlaku isu mereka tidak mendapat pampasan yang sepatutnya kerana salah tindakan oleh pihak-pihak ini.

Selanjutnya adalah berkaitan dengan seksyen 32(a). Yang Berhormat Timbalan Menteri, untuk *compounding of offences* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Untuk isu ini saya fikir ada beberapa autoriti yang sangat penting. Pertama adalah *the Director-General of Health* dan juga *drug enforcement officer*.

Soalan saya, adakah persediaan penguatkuasaan kerana ia melibatkan dua *enforcement* yang sangat besar daripada *Director-General of Health* sendiri dan juga

penguatkuasaan daripada *drug enforcement officer*. Berapa ramaikah yang kita ada? Ini kerana bukan lagi bersifat satu dimensi sahaja, kesihatan tetapi juga alam sekitar elektronik dan sebagainya.

Jadi saya memohon pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan persediaan penguatkuasaan ini. Saya fikir itu sahaja Tuan Yang di-Pertua yang saya fikir relevan dan penting untuk dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Pembahas kita yang terakhir Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen. Dipersilakan.

6.54 ptg.

Datuk Lim Pay Hen: Salam sejahtera. Salam Keluarga Malaysia. Saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang masih berada di Dewan yang mulia ini kerana begitu komited dan setia sehingga kita habis perbahasan pada hari ini. Terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam sesi perbahasan pindaan rang undang-undang atau Rang Undang-undang (RUU) Racun (Pindaan) 2022.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan untuk mengemukakan pindaan rang undang-undang ini. Ini sebab saya berpendapat demikian kerana pada ingatan saya Kementerian Kesihatan telah membuat beberapa kali taklimat bersama Ahli-ahli Parlimen mengenai pindaan ke atas Akta Racun atau juga dikenali sebagai Akta 366 sejak tahun 2016 kemudian tahun 2017.

Secara keseluruhannya pindaan ini melibatkan pindaan ke atas seksyen-seksyen sedia ada, memansuhkan seksyen 28 dan menggubal seksyen baharu. Oleh sebab ramai sahabat-sahabat Ahli Senator telah mengemukakan hujah-hujah perbahasan mereka, maka dalam sesi perbahasan ini saya hanya menyentuh beberapa perkara mengenai pindaan ke atas seksyen-seksyen sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya melihat pindaan RUU ini, kementerian mengemukakan pindaan lebih kepada mengenai kawal selia atau pindaan teknikal ke atas individu atau institusi perubatan yang mengendali racun atau ubat mempunyai kandungan racun dalam penggunaan rawatan perubatan, pergigian serta kajian ke atas haiwan.

Dengan itu saya ingin mendapatkan penerangan daripada pihak kementerian mengenai *psychoactive pelan*, dengan izin, seperti ketum yang juga dikawal selia di bawah akta ini. Apabila di imitasi untuk penggunaan bahan-bahan *psychotropic* dan apakah yang kementerian rancang bagi memastikan keseimbangan dalam penggunaan bahan-bahan

psychotropic. Tiada penyalahgunaan atau tidak? Ini juga kerana negara jiran Malaysia ini seperti Thailand telah mengawal selia dan membenarkan penggunaan *marijuana* ataupun dikenali sebagai ganja bagi tujuan keseronokan ataupun *recreational*, dengan izin.

Berdasarkan kepada penerangan yang sebelum ini oleh kementerian dan kini jawatankuasa teknikal di bawah kementerian, saya percaya kementerian telah mempunyai kajian klinikal atau kajian konklusif untuk menunjukkan faedah kesihatan dan kesan sampingan penggunaan seperti *psychotropic*. Kajian itu akan menjadi penting dalam menentukan sama ada untuk menghalalkan ataupun mengharamkan penggunaannya.

Saya meminta agar kementerian dapat berkongsi bersama dengan masyarakat mengenai hasil kajian klinikal atau kajian konklusif tersebut. Ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat mengenai penggunaan racun supaya tiada penyalahgunaan. Jika kita mengikut perkembangan semasa oleh sebab COVID-19, bagi saya kawal selia penggunaan racun tidak hanya tertumpu pada *psychoactive pelan*, dengan izin, seperti ketum berkemungkinan juga racun-racun lain yang masih dalam perkembangan kajian terutamanya hasilan tradisional.

Dengan itu saya ingin mengetahui daripada kementerian sejauh manakah pihak berkuasa kementerian boleh menguatkuasakan kuasa di bawah akta ke atas mereka yang mengambil hasil-hasilan racun daripada bahan-bahan tradisional yang mempunyai struktur kimia yang serupa. Memandangkan sebab COVID-19 ini masyarakat dan ada mereka yang menyalahgunakan racun di bawah perundangan tetapi berpandangan berbeza. Dengan sebab perubahan, persoalan seperti *life-threatening*, dengan izin, sebagainya.

Sebab yang kedua ialah terdapat kerumitan dan kesukaran dalam menyediakan kuantum teknikal seperti isi padu dibenarkan oleh doktor ataupun had ambang untuk membezakan antara penggunaan terkawal dan penyalahgunaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2022. Terima kasih

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Selanjutnya saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

7.00 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih empat Yang Berhormat yang berpeluang untuk membahaskan rang undang-undang ini. Walaupun dalam masa yang agak singkat tetapi persoalan-persoalan yang dikemukakan merupakan perkara-perkara yang sangat penting.

Jadi seperti yang kita kata tadi, ini adalah rang undang-undang yang dinanti-nantikan. Sudah lebih dari 30 tahun tidak ada pindaan dan menyebabkan kandungannya agak

ketinggalan. Jadi tujuan utamanya ialah untuk memberikan pengukuhan, memberikan fleksibiliti dan juga untuk mengemas kini akta ini agar di selaras dengan masa terkini.

Jadi berkenaan dengan konsultasi soalan daripada Yang Berhormat Dr. Hajah Wan, tentang konsultasi tanpa pemeriksaan. Itu mana-mana kita sudah pastilah satu amalan yang salah kerana mana boleh kita bagi ubat, seorang bagi ubat hanya dengan dengar saja. Ini tidak cukup. Semua doktor faham benda ini. Daripada mula Tahun 1 sampai Tahun 6 belajar, mesti ada satu tahun di mana praktikal, di mana kita biasa memeriksa pesakit, melihat tanda-tanda, simptom, sains dan mendengar simptom yang disediakan oleh pesakit. Barulah kita buat keputusan apakah *provisional diagnosis* dengan izin dan kita dapat memberikan ubat.

Jadi kalau kata melalui Thailand, tentulah lagi salah. Sebab apa, sebab sudahlah bukan doktor, kita pun tidak tahu siapa. Inilah masalah yang kita hadapi di negara kita sekarang ataupun suasana dunia sekarang ini ialah orang mudah percaya kepada dalam talian, sosial media umpamanya. Itulah terjadinya. Sebab itu hari ini kita lihat vaksin pun kita bagi tapi kanak-kanak tidak dapat mengambil kerana ada *parents* yang percaya kepada berita-berita yang tidak benar.

Jadi, dalam perbincangan kita tentang pemeriksaan, tanpa pemeriksaan diberikan ubat, sudah pasti ia merupakan satu kesalahan dan jika ada sebenarnya kita bukan saja benda-benda terdedah tapi di negara kita ini kita ada tempat-tempat untuk kita mengadu. Kalau kita tidak faham, tidak puas, apa yang telah dilaksanakan, kita boleh mengadu.

Umpamanya kalau kita dapat di bawah Kod Amalan Pengamal Perubatan Berdaftar maka aduan boleh dibuat kepada Majlis Perubatan Malaysia. Tindakan akan diambil, siasatan akan dibuat di bawah Akta Perubatan 1931. Ini akan dibuat. Kalau kita contohnya kalau kita tidak puas hati tentang apa-apa tindakan yang dilakukan oleh penguat kuasa dan sebagainya, kita boleh buat laporan. Hari ini ada SISPA, kita boleh buat laporan pada SPRM pun ataupun kepada Suruhanjaya Integriti. Ini benda-benda yang kita boleh buat untuk melihat masalah-masalah yang timbul.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada persoalan tentang penjualan barang-barang yang tidak mendapat kebenaran. Ini penting sekali. Ini kerana penjualan ubat dalam talian yang bertentangan dengan perundangan merupakan satu kesalahan di bawah Akta Racun dan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [Akta 290].

Pihak kementerian sentiasa memantau, melihat dan mengambil tindakan atas perkara yang ini dan kita juga bekerjasama dengan penyelia platform e-dagang untuk menangani perkara ini. Malah, Bahagian Penguat kuasa Farmasi mempunyai pasukan forensik siber. Forensik siber ini di bawah Cawangan Forensik Farmasi memantau aktiviti dalam talian.

Jadi contohnya penguatkuasaan, pada mereka yang mengiklankan produk farmaseutikal seperti *isufeduren* dan *duromine* yang kita dengar tadi, pegawai penguat kuasa

dadah dari ibu pejabat dan negeri termasuk pemantauan yang dilakukan setiap hari, seterusnya menyiasat aktiviti ini dan pautan yang dikenal pasti akan disiasat bagi tujuan penguatkuasaan.

Selain itu, Bahagian Farmasi ini akan memohon pautan-pautan yang dikenal pasti diturunkan dari platform. Jadi Bahagian Penguatkuasaan Farmasi menjalin kerjasama dengan platform tersebut untuk memberikan maklumat terkini produk farmaseutikal yang tidak dibenarkan, senarai kata kunci, senarai penjual dan modus operandi penjualan ini dan memastikan pematuhan terhadap undang-undang ini dilaksanakan. Akta 366 dan Akta 290.

Kalau saya boleh sebut di sini, kawalan pembekalan penjualan racun seperti yang diturunkan daripada iklan dari tahun 2017 – 1,128, 2018 – 4,579, 2019 – 14,957, 2020 – 8,510 dan 2021 – 13,630. Totalnya berjumlah 42,854. Kita lihat tahun 2021 paling banyak ya. Masa PKP ini kan. Masa PKP orang duduk di rumah, orang pun buka internet, buka sosial media dan lihat semua ini dan platform e-dagang yang terkini yang terkini yang dipantau ialah contohnya www.lazada.com, shoppe.com, mudah.my, lelong.com.my dan sebagainya. Ini semua dilakukan supaya rakyat terselamat daripada bahan-bahan yang berbahaya.

Saya hendak nasihatkan juga bahawa rakyat juga perlu berhati-hati. Produk-produk yang tidak mendapat kebenaran, produk-produk yang tidak dinotifikasikan. Itu salah daripada undang-undang. Produk-produk yang tidak mendapat, yang tidak ada pendaftaran, pendaftaran MAL dan pada produk-produk yang tidak ada logo, tidak ada hologram, itulah benda-benda yang maknanya benda-benda yang jual secara haram. Jadi kita sendiri kena jaga diri kita. Kita kena cerdik dan kita kena bijak. Jangan saja kita dengar yang sesuai dengan kita, kita rasa sesuai dan kita beli. Ini dipihak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu kekurangan bekalan ubat-ubatan tadi. Saya melihatlah yang pertamanya, kekurangan ini disebabkan oleh permintaan mendadak. Hari ini masih COVID ada lagi, influenza daripada datang, penyakit-penyakit ini orang serbu klinik, satu yang pertama.

Mungkin juga di faktor-faktor luaran seperti di negara China *lockdown*, seperti peperangan di Ukraine, bahan mentah yang lambat. Ini semua menjadi masalah. Akan tetapi kerajaan memang mengambil tindakan. Contohnya membenarkan *stockpile* ya supaya dapat diberi kepada pihak swasta.

Walau bagaimanapun, permintaan yang tinggi ini menyebabkan berlakunya kekurangan bekalan bagi beberapa jenis ubat. Tadi yang disebut oleh Yang Berhormat parasetamol. Secara umumnya keadaan ini dijangka akan pulih menjelang suku ke-empat tahun 2022. Sementara itu KKM telah bersetuju supaya stok pengimbal, saya sebut tadi bagi ubatan tertentu diberi kebenaran untuk dijual pada pihak swasta.

Jadi ini pihak swasta mendapat kebenaran, ikutlah adalah tataranya untuk permohonan. Selain itu beberapa tindakan penyelesaian jangka pendek berikutan telah dikenal pasti.

Pertama, fasiliti kesihatan swasta boleh memohon pinjaman bekalan ubat-ubatan daripada fasiliti kesihatan swasta yang lain. Pinjam meminjamlah dulu. Fasiliti kesihatan kerajaan yang terdekat. Fasiliti kesihatan kerajaan boleh menimbang untuk meminjamkan bekalan ubat-ubatan untuk kegunaan ketika kecemasan, krisis dan bencana. Sekiranya perlu, pesakit dari fasiliti kesihatan swasta boleh dirujuk ke fasiliti kesihatan kerajaan terdekat untuk meneruskan rawatan.

Namun yang demikian, pesakit mungkin memerlukan perubahan *regimen* ubat-ubatan berdasarkan ketersediaan di fasiliti yang ada. Pesakit daripada fasiliti swasta juga boleh membeli ubat-ubatan tersebut dari farmasi komuniti dengan preskripsi yang diterima dari klinik. Ini kita buat Yang Berhormat-Yang Berhormat sebenarnya. Saya ada klinik-klinik yang kita beli dari farmasi, yang biasa kita tidak beli, kita beli daripada pengedar, tapi kita beli dari farmasi. Ini maksudnya makna tolong menolonglah antara satu sama lain sementara keadaan akan jadi pulih.

Untuk jangka masa panjang, antara inisiatif yang telah dirancang bagi memastikan *control security* dan *self-reliance* terutamanya dalam situasi krisis ini.

Pertama menggalakkan syarikat farmaseutikal tempatan mengeluarkan ubat-ubatan sendiri termasuk bahan aktif farmaseutikal melalui *Public-Private Partnerships (PPP)*. Pembangunan dan naik taraf sistem pendaftaran *Quest 5* yang boleh memegang pendaftaran produk untuk mengemas kini status pemasaran produk secara *real time* bagi membolehkan pihak berkuasa memantau ketersediaan produk di pasaran.

Ini usaha-usaha yang dijalankan, saya *insya-Allah*, saya percaya masalah yang kita hadapi ini tidak akan berlanjutan begitu lama kerana kerajaan mengambil sangat prihatin tentang perkara ini dan mendengar daripada rungutan rakyat dan juga dari klinik-klinik swasta dan sebagainya dan kita telah buat tindakan.

Jadi satu buah kerangka sedang diperhalusi bagi mewujudkan kerjasama strategik bersama negara-negara pengeluar utama seperti India, China bagi menjamin bekalan API untuk kegunaan negara termasuk semasa krisis.

Peranan advokasi KKM berkaitan paten produk farmaseutikal akan diperkukuhkan melalui kerjasama dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia untuk mengelakkan *patent evergreening*. Ini akan memastikan akses lebih awal pada ubat-ubatan generik, yang paten tentulah lebih mahal ya dan generik yang mampu milik dan melindungi hak pemegang paten.

Dengan adanya perancangan ini KKM berharap ia dapat menjamin bekalan ubat-ubatan yang mencukupi serta berkualiti, selamat dan berkesan kepada rakyat kepada masa hadapan. Perbekalan stok penimbal baru dimulakan pada 22 Julai, baru ini. Setakat ini Pharmaniaga telah menerima pesanan daripada 220 buah hospital dan klinik swasta bagi ubat *paracetamol* 500 miligram. KKM belum lagi menerima senarai keperluan daripada fasiliti kesihatan swasta. Diharapkan dengan penambahan pelbagai jenis ubat stok penimbal dapat menangani isu kekurangan bekalan ubat dan menstabilkan bekalan stok ubat semasa di pasaran Malaysia.

Status semasa stok penimbal ini, senarai ubat-ubatan yang boleh dibekalkan dimulakan dengan *paracetamol* 500 miligram *tablet*. Status proses penjualan dilaksanakan di antara Pharmaniaga dengan pihak swasta dengan proses penjualan telah bermula sejak 22 Julai yang lalu.

Berdasarkan semakan ke atas stok, terdapat 13 jenis ubat iaitu ubat batuk, selesema dan lelah dan hanya empat jenis ubat mempunyai paras stok melebihi dua bulan yang boleh dipertimbangkan untuk perolehan oleh pihak swasta sekiranya mempunyai permintaan. Satu, *promethazine hydrochloride* 5 miligram dalam 5 mil. *syrup*, *paracetamol*, *salbutamol sulphate*, ubat lelah dan *terbutaline* 125 miligram, ini juga ubat lelah.

Jadi, harap kita janganlah bimbang kerana benda ini akan diambil tindakan oleh kerajaan. Jadi, berdasarkan perkara yang berkenaan dengan soalan daripada Yang Berhormat mengenai ketum dan juga kanabis. Kerajaan juga telah menubuhkan jawatankuasa yang khas. Jawatankuasa Induk Pembangunan Industri Kanabis dan Ketum bagi tujuan perubatan yang telah bermesyuarat yang pertama pada 25 Julai yang lalu.

Jadi, kita mendengar juga bagaimana banyak yang mengatakan bahawa dah ada kajian kebaikannya melebihi keburukannya tetapi di negara kita ini kita belum ada kajian yang mencukupi. Jawatankuasa ini juga telah menubuhkan dua lagi Jawatankuasa Teknikal Undang-undang dan juga Jawatankuasa Teknikal Kajian Saintifik dan Komersial ditubuhkan. Jadi, ini akan berbincang, bermesyuarat meneliti segala data yang ada. Kajian-kajian yang telah dilakukan dan juga daripada pakar-pakar dalam negara kita hari ini dan akan membawa kepada Jawatankuasa Induk Pembangunan Industri Kanabis dan Ketum supaya ia satu hari dapat diterima.

Kita hendak kalau benda itu baik, kita amat terbuka. Jadi bermakna, data yang datang, buat pendaftaran dan jika kena semuanya, selamat, efektif dan berkualiti, maka tidak ada salahnya untuk kita membuka pendaftaran untuk penjualan dan sebagainya. Begitu juga, ketum pada masa akan datang, kita melihat kepada apa yang akan dibawa oleh Jawatankuasa Induk Pembangunan hari ini.

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sebentar?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Okey, silakan.

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi: Okey. Saya mengalu-alukan apa yang kerajaan lakukan ketika ini tetapi saya ingin berkongsi mengenai penggunaan CBD *oil*. Sahabat-sahabat saya yang mempunyai *seizures*, anak-anak OKU seperti orang kanser. Ada yang menggunakan CBD *drop*.

Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua tahu mengenai ini dan ia adalah halal. Ada mufti di Amerika Syarikat pun telah pun mengiktirafnya. Penggunaan ini adalah tanpa- saya begitu alu-alukan apa yang Yang Berhormat Menteri telah lakukan pada 25 Julai hari itu untuk membawa kita untuk berbincang kerana tidak semua yang tidak bagus. Ada yang boleh kita pertimbangkan. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Tuan Yang di-Pertua, minta mencelah. Boleh?

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Sila.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Memang selepas mendengar perbahasan daripada rakan-rakan, dulu tidak bimbang, sekarang bimbang. Oleh itu hendak katakan kita bimbang kerana racun yang memang kita sudah tahu produk racun yang tidak daftar itu kita dapat, kita membeli, ini ialah satu kesalahan. Akan tetapi kita tengok orang muda dan rakyat sekarang semua membeli-belah melalui *online* seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, melalui *Lazada* dan sebagainya.

Oleh itu, mereka boleh dapat produk tidak berdaftar atau racun itu yang berkenaan, yang *illegal* dengan secara senangnya. Oleh itu, jika tidak bimbang pun susah. Oleh itu, yang kita tahu ini kesalahan tetapi apakah penyelesaian kerajaan terhadap perkara ini? Adakah hanya memantau sahaja boleh menyelesaikan masalah ini atau apakah pendekatan yang boleh diadakan untuk berhenti produk-produk yang tidak daftar, yang *illegal*, yang racun tidak boleh diterima itu hantar kepada rakyat Malaysia. Minta jelas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Yang Berhormat Timbalan Menteri, nampaknya itu adalah salah satu- boleh dimasukkan sebagai salah seorang pembahas. Dia merujuk isu yang khusus berkaitan dengan perkara ini. Boleh dijawab kemudian nanti. Okey, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat berkenaan dengan CBD *oil* tadi. Itulah sebabnya kerajaan hari ini prihatin dalam perkara ini. Kita tidak hendak kalau benda itu ada kajian yang menunjukkan ia bagus dan data dari luar negara menunjukkan ia bagus, kita tidak hendak undang-undang yang kita ada hari ini sebab ia dalam Akta Dadah. Membahayakan kita sendiri hari ini. Oleh

sebab itu, penubuhan Jawatankuasa Induk Pembangunan Industri ini yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dan dengan kehadiran kementerian-kementerian yang lain memberikan input.

Agensi-agensi, khususnya Kementerian Pertanian, KDN, juga Jabatan Kemajuan Islam bertanggungjawab untuk mengkaji dan merangka hala tuju ke depan. Adakah kita akan memberikan kebenaran untuk penjualan ataupun pandangan masa hadapan dan sebagainya. Jadi, ini akan dibuat, kalau kita dengar daripada apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, akan dibuat secepatnya. Paling lewatnya, awal tahun akan dapat keputusan-keputusan yang lebih memberangsangkan.

Kita hendak supaya kalau ada benda baik, ini untuk kesihatan kita. Dulu pun banyak benda, banyak juga ubat-ubat dulu yang tidak boleh dipakai sebab itu dianggap bahaya. Akan tetapi ada kajian-kajian yang baru menunjukkannya bagus. Maka, kita akan buat keputusan yang baru.

Oleh sebab itu, kita ada jawatankuasa tentang undang-undang, Jawatankuasa Teknikal dan Komersial. Tentang kajian-kajian keberkesanan. Ini ialah perkara-perkara yang penting kerana ini ialah keputusan yang besar yang kita hendak buat. Sama ada macam Yang Berhormat cakap tadi, adakah ia mendatangkan lebih mudarat ataupun lebih manfaat? Ini yang kita hendak buat dan ini yang kita sedang buat. Mesyuarat pertama telah berlangsung dan akan ada lagi *insya-Allah*, dalam masa-masa akan datang kita akan bentangkan lagi perkara-perkara yang lebih baik.

Jadi, berkenaan yang tadi Yang Berhormat sebut tadi, sebenarnya saya dah sebutkan tadi. Kerajaan tidak akan membiarkan perkara ini sebab hari ini orang sentiasa dengan sosial media. Hari ini, sentiasa dan bukan sahaja semua golongan masyarakat. Bila buka sahaja, percaya, terus beli. Kalau beli periuk tidak apalah. Beli periuk, beli beg tangan. Ada duit belilah. Dah minat, beli.

Akan tetapi kalau beli ubat-ubatan, itu sudah tidak betul. Itu saya hendak terangkan tadi. Bukan sahaja kerajaan mainkan peranan. KKM tidak biarkan. Bahagian farmasi, penguat kuasa tidak membiarkan. Malah, kita bergabung dengan platform. Pengendali platform turunkan. Tadi saya dah cakapkan tadi, turunkan iklan-iklan yang tidak munasabah. Malah, saya pesan supaya rakyat sentiasa melihat botol ubat itu, adakah pendaftaran MAL ataupun hologram. Tanda ia produk yang telah dinotifikasi.

Produk-produk yang tidak dinotifikasi adalah haram dijual sebenarnya. Perlu ada notifikasi. Jadi, kesedaran yang perlu ada dan kerajaan sentiasa memantau. Kita bukan buat sekali, kita sentiasa memantau. Saya tidak ada data yang *detail* berkenaan dengan mereka yang telah dihadapkan ke mahkamah, yang telah ditangkap. Akan tetapi apa kerisauan dan

kebimbangan Yang Berhormat bawa tadi itu, memang sebenarnya telah dilakukan oleh kerajaan. Tadi saya beritahu sudah, kita patut melihat perkara itu.

■1920

Jadi, kita ini berfikirlah dahulu sama ada dia berdaftar atau tidak, notifikasi dibuat atau tidak, ada tidak tanda-tanda yang sebut tadi. Adakah dia diluluskan oleh lembaga iklan. Selain daripada pemantauan berterusan, kempen-kempen kesedaran kepada pengguna sentiasa dibuat. Kita dapat lihat dalam sosial media, kita dapat lihat dalam media elektronik, media cetak, dapat lihat di televisyen dan sebagainya, sentiasa kita kata jaga, hati-hati dengan ubat.

Oleh sebab itu hari ini kita ada Kenali Ubat Anda, kita ada Duta Kenali Ubat Anda. Sebab apa? Kita hendak semua orang faham bahawa yang kita hendak ambil ini merupakan racun. Kalau racun ini, adakah dia memberi kebaikan atau memberi lebih mudarat kepada kita. Jadi, supaya kempen-kempen kesedaran ini sentiasa dilakukan, pengguna sentiasa dibuat untuk menyediakan aplikasi semakan pendaftaran produk dan aplikasi produk-produk ubat ini.

Jadi, tidak kisahlah daripada syarikat yang mana pun sama ada di dalam negeri atau luar negeri, kita ini kena- pada zaman sosial media ini, kita kena lebih berhati-hati dan kita kena menasihati keluarga kita, anak-anak kita dan siapa sahaja supaya berhati-hati. Jangan makan ubat tanpa diperiksa ubat itu ada notifikasi atau tidak, bersih atau tidak, halal atau tidak dan jangan kita ambil ubat secara dalam talian sahaja.

Sedangkan ubat ini sepatutnya kita jumpa doktor, kita cerita kepada doktor. Doktor buat pemeriksaan, doktor akan buat keputusan sakitnya apa. Kalau sakitnya serius, maka doktor akan buat mungkin ujian satu atau dua ataupun terus merujuk kes ini ke hospital di mana dapat meneruskan rawatan yang dibuat ini.

Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dibentangkan tadi dibuat pertanyaan oleh Yang Berhormat, saya rasa saya sudah menyentuh kebanyakannya dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat yang mengambil bahagian dan Yang Berhormat yang memberi input tadi. Mudah-mudahan rakyat hari ini sedar dan insaf. Kita jangan percaya semua dan jangan sebarkan. Ini satu lagi. Kita hendak jadi penyebar yang pertama. Kalau tidak pasti, jangan sebar. Tanya dahulu, buat dahulu.

Balik kepada sedikit tentang saya sebut tadi tentang Akta 366 yang kita sebut tadi, pindaan yang dilakukan ini adalah untuk membuat fleksibiliti supaya farmasi, supaya doktor dapat memberi rawatan yang lebih baik dan pindaan yang dibuat ini untuk memperkukuhkan lagi. Kita tidak hendak undang-undang yang sudah 30 tahun ini, denda RM1,000, denda RM3,000, setahun penjara. Dia bayar RM3,000 dia untung berjuta umpamanya.

Jadi, sebab itu kalau kita dapat lihat denda yang dikenakan ini telah meningkat kepada RM100 ribu, RM200 ribu dan ada yang sudah sampai RM500 ribu. Ini hendak bersifat supaya

bukan hendak menghukum, tetapi bersifat supaya untuk menyedarkan, menakutkan dia, bersifat *deterrence* supaya dia tidak lakukan lagi dan juga supaya orang lain tidak melakukan perkara yang sama. Jadi, kita sedang bercakap tentang ubat dan ubat ini akan mempengaruhi nyawa manusia.

Oleh sebab itu kalau didapati ada dadah ubat yang boleh mengancam nyawa, dendanya sampai RM500 ribu, kena jel sampai 10 tahun. Jadi, bukanlah tujuan kita mengadakan undang-undang ini untuk mengenakan atau menghukum orang. Akan tetapi sebenarnya saya kata tadi untuk selari dengan kehendak-kehendak semasa kerana kehendak semasa hari ini bebas sangat. Kita dapat lihat tiba-tiba ada jualan secara *online* dan sebagainya. Hari ini perbahasan memang banyak secara *online* kerana sebenarnya itulah masalah yang kita hadapi hari ini.

Sebab itu kerajaan sentiasa memantau, menurunkan iklan yang salah, sentiasa memberi program-program kesedaran kepada rakyat supaya rakyat lebih berhati-hati lagi dalam membeli apa-apa produk di talian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 23** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kesihatan II (Datuk Aaron Ago Dagang) dan diluluskan]

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan Negara hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 11 Ogos 2022.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.28 malam]